

**Bil. 47**

**Selasa  
27 Oktober 1998**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN LISAN</b> <b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG</b>	
- Rang Undang-undang Perbekalan 1999	(Ruangan 16)
<b>USUL:</b>	
- Anggaran Pembangunan 1999	(Ruangan 16)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

“ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Kharyiah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

Yang Berhormat Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)

- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P.  
(Rompin)

- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lular)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Nora'ini binti Hetam Ramlah binti Mohd. Yusuff Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	---	--

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT**

Selasa, 27 Oktober 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) tidak hadir]*

**PROGRAM EXPO CINTALAH MALAYSIA - JUMLAH PERBELANJAAN**

2. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bilangan pelancaran promosi dan jumlah perbelanjaan Program Expo Cintailah Malaysia dengan membeli barangan buatan Malaysia di setiap negeri di Malaysia pada masa ini. Apakah kesan, sambutan dan maklum balas dari kempen tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini Kempen Membeli Barang Buatan Malaysia adalah dijalankan secara spontan oleh pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan, swasta dan parti politik. Kementerian ini memberi sokongan moral sepenuhnya kepada semua pihak yang menjalankan promosi barangan ataupun kempen itu. Sehingga bulan Oktober ini, sebanyak 47 expo dan promosi buatan Malaysia di peringkat kebangsaan dan negeri telah dijalankan oleh Majlis-majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri dengan kerjasama kementerian ini dan kerajaan-kerajaan negeri. Walau bagaimanapun kementerian ini tidak dapat memberitahu bilangan promosi barangan buatan Malaysia yang telah diadakan oleh pihak swasta dan parti-parti politik.

Dari segi perbelanjaan pula, ianya adalah tanggungjawab pengelola promosi berkenaan dan kementerian ini tidak membantu dari segi kewangan. Kementerian ini telah juga menjalankan sebanyak 103 seminar kepenggunaan pada tempoh yang sama. Seminar-seminar itu adalah bertujuan untuk mempromosikan barang buatan Malaysia. Sementara itu, kementerian telah mencipta logo rasmi barang buatan Malaysia serta mencetakkan risalah yang menyenaraikan barangan buatan Malaysia dengan tujuan memudahkan orang ramai untuk mengenal pasti dan memilih barangan tersebut. Pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga kerap kali menghadiri temu ramah di radio dan televisyen bagi mempromosikan barangan buatan Malaysia.

Berkenaan dengan kesan sambutan dan maklum balas, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini tidak menjalankan penilaian secara rasmi. Walau bagaimanapun adalah didapati cara tidak formal bahawa sambutan adalah sangat menggalakkan.

Mengikut satu kajian bebas yang dibuat oleh sebuah syarikat swasta baru-baru ini, sebanyak 95% daripada jumlah 2,000 responden menyatakan bahawa mereka menyedari tentang kempen Membeli Barangan Buatan Malaysia. 85% daripada responden-responden itu merasa bahawa barangan buatan Malaysia adalah setanding atau lebih baik dari segi kualitinya jika dibandingkan dengan barangan import dan 80% daripada responden itu telah membeli lebih banyak barangan buatan Malaysia dibandingkan dengan tempoh setahun yang dahulu.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan. Daripada kajian yang dijalankan didapati ramai pengguna menyedari tentang mutu barang-barang buatan Malaysia. Setakat ini bagaimanakah pula sikap peniaga dan golongan yang memasarkan barang-barang buatan Malaysia ini. Adakah mereka memberi sokongan yang begitu kuat berbanding dengan barang-barang yang bukan buatan Malaysia yang mendapat iklan yang begitu meluas melalui media-media? Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi sikap peniaga yang menjual barang-barang, suka saya jelaskan bahawa sikap yang ditunjukkan oleh peniaga dan pembuat barang-barang (manufacture) Malaysia, dan juga peniaga adalah begitu baik sehingga mereka juga terlibat dalam menganjurkan expo dan seminar, mempromosikan barangan buatan Malaysia dan peniaga-peniaga pula mengambil bahagian dengan menyertai expo-expo ini. Selain dari itu oleh kerana harga barangan-barangan import itu telah menjadi lebih mahal, peniaga pula tidak boleh mempromosikan barang-barang import, oleh kerana harganya terlalu mahal dan ramai pengguna mengelak membeli barang-barang tersebut, maka peniaga juga menggalakkan pembelian barang buatan Malaysia.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kerajaan begitu bangga dengan barang-barang tempatan, bilakah kerajaan akan menentukan supaya kenderaan kerajaan khususnya kenderaan yang diberi kepada menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan juga exco-exco negeri, sama ada kerajaan akan mencadangkan kereta Proton Perdana dijadikan sebagai kenderaan rasmi semua agensi kerajaan.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diputuskan oleh pihak kerajaan dan telah pun diumumkan bahawa semua anggota kerajaan iaitu menteri, timbalan dan setiausaha parlimen akan menggunakan kereta Proton selepas tamat tempohnya penggunaan kereta-kereta yang sedia ada. Tak payahlah kita tukar kereta yang sedia ada sehingga masanya ia boleh digunakan. Jadi dari pihak kerajaan, kita telah pun buat, dan saya berharaplah Ahli Yang Berhormat dari sebelah sana dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain juga akan mengikuti, tak payah menunggu sehingga ke tempoh tamat mula gunakan kereta Proton.

*[Soalan No. 3 - (Y.B. Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) tidak hadir)]*

#### **SYARIKAT PERWAJA STEEL- KEDUDUKAN ERIC CHIA**

4. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan terkini kes melibatkan Eric Chia dengan Syarikat Perwaja Steel mengalami kerugian berbilion Ringgit Malaysia.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, siasatan BPR terhadap kes berkenaan masih lagi dijalankan. Jabatan Peguam Negara telah meminta BPR mengambil beberapa tindakan lanjut berkaitan dengan laporan awal siasatan yang telah dikemukakan terhadap Tan Sri

Eric Chia berhubung dengan penyelewengan yang dikatakan berlaku dalam Perwaja Steel. Tindakan-tindakan tersebut perlu diambil sebelum Jabatan Peguam Negara dapat membuat sebarang keputusan muktamad mengenai siasatan berkenaan. Walau bagaimanapun adalah menjadi dasar BPR dan mengikut akta BPR 1997, untuk tidak membincangkan dan mendedahkan butir-butir berkaitan kes yang masih dalam siasatan kerana ia tidak adil kepada pihak berkenaan dan juga boleh menimbulkan sub judice.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di Pertua, apakah masalah yang dihadapi sehingga menyebabkan kes ini memakan masa yang lama. Adakah benar berita yang menyatakan adanya gejala-gejala samseng, ancaman, ugutan ke atas pegawai-pegawai yang mengendalikannya kes ini?

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di Pertua, samseng-samseng itu tidak ada, kerana gejala samseng itu tidak ada dalam negara kita, masalah yang pertamanya mengenai masa yang diambil begitu lama kerana pihak BPR terpaksa menyiasat banyak perkara yang melibatkan banyak hubungan yang perlu diambil kira sama ada di dalam atau di luar negeri dan pihak BPR terpaksa mengumpulkan fakta-fakta yang secukupnya sebelum ianya dibawa ke pengadilan. Itulah sebabnya ia memakan masa yang panjang, biarlah ia memakan masa yang panjang tetapi kita dapat benar-benar melakukan keadilan terhadap subjek yang disebutkan.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bangkit untuk membawa hal ini kerana saya percaya ramai ahli-ahli Dewan yang mulia ini telah pun banyak kali membangkitkan perkara ini dan diharap perkara yang dibangkitkan tidak menjadi salah tanggapan di mana-mana pihak. Pesolannya saya hendak bangkitkan di sini ialah kerana perkara ini untuk mengelakkan kekeliruan dan adanya tanggapan ketidaktelusan kerajaan, maka wajarlah Dewan yang mulia ini memandang serius kepada perkara ini supaya tidak berlaku lagi sesuatu tanggapan yang negatif.

Jawapan Timbalan Menteri tadi saya akui bahawa sekarang ini dengan adanya undang-undang baru BPR membolehkan lagi pihak BPR menjangkau terus membuat penelitian dan penyiasatan yang lebih teliti. Walau bagaimanapun, saya dapat tahu dalam jawapan yang lampau bahawa penyiasatan ini telah dilakukan dan telah pun lengkap oleh pihak BPR dan diserahkan kepada pihak AG. Sekarang ini saya hendak tanya bilakah agaknya buat satu time frame supaya perkara ini dapat kita selesaikan di Dewan yang mulia ini dapat satu rumusan yang jelas kerana ini melibatkan berbilion ringgit duit rakyat dan duit kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di Pertua, memang saya bersetuju bahawa tajuk ini menjadi suatu perkara yang penting kepada masyarakat kerana memanglah pihak masyarakat menunggu-nunggu akan keputusan yang akan dibuat. Walau bagaimanapun saya telah menyatakan, saya tidak dapat hendak memberikan satu time frame yang khusus untuk BPR melakukan siasatan kerana ianya melibatkan banyak pihak termasuklah pihak di luar negeri yang agak sukar hendak ditembusi. Jadi sebab itulah saya menyatakan bahawa masa itu tidak dapat ditentukan biarlah pihak BPR menjalankan kajian, siasatan yang mendalam sehingga semua perkara yang perlu dapat dikumpulkan dan diserahkan kepada A.G. untuk dibuat keputusan akhirnya.

#### SKIM PINJAMAN BUKU TEKS - DASAR KEMENTERIAN

5. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah dasar kementerian terhadap Skim Pinjaman Buku Teks di sekolah-sekolah. Adakah kerajaan bercadang untuk menyemak semula dasar ini untuk meringankan beban kewangan ibu bapa yang berpendapatan rendah dan sederhana.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mulai tahun 1999 dasar kelayakan Skim Pinjaman Buku Teks telah dipinda di mana semua jenis sekolah di kenakan syarat pinjaman buku teks dengan mengambil kira pendapatan dan tanggungan ibu bapa ataupun penjaga. Syarat kelayakan pendapatan dan tanggungan ibu bapa atau penjaga masih lagi dikekalkan seperti sebelumnya sejajar dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Mac, 1998. Adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan dari masa ke semasa untuk menyemak semula dasar yang telah dilaksanakan sekiranya perlu. Sebarang pindaan dasar kelayakan dan skim pinjaman buku teks yang akan dibuat adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu adakah kementerian sedar bahawa kita juga dimaklumkan terdapat buku-buku yang berlebihan di sekolah-sekolah. Tetapi oleh kerana peraturan yang ditetapkan oleh pihak kementerian maka buku-buku itu tidak dapat dimanfaatkan oleh pihak pelajar. Adakah kementerian sedar atau kementerian mahu adjust supaya menyemak semula dasar ini supaya buku-buku itu benar-benar dapat di manfaatkan oleh pelajar-pelajar kita.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di Pertua, kita mendapat banyak maklum balas tentang pelaksanaan Skim Pinjaman Buku Teks ini. Saya suka mengesahkan di Dewan yang mulia ini bahawa memang kita sedang meneliti dan mengkaji akan kesan-kesan daripada pelaksanaan skim ini dan kalau kita dapati perlu kita betulkan di mana kekurangan, kelemahan berlaku kita berbuat demikian, dan pada ketika ini kita telah pun menyediakan satu kertas untuk meninjau ataupun mengkaji semula pelaksanaan dan kelicinan serta kelancaran pelaksanaannya maksud saya dan kita akan kemukakan kepada kerajaan

**Dr. Yap Yit Thong:** Terima kasih, Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Buat masa kini ada banyak kekeliruan berkenaan Skim Pinjaman Buku Teks. Benar atau tidak benar pada masa sekarang, ada ramai guru besar suruh ibu bapa menunjukkan taksiran tahunan atau lain-lain dokumen memberi bukti pendapatan mereka. Seperti yang saya difahamkan, ada ramai ibu bapa tidak kena tax oleh sebab pendapatannya sangat rendah, dan tidak ada lain-lain dokumen menunjukkan mereka punya pendapatan. Ada ramai ibu bapa datang di pusat perkhidmatan saya untuk mengesahkan pendapatannya, tetapi guru besar tidak menerima dokumen kita, macam mana kita boleh menyelesaikan masalah ini.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, memang dalam proses pelaksanaan itu ada aturan dan peraturan yang kita berikan panduan kepada semua guru besar. Pokoknya, semua penjaga atau pun ibu bapa yang berpendapatan RM700 ke bawah semua anak itu sepatutnya mendapat pinjaman ini dan mungkin dalam proses pelaksanaan itu memanglah guru besar berkehendakkan pengesahan. Di sini mungkin timbul masalah itu, tetapi panduan yang kita beri itu cukup jelas, dan macam saya kata tadi kita telah pun menyediakan kertas ini untuk kita teliti semula.

*[Soalan No. 6 - YB Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus) tidak hadir]*

#### **AHLI PASUKAN OLAHRAGA - MEMPERTINGKATKAN TAHAP PRESTASI**

7. **Puan Chua Soon Bui (Tawau)** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan program-program yang dirancang untuk mempertingkatkan lagi tahap prestasi ahli-ahli

pasukan olahraga kita. Apakah kelemahan yang dikesan ekoran berlangsungnya SUKOM ke 16 baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [ Dato' Loke Yuen Yow ]:** Tuan Yang di-Pertua, pasukan olahraga ke Kuala Lumpur 1998 Sukan Komanwel XVI hanya memenangi satu pingat emas melalui acara 50 kilometer jalan kaki lelaki. Pada dasarnya telah diakui sejak dari awal lagi bahawa kemampuan yang terhad atlet dari beberapa sukan termasuk sukan olahraga di mana faktor fizikal merupakan ukuran utama. Bagi sukan olahraga hanya acara-acara jalan kaki lelaki dan wanita sahaja yang mempunyai harapan untuk bersaing dengan atlet-atlet dari negara-negara Komanwel yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di antara kelemahan yang ketara yang dikesan bagi sukan olahraga ialah kurang mantapnya program pembangunan yang bertujuan untuk melahirkan atlet-atlet muda yang berkaliber. Dari kekurangan ini Majlis Sukan Negara bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan telah melaksanakan program khas untuk sukan olahraga melalui penubuhan pusat-pusat khas di sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti. Jurulatih-jurulatih asing telah pun dibekalkan untuk membantu mengenal pasti dan melatih atlet-atlet olahraga di peringkat sekolah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sukom telah menggambarkan kejayaan Malaysia dari segi mengurus sukan besar-besaran dengan mendapat kecemerlangan dan kegemilangan tetapi di samping itu kita tidak boleh menafikan iaitu ada kesan yang telah mendatangkan satu perasaan tidak puas hati segelintir atlet. Umpamanya atlet telah menabur jasa selama lima tahun latihan untuk mengikut Sukom. Hilang pekerjaan dan hilang mata pencarian, tidak mendapatkan pembelaan daripada pihak-pihak tertentu untuk mencari pekerjaan. Jadi saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri adakah mereka ini telah melapor kepada pihak kementerian, oleh kerana kesannya panjang iaitu kalau perkhabaran negatif ini akan didengar semua orang. Mereka yang mendengar tidak akan terlibat lagi dengan sukan. Jadi apakah tindakan kementerian supaya mereka yang telah tersingkir daripada pekerjaan, hilang pekerjaan, dipecat dari pekerjaan tidak lagi menjadi competitive di job market ini boleh dibela dan berapa banyak mereka yang belum dibela.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan tambahan ini, pada umumnya Tuan Yang di-Pertua atlet-atlet yang kita telah pilih untuk menjalani latihan Sukan Komanwel yang telah lepas ini, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah memberi perhatian kepada mereka supaya dari segi kerja ataupun pendidikan mereka itu telah dibela. Iaitu kita telah memberi mereka beberapa jenis pertolongan. Jadi tidak ada masalah tetapi saya ingin menerangkan di sini bahawa sesiapa pun khasnya atlet-atlet negara yang ingin menyertai dalam persediaan mereka untuk menyertai sukan seperti Sukan Komanwel, Sea Games ataupun sukan-sukan lain, mereka tetap bersedia untuk membuat sesuatu sacrifice kepada negara jadi kita tidak minta mereka sacrifice sampai seratus peratus tetapi kita yakin bahawa kita telah memberi mereka pembelaan yang cukup. Kalau mereka ada masalah-masalah tolonglah hubungi Majlis Sukan Negara dan kalau Majlis Sukan Negara tidak dapat menyelesaikan masalah itu, Kementerian Belia dan Sukan akan memberi perhatian dan ini adalah satu prinsip jangka panjang.

**Puan Chua Soon Bui:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah strategi yang dirancang oleh kementerian untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik pada masa depan?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita akan 'bid', dengan izin untuk mengadakan Sukan Olimpik pada tahun 2008, tahun 2012 atau 2016 dan sebagainya. Walau bagaimanapun kita akan mencuba untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik dan seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,

walaupun kita boleh menjadikan negara ini, sebagai satu negara hos untuk Sukan Olimpik tetapi kita kena bersedia dan kita kena mempunyai satu pasukan atlet yang mana kita mempunyai harapan memenangi pingat di Sukan Olimpik itu, walaupun kita jadi hos Sukan Olimpik di Kuala Lumpur tetapi tidak ada orang akan datang untuk menyaksi, khususnya rakyat Malaysia. Jadi dengan tujuan itu seperti apa yang saya telah jawab tadi untuk mewujudkan satu generasi atlet sukan yang berkaliber kita kena bermula ataupun memulakan program kita ini sejak awal lagi apabila budak itu kecil di peringkat sekolah. Jadi kita memerlukan kerjasama dari Kementerian Pendidikan dan Majlis Sukan Negara akan melaksanakan program khas, ini merupakan sebahagian program khas yang kita akan melaksanakan. Jadi program-program lain yang berkesan kita akan jalankan supaya kita dapat mewujudkan satu generasi atlet yang lebih berkaliber. Faktor-faktor fizikal yang menjadikan satu faktor utama yang mana susah payah bagi orang Malaysia untuk memenangi beberapa acara sukan.

#### LEBUHRAYA SRI IPOH – LUMUT (SILEX) – KOS PEMBINAAN

8. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan anggaran kos pembinaan Jalan Lebuhraya Sri-Ipoh Lumut (SILEX) dan jangka masa persiapannya.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos projek penswastaaan Lebuhraya Ipoh-Lumut ialah RM1,003.33 juta. Pecahan kos projek adalah seperti berikut:

(i)	Kos pembinaan	-	RM825.23 juta
(ii)	Kos pengurusan projek & kos awalan	-	RM 98.87 juta
(iii)	Kos pengambilan balik tanah	-	RM 79.23 juta -----
			<b>RM1,003.33 juta</b>

Projek ini dijangka siap pada tahun 2001 dan tempoh konsesi ialah 35 tahun.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Menteri, saya difahamkan projek ini telah diswastakan dan siapakah pemegang konsesi ini dan segi kewangan, saya ingin tahu punca kewangan yang didapati untuk projek ini.

**Dato' Sri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, projek penswastaaan Lebuhraya Ipoh-Lumut akan dilaksanakan oleh Syarikat Sri Ipoh Lumut Expressway Sdn. Bhd. Perjanjian konsesi telahpun ditandatangani pada 29 Ogos 1998 yang lalu. Mereka sedang memproses untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan.

**Tuan Yeong Chee Wah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Lebuhraya Sri Ipoh-Lumut ini akan melalui Bandar Batu Gajah atau mengadakan jalan susulan keluar masuk dari Batu Gajah ke Lumut dan Ipoh. Tujuan ini ialah membenarkan orang tempatan dan orang Batu Gajah boleh menikmati kemudahan lebuhraya tersebut. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham Batu Gajah menjadi satu bandar yang penting. Oleh kerana itu kita mesti mengadakan persimpangan bertingkat. Sejumlah sembilan persimpangan bertingkat akan dibina.

- (i) mula dari Lebuhraya Utara-Selatan;
- (ii) Simpang Pulai-Poslim;

- (iii) Batu Gajah;
- (iv) Seri Iskandar;
- (v) Bandar Sri Iskandar;
- (vi) Air Tawar menghubungi Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat akan dibina;
- (vii) Setiawan;
- (viii) Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat; dan
- (ix) Jambatan Sungai Dinding dan Setiawan-Lumut Bypass

Pembinaan ini telah mengambil kira kemajuan-kemajuan berhampiran kawasan itu oleh kerana saya percaya apabila pembinaan lebuhraya ini selesai banyak kemajuan akan diadakan di kawasan itu.

#### AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN - PERUNTUKAN TAHUNAN

9. **Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan tahunan kepada semua agensi di bawah kementerian secara terperinci; dan
- (b) apakah agensi-agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian yang akan diswastakan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pecahan jumlah peruntukan agensi Kementerian Pertanian bagi tahun 1998 adalah seperti berikut:
  - (i) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
 

Belanja Mengurus	-	RM 75.034 juta
Pembangunan	-	RM 32.689 juta
JUMLAH	-	RM107.723 juta
  - (ii) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
 

Belanja Mengurus	-	RM 26.244 juta
Pembangunan	-	RM 21.035 juta
JUMLAH	-	RM 47.279 juta
  - (iii) Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH)
 

Belanja Mengurus	-	RM 4.688 juta
Pembangunan	-	RM 2.64 juta

	JUMLAH	-	RM 7.328 juta
(iv)	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)		
	Belanja Mengurus	-	RM 29.277 juta
	Pembangunan	-	RM 11.65 juta
	JUMLAH	-	RM 40.927 juta
(v)	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)		
	Belanja Mengurus	-	RM 20.906 juta
	Pembangunan	-	RM 8.256 juta
	JUMLAH	-	RM 29.162 juta
(vi)	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)		
	Belanja Mengurus	-	RM 17.044 juta
	Pembangunan	-	RM 56.8 juta
	JUMLAH	-	RM 73.844 juta
(vii)	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)		
	Belanja Mengurus	-	RM 46.36 juta
	Pembangunan	-	RM 30.8 juta
	JUMLAH	-	RM 77.163 juta
(viii)	Bank Pertanian Malaysia (BPM)		
	Belanja Mengurus	-	RM 4 juta
	Pembangunan	-	RM 23 juta
	JUMLAH	-	RM 27 juta

- (b) pada masa ini kerajaan belum membuat keputusan untuk menswastakan sebarang agensi di bawah Kementerian Pertanian.

**Datuk Abdul Mulok bin Haji Awang Damit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah benar ada ura-ura kerajaan ingin menswastakan FAMA dan Bank Pertanian, kalau ada bila agaknya?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini kerajaan belum buat sebarang keputusan sebagaimana yang saya sebutkan tadi tetapi walau bagaimanapun ada ura-ura Bernas akan cuba mengangkat permohonan untuk mendapatkan penswastakan FAMA.

### DANAMODAL NASIONAL - JUMLAH DITERIMA

10 **Dato' Salomon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat ini berapa banyakkah dana yang telah diterima oleh Danamodal Nasional dari unsur dalam dan luar negara. Berapakah bilangan, jumlah bantuan dan nama institusi kewangan yang telah menerima bantuan Danamodal dan apakah garis panduan yang telah ditetapkan untuk menerima bantuan tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Danamodal Nasional Berhad ataupun dipanggil Danamodal telah menerima sejumlah RM9.2 bilion dalam bentuk modal awalan sebanyak RM1.5 bilion daripada Bank Negara Malaysia dan juga daripada terbitan bond domestik tanpa kupon sebanyak RM11 bilion, nominal yang diterbitkan di pasaran tempatan dengan jumlah perolehan sebanyak RM7.7 bilion.

Sebagai tambahan Bank Negara Malaysia akan membuat suntikan modal tambahan sebanyak RM1.5 bilion menjadikan jumlah modal awalan sebanyak RM3 bilion. Setakat ini 11 buah institusi perbankan telah menandatangani perjanjian bersyarat dengan Danamodal bagi permodalan semula institusi mereka. Institusi perbankan berkenaan ialah gabungan RHB, Sime Bank Berhad, Arab Malaysian Bank, Sabah Bank, Bank Simpanan Commercial Bank Berhad, Arab Malaysian Finance Berhad, Oriental Bank Berhad, MBF Finance Berhad, United Merchant Finance, Arab Malaysian Merchant Bank Berhad, Perdana Merchant Bankers, Utama Merchant Bank.

Lapan daripada sebelas institusi perbankan di atas telah menerima suntikan modal dalam bentuk pinjaman modal subordinate boleh tukar berjumlah sebanyak RM4.5 bilion daripada Danamodal.

Secara dasarnya, Tuan Yang di-Pertua, Danamodal akan hanya menyuntik modal tambahan ke dalam sesebuah institusi perbankan yang masih solvent dan berdaya maju serta institusi perbankan yang mana sekiranya menghadapi masalah mampu menjelaskan kestabilan sistem perbankan negara sekiranya dibuat permodalan semula. Institusi perbankan juga dikehendaki menjual pinjaman tidak berbayar kepada pengurusan Danaharta Nasional Berhad sebelum layak mendapat suntikan dana tambahan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah agaknya jumlah yang akan diperlukan oleh Danamodal untuk tahun hadapan dan, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak nampak satu kriteria garis panduan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Apakah sebenarnya garis panduan dan daripada sebelas bank yang disebutkan tadi di mana adakah bank yang tidak solvent langsung dan bolehkah Yang Berhormat sebutkan, memang ada ikatan dengan NPL, jumlah NPL dalam sebelas bank.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, indicator yang digunakan untuk menyuntik modal ke dalam sesebuah bank bukanlah NPL, sebenarnya ialah capital adequacy ratio. Dalam sistem perbankan kita keseluruhan capital adequacy ratio ataupun dipanggil risk weighted capital ratio adalah 11% tetapi di sini kita menyuntik Danamodal di dalam bank-bank untuk menjadikannya setakat 9%.

Di dalam convention perbankan, 8% dijangka ataupun diterima sebagai tahap yang selamat. Jadi capital adequacy ratio kalau bank itu dapat mempertahankan 8%, itu selamat, bawah 8% itu tidak selamat, atas 8% selamat. Sistem perbankan di negara kita pada keseluruhannya mempertahankan pada 11%. Jadi di sini tidak berbangkit soalan Yang Berhormat mengenai bank yang tidak solvent, yang disenaraikan. Jadi Yang Berhormat jangan bimbang, optimistiklah sedikit mengenai dengan sistem perbankan kita.

Mengenai dengan kehendak ataupun requirement Danamodal berasaskan usaha untuk mempertahankan tahap capital adequacy ratio sebanyak 9%, kita memerlukan sebanyak RM16 bilion pada tahun ini dan tahun hadapan. Jadi di sini perlunya Danamodal

menggunakan garis panduan ini dan garis panduan lain seperti mematuhi kehendak-kehendak Danamodal Nasional Berhad, kehendak liquidity, kehendak solvency, kehendak lain-lain, apa yang saya sebutkan tadi perlu dipatuhi oleh bank-bank supaya usaha Danamodal untuk memperkukuhkan semula sistem perbankan kita dapat dicapai. Terima kasih.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini diberitakan bahawa sistem perbankan negara akan disusun semula dengan mencantumkan bank-bank kommersial yang ada sekarang ke dalam lapan kumpulan. Apakah peranan Danamodal dalam usaha ini dan jika ada bank-bank yang enggan bekerjasama sama ada Danamodal mempunyai kuasa untuk mencantumkan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, satu daripada syarat percantuman ialah bank-bank itu mestilah mencapai tahap ataupun mencapai indicator-indicator yang saya kata tadi iaitu indicator yang boleh mencernakan percantuman itu. Jikalau percantuman berlaku di antara bank-bank yang lemah maka ianya tidak mungkin berlaku.

Jadi dengan adanya peranan Danamodal di dalam usaha percantuman ataupun merger bank-bank yang sememangnya digalakkan oleh kerajaan melalui Bank Negara Malaysia dahulu lagi, bukan sekarang. Dahulu lagi kita telah menggalakkan, cuma kita tidak memberi deadline sahaja. Yang diberi deadline hanyalah kepada finance company tetapi bank-bank tidak diberi deadline, cuma kita menggalakkannya sahaja.

Jadi apabila Danamodal dapat menyuntik modal atau recapitalize modal ke dalam bank-bank maka tahap sesuatu bank itu mencapai tahap capital adequacy yang tinggi maka saya pasti usaha untuk mencantumkan bank-bank akan dapat berjalan dengan lebih lancar kerana percantuman akan berlaku di kalangan bank-bank yang sihat dan ianya pasti akan dapat dijalankan dengan lancar kalau bank-bank yang mengambil bahagian ini adalah bank-bank yang sihat.

#### **PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH DI SEKOLAH – PELAKSANAAN**

11. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bentuk pelaksanaan program pendidikan pencegahan dadah di semua sekolah mulai tahun depan ke arah membasmi penagihan dadah di kalangan pelajar-pelajar menjelang tahun 2012. Apakah bentuk kerjasama pihak Kementerian Pendidikan dengan Keselamatan Dalam Negeri di dalam usaha tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan melaksanakan Program Pencegahan Dadah di semua sekolah melalui tiga pendekatan:

- (i) melalui kurikulum, ada tiga program yang kita laksanakan iaitu Program Pencegahan Dadah melalui Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Di dalam program ini kita galakkan pelajar-pelajar supaya menyisihkan pandangan, misalnya, dalam karangan secara positif ataupun negatif dadah dalam kaitannya dengan kesihatan, kehidupan dan lain-lain.
- (ii) Program Lima Minit Anti-Dadah. Di dalam program ini guru-guru menyampaikan mesej supaya dijauhi dadah lebih kurang selama lima minit sebelum memulakan pengajaran. Program ini dilaksanakan selama dua minggu sempena dengan hari antidadah peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa; dan

- (iii) Program Intelek Asuhan Rohani. Di bawah program ini ada 12 tajuk pilihan yang merangkumi soal kesan dadah dan undang-undang yang berkaitan dilaksanakan di sekolah rendah bagi pelajar-pelajar di tahap dua lagi.

Pendekatan yang kedua ialah melalui pelbagai kegiatan kokurikulum, misalnya melalui skim lencana antidadah yang kita galakkan di kalangan pelajar-pelajar yang beruniform melalui seminar, ceramah dan pameran antidadah. Kemudian melalui karnival antidadah, bukan hendak bersuka ria tetapi kita adakan pertandingan menulis esei, poster, puisi, nasyid, dikir barat dan juga boria. Melalui perkhemahan di mana kita adakan kem jaya diri, pembimbing rakan sebaya dan kem waja diri dan juga kita adakan di bawah kokurikulum ini program lawatan ke pusat-pusat pemulihan.

Yang ketiganya, melalui pendekatan pengesanan. Di bawah program pengesanan ini ujian urine dijalankan dari masa ke semasa bagi mengesan pelajar yang terlibat dengan dadah agar tindakan pencegahan awal dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pendidikan mendapat kerjasama padu dari Kementerian Dalam Negeri dari segi tenaga, sumber maklumat dan kos menjayakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah-sekolah. Kementerian juga menerima peruntukan membiayai kos pembelian kertas jalur untuk program pengesanan ataupun ujian urine di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah masalah penagihan dadah di kalangan pelajar-pelajar ini makin bertambah atau berkurangan? Bolehkah Yang Berhormat menyatakan angka-angkanya di tahun-tahun yang terakhir.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf perangkaan itu tidak ada dengan saya sekarang. Saya tidak boleh berikan tetapi mengikut perangkaan itu kadangkala ada masanya ia naik dan ada kalanya ia turun, saya boleh berikan secara bertulis.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pun bekas seorang guru, kadang-kadang kita takut sekolah ini, pelajar-pelajar bila kita memperbanyakkan hal dadah ini, mereka teringin. Adakah kementerian Yang Berhormat bersama dengan Kementerian Penerangan menggambarkan keburukan, misalnya yang tidur di Chow Kit Road, benda-benda yang teruk bila pelajar kita lihat gambar yang kita tunjuk di sekolah, pelajar-pelajar akan takut dengan dadah ini. Adakah gambaran seperti ini dibawa ke sekolah supaya pelajar-pelajar kita tidak timbul keinginan hendak mencuba. Sebab kalau kita lihat keadaan yang teruk terjadi kepada penagih-penagih dadah ini yang kita tangkap tidur di dalam tong sampah, patut gambaran ini diberikan kepada pelajar-pelajar supaya mereka ini gerun untuk mendekati dengan dadah.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, memang dalam seminar dan kegiatan-kegiatan yang kita buat melalui kokurikulum ada kita pameran bermacam-macam gambar, video dan tujuan kita seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, bukan sahaja untuk sampaikan mesej yang buruk ini tetapi biar kita betul-betul jujuk kepada dadah dan kita mengutuk mereka yang terlibat di dalam perbuatan itu. Semuanya itu ada kita sampaikan kepada pelajar-pelajar kita melalui pelbagai cara dari satu masa ke satu masa dan saya boleh maklumkan sedikit iaitu kesan-kesan daripada aktiviti-aktiviti baik kokurikulum ataupun kurikulum yang kita buat itu memang ada memberi banyak kesan kepada murid-murid dan pelajar-pelajar kita, alhamdulillah, setakat ini saya boleh maklumkan kepada Dewan yang mulia bahawa masalah ini adalah terkawal di peringkat pelajar-pelajar kita.

### EKUITI PETRONAS KE ATAS MIS DAN MISC – PEMBELIAN

12. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Perdana Menteri menyatakan butir-butir berkenaan pembelian ekuiti (saham) oleh Petronas ke atas MIS dan MISC. Adakah pentaksiran nilai harta (asset valuation) dijalankan oleh syarikat asing atau tempatan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petronas telah mengambil alih 29.34% pegangan ekuiti Malaysia International Shipping Corporation Berhad (MISC) daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) pada 23 Ogos 1997.

Pengambilan tersebut dibuat menerusi share swab di mana lebih kurang RM293 juta saham MISC yang diperolehi daripada KWAP dibayar dengan RM293 juta saham Petronas Gas Bhd. Petronas juga telah menandatangani perjanjian jual beli dengan MISC pada 30 April 1998 untuk menjual kesemua modal berbayar Petronas Tanker Sdn. Bhd. (PTSB) kepada MISC pada harga RM5.985 bilion. Penjualan tersebut akan dibayar dengan terbitan sebanyak 859,913,793 saham baru MISC pada harga RM6.96 sen sesaham. Ini sekali gus meningkatkan pegangan ekuiti Petronas dalam MISC daripada 29.34% kepada 62.1% menjadikan MISC anak syarikat Petronas. Transaksi ini telah diluluskan oleh pemegang saham minoriti MISC pada 10 Oktober 1998 yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penilaian ke atas nilai kapal tangki LNG yang dimiliki PTSB serta nilai ekuiti PTSB telah dijalankan oleh Chase Manhattan Bank Kuala Lumpur dan Age Clerkson & Company Limited dari United Kingdom iaitu sebuah broker perkapalan yang terbesar di dunia. Perlantikan kedua-dua syarikat tersebut telah dibuat secara bersama oleh Petronas dan MISC.

**Tuan Lim Hock Seng :** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu masa yang lampau Kerajaan Jepun ada memberi pampasan kepada kerajaan dan rakyat Malaysia sebagai pampasan perang dengan cara memberi beberapa buah kapal laut kepada kita. Apa telah terjadi kepada kapal-kapal ini, sama ada ia masih dimiliki oleh kerajaan dan rakyat atau ia telah menjadi harta benda pihak swasta.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat kena rule soalan di luar daripada soalan asal.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sangat tertarik kepada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai MISC dan Petronas dan sambil melantikkan Chase Manhattan dan sebagainya untuk menilai berapa nilai-nilai kapal. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kedudukan Petronas sekarang dengan mengambil alih saham-saham yang telah disebutkan Yang Berhormat tadi. Adakah kedudukan Petronas sudah terjejas dengan transaksi seumpama ini? Adakah wajar dibenarkan transaksi ini dilaksanakan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Kepong ini tidur, sudah jawab tadi. Saya sebut iaitu pertamanya semua perkara ini dilakukan dengan share profits jadi tidak ada perkara yang boleh menjejaskan kedudukan Petronas itu sendiri. Keduanya, Yang Berhormat, pengambilan pertama saham MISC atau Petronas daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen ialah pada 23 Ogos 1997 iaitu sebelum mulanya recession, bermakna bahawa memang Petronas berminat untuk membeli MISC ini kerana dia ada synergy sebab kita memerlukan kapal-kapal untuk menghantar barangan atau produk kita. Jadi sebab itu pembelian ini bermakna bahawa satu pembelian yang telah dibuat dengan tujuan untuk mengambil alih satu syarikat perkapalan bagi memajukan lagi penglibatan Petronas dalam penjualan minyak dan lain-lain.

Jadi sudah tentulah benda ini dibuat dengan memikirkan bahawa menguntungkan Petronas. Jadi sekali gus dakwaan Yang Berhormat Kepong itu melesetlah. Pengambilan aset ini tidak menjejaskan kedudukan Petronas malah memperkukuhkan lagi sebagai sebuah syarikat yang mengeluarkan minyak.

#### **KEKEJAMAN DAN KEGANASAN POLIS - SIASATAN ATAS TOHMAHAN**

13. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Penyiasatan Diraja untuk menyiasat mengenai kekejaman dan keganasan polis terhadap para tahanan, sama ada di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun lain-lain undang-undang di negara ini untuk membuktikan bahawa wujudnya kedaulatan undang-undang di Malaysia.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya sedemikian memandangkan peraturan serta undang-undang yang ada sekarang adalah mencukupi untuk menyiasat segala tohmahan mengenai kekejaman dan keganasan polis dengan adil dan saksama. Segala aduan mengenai kekejaman dan keganasan polis akan disiasat oleh satu badan, satu pasukan penyiasat polis yang bebas yang dibantu oleh pakar-pakar forensik, ahli kimia, doktor dari agensi-agensi lain mengikut peruntukan Kanun Tatacara Jenayah dan Kanun Kesiksaan. Sekiranya terdapat bukti maka mana-mana orang yang terlibat akan didakwa di mahkamah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa orang ramai tidak puas hati dengan peraturan-peraturan yang ada oleh kerana sangat berat sebelah, sangat tidak adil, di mana semacam kes Yang Berhormat dari Permatang Pauh, tuduhan beliau dibelasah dalam tahanan polis sampai sekarang tidak ada apa-apa hasil daripada siasatan walhal ini patutlah boleh disiasat dengan satu outcome dalam masa yang sangat pendek oleh kerana semua berlaku apabila Yang Berhormat dalam tahanan pihak polis dan sampai sekarang rakyat pun tidak tahu siapa bertanggungjawab untuk menyiasat perkara ini dan bukankah mustahak sekarang untuk memenangi keyakinan orang ramai bahawa pihak kerajaan memberi satu gambaran yang lebih bertanggungjawab mengenai masalah kekerasan dan keganasan pihak polis, bagaimana satu kerajaan yang bertanggungjawab boleh kata bahawa tidak boleh salah kerajaan kalau kanak-kanak mati, kalau kanak-kanak mati. Bukankah ini satu lesen untuk pihak polis buat apa yang sesuka hati. Bolehkah kerajaan memberi satu pendirian yang tegas bahawa sungguhpun ada demonstrasi yang daripada segi undang-undang kita sah, ini bukan lesen untuk tembak menembak, untuk kekerasan, keganasan, itu adalah masalah. Bahawa ini kita tidak commensurate dengan tunjuk perasaan yang aman dan damai.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak jawab soalan yang penghabisan dahululah. Jadi sebenarnya Yang Berhormat kena nasihat orang-orang yang demonstrasi ini supaya jangan bawa kanak-kanak sebab itu bersikap macam 'orang betina'. Kalau betul-betul mahu demonstrasi dan sanggup menghadapi apa-apa risiko maka seharusnya tidak membuat satu perkara yang boleh menyebabkan kanak-kanak itu mungkin keselamatan mereka terjejas, sebab itu pilihan ibu bapa dan mereka yang mahu demonstrasi. Apa pilihan polis walaupun kita tahu bahawa, dengan izin, police exercised a lot of restrain jadi saya harap dalam masa kita menerimalah apa yang Yang Berhormat sebut, Yang Berhormat juga harus menasihat kepada mereka yang mahu berdemo itu supaya bersikap macam orang jantan betul-betullah, bermakna kalau mahu demo hadapi risiko jangan bawa orang-orang perempuan, anak-anak kerana itu bukan satu perkara yang baik kerana dia sendiri meletakkan kedudukan anak-anak mereka itu dalam keadaan yang merbahaya. Jadi Yang Berhormat nasihat mereka sama.

Yang keduanya Yang Berhormat sebut kurang keyakinan orang ramai terhadap polis. Saya tidak nampak iaitu kalau 5,000; 10,000 orang berdemonstrasi, itu kita mengatakan bahawa mewakili majoriti rakyat yang tidak yakin dengan polis sebab saya percaya the silent majority iaitu rakyat Malaysia ada lebih 20 juta, takkanlah 10,000 punya orang pandangan terhadap polis itu boleh dianggap sebagai pandangan majoriti, yang 19 juta lagi memilih untuk duduk di rumah dan tidak mahu berdemo dan tidak menyatakan itu bahawa mereka kurang keyakinan dengan polis. Oleh kerana itu saya fikir bahawa adalah tidak benar untuk kita membuat satu dakwaan secara umum iaitu bahawa sudah berlaku kurang keyakinan di kalangan rakyat terhadap polis.

Yang Berhormat, saya juga ingin menyatakan iaitu bahawa untuk menubuhkan sebuah pasukan dalaman penyiasat polis yang bebas dalam menyiasat perkara yang dilakukan oleh pegawai-pegawai polis itu sendiri, ini adalah merupakan amalan biasa yang mana Yang Berhormat juga menjadi Ahli Bar Council iaitu kalau ada tuduhan terhadap mana-mana ahli Bar Council tentang salah laku, kita menubuhkan badan penyiasat kita sendiri untuk menyiasat sebelumnya kalau didapati bersalah didakwa di mahkamah, ini perkara biasa, bukan satu perkara yang luar biasa.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa ramaikah pegawai polis yang telah didakwa di mahkamah ataupun yang telah diambil tindakan tatatertib di atas tuduhan melakukan kekejaman dan keganasan terhadap para tahanan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai butiran maklumat dalam perkara ini kerana ia di bawah Kementerian Dalam Negeri, namun saya percaya bahawa jumlahnya adalah minimum - tidak seperti mana yang kita jangkakan.

#### **MENGISYTIHARKAN SEKATAN KE ATAS MATA WANG ASING - LANGKAH KERAJAAN**

14. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada langkah kerajaan mengisytiharkan sekatan ke atas mata wang asing September lalu akan berterusan atau untuk sementara waktu dan apakah reaksi pelabur asing dalam hal ini. Adakah dan sejauh manakah langkah ini telah membantu dalam mengatasi masalah kegawatan ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan kawalan mata wang secara terpilih akan dikekalkan selagi tiada ketelusan dalam sistem kewangan antarabangsa. Setakat ini tiada usaha dilihat lagi bagi membolehkan pembaharuan dibuat di dalam sistem kewangan antarabangsa. Oleh itu Malaysia hanya akan kembali semula kepada gerakan aliran modal yang bebas bila terdapat kestabilan yang nyata di dalam pasaran pertukaran mata wang dan pasaran kewangan antarabangsa.

Langkah-langkah kawalan pertukaran mata wang tidak akan menghalang Aliran Masuk Pelaburan Asing Langsung (FDI) dalam ekonomi. Para pelabur asing masih boleh mengekalkan akaun mata wang ringgit dan mata wang asing di Malaysia bagi operasi mereka serta bebas membawa pulang keuntungan dividen serta faedah dan keuntungan modal. Oleh itu kestabilan mata wang membawa kepada kepastian bagi sebarang keputusan-keputusan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diperkenalkan baru-baru ini telah mendatangkan manfaat seperti berikut:

- (i) kadar pertukaran mata wang yang ditetapkan pada RM1 bersamaan US\$0.2632 memberi kepastian kepada pasaran pertukaran mata wang asing. Kadar pertukaran ringgit yang stabil akan memudahkan perdagangan luar negara dan mengelakkan risiko berkaitan dengan turun naik kadar pertukaran mata wang. Semua ini memberi manfaat kepada para pedagang dan para pelabur;
- (ii) dengan pengenalan langkah ini, kerajaan dapat melaksanakan dasar-dasar yang lebih positif untuk kebaikan negara seperti menurunkan kadar faedah, menyuntik lebih mudah tunai ke dalam sistem perbankan serta memperbaiki proses perbendaharaan untuk membantu pemulihan ekonomi negara. Hasilnya kadar Purata Berian Pinjaman Asas (BLR) bagi Bank Perdagangan telah jatuh daripada 11.96 peratus pada bulan Mac kepada 8.5 peratus pada masa ini. Jumlah dana di dalam sistem perbankan juga telah meningkat dengan pengelasan semula Hutang Tidak Berbayar (NPL) dijangka jatuh daripada RM66.8 bilion kepada RM40.8 bilion pada akhir Ogos;
- (iii) sentimen pasaran saham telah bertambah baik di BSKL. Kesemua indeks harga mencatatkan prestasi yang semakin baik sejak pelaksanaan langkah-langkah kawalan pertukaran ini. Pada 22 Oktober 1998, Indeks Komposit Kuala Lumpur dan Indeks Papan Kedua masing-masing telah meningkat sebanyak 39.2 peratus dan 35.3 peratus. Semenjak akhir bulan Ogos, rizab luar negeri Bank Negara Malaysia pula turut meningkat sebanyak RM2.79 bilion pada akhir bulan Ogos kepada US\$22.99 bilion pada 22 September 1998 mencukupi bagi membiayai selama 44 bulan import tertangguh;
- (iv) imbalan perdagangan pula mencatatkan lebihan yang besar sebanyak RM32.4 bilion dalam 8 bulan pertama tahun ini - defisit sebanyak RM-2.5 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu;
- (v) deposit dalam akaun luar negara telah meningkat daripada RM9.1 bilion pada akhir Ogos 1998 kepada RM14.1 bilion pada 8 Oktober 1998 berikutan penghantaran pulang deposit yang dahulunya disimpan di luar negara. Dalam bulan September orang ramai telah menyimpan kembali sebanyak RM1.5 bilion mata wang kertas ke dalam sistem perbankan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 6 dan 15 hingga 19 akan dijilid dalam buku berasingan]**

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1999, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,053,037, dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1998 adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut" [26 Oktober 1998].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, sila sambung.

**11.04 pagi.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan kelmarin iaitu kita hendak menumbangkan sesebuah kerajaan melalui demokrasi. Trend undemocratic secara tidak demokratik berlaku apabila rakyat tidak percaya lagi dengan sistem demokrasi seseorang diktator itu boleh ditumbangkan seperti ia berlaku di Filipina di mana rakyat terpaksa keluar ke jalan raya untuk menumbangkan Marcos dan bagaimana rakyat terpaksa keluar ke jalan raya berhimpun untuk menumbangkan Suharto kerana sistem dalam negara Indonesia melalui pilihan raya rakyat nampak tidak boleh tukar Suharto kerana ada wakil-wakil rakyat yang dilantik oleh Presiden yang dipilih. Akhirnya untuk menamatkan rejim Suharto selama 32 tahun, rakyat terpaksa keluar ke jalan raya.

Kita harap perkara seperti itu tidak berlaku di Malaysia. Di Malaysia kerajaan hendaklah memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kalau mereka tidak suka kepada sesuatu kerajaan, mereka boleh tumbangannya melalui ballot box, melalui peti undi, melalui pilihan raya. Oleh itu kerajaan Malaysia hendaklah membuktikan ia benar-benar demokrasi, jikalau hendak beri keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan boleh ditukar melalui demokrasi, beri kebebasan untuk rakyat membuat perhimpunan, beri kebebasan untuk membuat rapat umum. Sekolah-sekolah, misalnya diberi juga kepada pembangkang untuk digunakan padang-padang sekolah seperti yang kita buat sebelum tahun 1969 dahulu. Tempat-tempat berhimpun hendaklah diberi kebebasan, publisiti perhimpunan hendaklah juga diberi kebebasan, media cetak, misalnya akhbar *Harakah* diberi lesen untuk dikeluarkan setiap hari menjadi akhbar nasional, akhbar *Roket* juga diberi lesen untuk dikeluarkan setiap hari menjadi akhbar nasional. Bila rakyat diberi kebebasan untuk membaca, untuk menilai, maka saya yakin mereka tidak akan pergi kepada *mob-rule* atau perhimpunan-perhimpunan haram untuk menyatakan sesuatu perkara ataupun untuk menumbangkan kerajaan.

Media elektronik hendaklah bersikap adil. Kalau Perhimpunan Agung UMNO boleh disiarkan begitu meluas selama empat hari, perhimpunan parti-parti politik lain pun, kalau tidak empat hari, selitkanlah sedikit gambar-gambar kami masa perhimpunan itu, tetapi 'kedekut' tidak langsung menyiarkan berita perhimpunan parti-parti politik yang besar [Ketawa] MCA, MIC besar tidak apalah, DAP besar, PAS besar tetapi [Disampuk], besar – satu negeri kami perintah! [Ketawa] Tetapi tidak siar langsung berita-berita seperti itu, maka rakyat sudah menganggap media cetak elektronik ini kepunyaan Barisan Nasional semata-mata. Bila rakyat menganggap demikian, kita tidak boleh menyalahkan rakyat.

Begitulah juga sekarang ini kita lihat Internet digunakan begitu meluas terutama sekali orang-orang middle class. Berita-berita Internet ini ada yang baik, ada yang buruk – mengeluarkan berita-berita yang tidak tentu tepat, misalnya berita peletakan jawatan Timbalan Ketua Polis Negara Norian Mai, berita peletakan jawatan dua orang menteri Kabinet, berita Dr. Harun Din ditangkap di bawah ISA, berita saya juga ditangkap di bawah ISA. Jadi, ini berita-berita Internet yang tidak betul. Kerajaan mesti mengambil tindakan kepada mereka yang memasukkan berita-berita yang boleh menghuru-harakan negara. Ada juga Internet ini menghina pemimpin-pemimpin, misalnya bila Menteri Penerangan, selalunya di dalam Internet itu dibubuh di hujungnya "Mascot Sukan Komanwel" – ini tidak baiklah, menghina wajah seseorang menteri. [Ketawa] Begitu juga bekas Timbalan Perdana Menteri bila disiarkan beritanya dihujung itu dibubuh "Maskot Kedua Sukan Komanwel". Saya harap pihak polis siasat siapa buat perkara-perkara seperti ini, yang menghina Menteri Penerangan yang saya sayangi. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita lihat masalah media ini dan ketidak-adilannya begitu ketara sekali. Menteri Besar Kelantan .....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [Bangun].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Machang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya hendak minta penjelasan sebelum Yang Berhormat pergi kepada topik yang lebih jauh lagi. Saya hendak tanya Yang Berhormat adakah benar bahawa saya mendapat tahu Yang Berhormat ini terlibat dengan gerakan Gerak yang dilancarkan baru-baru ini? Yang Berhormat terlibat dan saya difahamkan Gerak sekarang telah mengumpul dana lebih kurang RM10 'bilion' untuk membiayai gerakan-gerakan yang akan dilancarkan di negara ini. Yang Berhormat sendiri terlibat atau tidak dalam perkara ini?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** RM10 bilion? Masya-Allah, itu berita Internet. Ini juga penyebar khabar angin palsu. [Ketawa] Sebab itu rakyat negeri Kelantan menolak orang-orang jenis ini. [Ketawa]. Gerak telah dijelaskan oleh wakil dari Marang dan saya tidak menambahkan apa-apa lagi yang dijelaskan oleh beliau kelmarin.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [Bangun].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sudahlah.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat sendiri terlibat atau tidak? Sebab saya mendapat maklumat apabila orang ini semua ditangkap, Yang Berhormat pergi ke balai polis kemudian menjamin orang tersebut keluar daripada balai polis. Silap angka tadi bukan RM10 bilion tetapi RM10 milion. Yang Berhormat juga salah seorang pemegang akaun kepada dana yang sedang dilancarkan ini. Jika tidak, cuba nafikan secara positiflah, saya hendak tahu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Lagi satu berita palsu. Saya tidak pernah ke balai polis untuk jamin sesiapa lagi tetapi saya akan pergi apabila ada orang meminta tolong. Itu sikap wakil rakyat yang baik. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap pihak kerajaan hapuskan sangkaan orang ramai iaitu kerajaan Malaysia menuju kepada 'diktator'. Kalau tidak, kita lihat apa yang berlaku sejak mutakhir ini, golongan yang paling ramai menghentam kerajaan bukan orang kampung tetapi adalah orang-orang 'middle class'. Orang-orang yang berada di kelas pertengahan yang memiliki Internet dan memasukkan pelbagai berita dalam Internet walaupun berita-berita itu kadangkala berita itu betul atau tidak tetapi mereka curahkan perasaan tidak puas hati yang amat sangat kepada pemerintah yang ada sekarang.

Kita lihat negeri Kelantan telah berubah kerajaan dengan secara aman, misalnya pada tahun 1959 apabila rakyat memilih PAS untuk memerintah. Diserahkan kerajaan itu kepada PAS dengan tenang tetapi pada tahun 1978 apabila Barisan Nasional hendak berkuasa di negeri Kelantan timbul suasana tidak tenang, ada 'mob-rule', ada tunjuk perasaan, ada darurat dan selepas itu barulah berlaku perubahan kerajaan. Ertinya perubahan kerajaan di negeri Kelantan dimulakan melalui 'mob-rule' yang diajarkan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Inilah yang orang ramai ikuti sekarang ini iaitu tahun 1978 demonstrasi besar-besaran di negeri Kelantan berakhir dengan darurat dan selepas darurat maka Kerajaan Negeri Kelantan telah berubah tangan kepada Barisan Nasional. Sekali lagi pada tahun 1990 Kerajaan Kelantan telah berubah tangan, kali ini Angkatan Perpaduan Ummah mengambil alih secara tenang. Ertinya rakyat melihat apabila parti pembangkang mengambil alih tenang, apabila kerajaan mengambil alih darurat. Jadi 'mob-rule' ini sebenarnya dimulakan oleh mereka yang berada di dalam kerajaan sama ada mereka itu yang menjadi bekas atau yang sedang dan sebenarnya mereka inilah menunjukkan contoh-contoh 'mob-rule' yang boleh mengubah sesuatu kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kedaulatan undang-undang amatlah penting, tanpa undang-undang, tanpa kedaulatan, negara kita boleh menjadi huru-hara. Perdana Menteri apabila menyebut hal kedaulatan undang-undang selalu merujuk kes UMNO diharamkan. Yang kedua, Dato' Harun, bekas menteri besar dipenjarakan kerana terlibat dengan rasuah. Yang ketiga, bekas menteri kabinet dihukum penjara seumur hidup iaitu bekas Menteri Belia dan Sukan, Dato' Mokhtar Hashim. Inilah hujah-hujah yang selalu digunakan oleh Perdana Menteri tentang kedaulatan undang-undang di Malaysia. Semuanya itu berlaku sebelum krisis kehakiman melanda Malaysia ini. Semuanya berlaku sebelum tahun 1988 tetapi selepas pemecatan Tun Salleh Abas dan dua orang hakim lagi dan beberapa orang yang digantung, kita lihat soal kedaulatan undang-undang mula dipertikai. Yang mempertikaikan keputusan mahkamah ialah Perdana Menteri sendiri. Sebenarnya Perdana Menteri sendirilah yang mengajar rakyat Malaysia tidak menghormati undang-undang. Ini suatu perkara yang perlu direnung dan Perdana Menteri perlu memperbaiki perkara ini sebelum beliau bersara kerana rakyat tidak percaya kepada keputusan mahkamah kerana Perdana Menteri yang mula-mula menyerang keputusan mahkamah.

Di antaranya apabila Yang Berhormat dari Jelutong dibebaskan daripada Kem Kamunting melalui habeas corpus, Dato' Peh Siew Chin yang membuat keputusan itu diserang dengan hebat oleh Perdana Menteri pada waktu itu termasuk dalam Program Semarak, beliau menyerang hakim dan keputusan-keputusan hakim yang telah dibuat. Begitu juga serangan kepada hakim-hakim dibuat sendiri oleh Perdana Menteri dalam ucapan-ucapan yang terbuka di masa dahulu. Begitu jugalah apabila berlaku kes Wee Chee Keong di mana litigen bertemu dengan hakim yang membicarakan. Di sini Menteri Undang-undang pada waktu itu menyatakan perbuatan Menteri Kehakiman itu salah. Litigen bertemu dengan hakim tetapi kerajaan tidak bertindak apa-apa kepada mereka yang membuat pertemuan itu. Begitulah juga apabila timbulnya surat terbuka daripada Syed Ahmad Idid iaitu bekas Hakim Mahkamah Tinggi yang menceritakan bagaimana hakim

boleh dibeli, hakim boleh diberi tiket untuk melancong, hakim boleh diupah seks dan sebagainya. Apabila kerajaan sudah tahu yang menulis itu Syed Ahmad Idid, kerajaan tidak bertindak, maka rakyat menganggap apa yang ditulis oleh hakim itu betul iaitu hakim boleh dibeli, hakim boleh diupah, hakim boleh dibawa melancong. Kami di dalam Parlimen ini berkali-kali mendesak ambil tindakan kepada Syed Ahmad Idid atau membuat satu siasatan terbuka.

Kerajaan tidak berbuat apa-apa tentang perkara itu, maka tertanamlah dalam pemikiran rakyat hakim boleh dibeli, hakim boleh diupah seks, hakim boleh diberi saham kerana segala tuduhan yang dibuat oleh Syed Ahmad Idid tidak diambil tindakan. Begitulah juga rakyat melihat perbicaraan kes Yang Berhormat dari Kota Melaka – Lim Guan Eng. Tidak apalah itu keputusan yang telah dibuat dan kita tidak boleh komen apa-apa lagi. Tetapi apa yang masih dikomen ialah pendakwaan yang dipilih-pilih. Apabila Perdana Menteri telah menyerang keputusan hakim, kemudian apabila Timbalan Perdana Menteri dipecat daripada Kabinet, dia pula pergi ke jalan raya dan memberitahu bahawa “hakim boleh dibeli, ada konspirasi hakim, pemimpin tertinggi kerajaan dan polis untuk menjatuhkan beliau”. Maka apa yang disebut oleh bekas Timbalan Perdana Menteri confirm apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri iaitu mempertikaikan keputusan hakim. Oleh itu Perdana Menteri dan bekas Timbalan Perdana Menteri memperlempangkan satu sama lain untuk meletakkan rakyat tidak percaya lagi kepada sistem kehakiman di Malaysia.

Sebab itulah apabila pembangkang menyatakan sesuatu dan apabila kita minta masalah kehakiman ini dilihat dengan begitu teliti, masalah surat daripada Syed Ahmad Idid hendaklah diambil tindakan. Pihak kerajaan menganggap pada waktu itu, ini hanyalah suara mimik pembangkang. Tetapi sekarang kerajaan sendiri menghadapi krisis keyakinan rakyat kepada sistem kehakiman di Malaysia. Saya letakkan di bahu yang utama sekali yang menyebabkan rakyat tidak yakin dengan kehakiman di Malaysia ialah Perdana Menteri sendiri yang melakukannya dalam tempoh semasa beliau naik menjadi Perdana Menteri sehinggalah sekarang, barulah beliau meminta rakyat supaya patuh kepada keputusan hakim dan patuh kepada keputusan mahkamah.

Bagi kita kejayaan Yang Berhormat Anwar Ibrahim adalah kejayaan ‘capture the doubt’. Doubt yang ada pada rakyat beliau berjaya capture dan menyebabkan rakyat sekarang tidak percaya lagi kepada sistem kehakiman di Malaysia ini. Sekarang telah berkali-kali kita lihat, kita bercakap di sini kebelakangan ini apabila orang pergi berbicara di mahkamah, orang tidak melihat kes tetapi orang melihat siapa hakim dan hakim mana. Ini tanggapan-tanggapan umum kebelakangan ini. Oleh itu soal kedaulatan undang-undang dan soal kehakiman telah tercemar di Malaysia sekarang ini. Tanggungjawab kerajaan yang memerintah ialah bagaimana hendak mengembalikan keyakinan rakyat? Tanyalah termasuk pegawai-pegawai kerajaan, kalau kita tanya dan kalau kita buat survey, sepuluh yang kita tanya, lapan, tujuh atau enam akan mengatakan tidak percaya kepada sistem kehakiman. Ini kalau kita buat termasuk para pegawai kerajaan yang mendokong kerajaan itu sendiri.

Sebab itulah kita lihat apabila rakyat sudah tidak percaya kepada kehakiman, maka berlakulah apa yang dipanggil ‘mob-rule’ atau demonstrasi di jalan raya. Kita kena lihat bahawa, satu kita boleh mengutuk demonstrasi. Yang kedua, kita kena analisa siapa yang berdemonstrasi? Kebanyakannya mereka yang mendapat maklumat daripada Internet. Siapa yang boleh memiliki Internet? Ini golongan middle class, mereka yang terdiri daripada peniaga-peniaga middle class, pegawai-pegawai kerajaan, pensyarah-pensyarah universiti, mereka inilah yang memiliki maklumat untuk menyeru pukul berapa berhimpun di mana, pukul berapa kita buat demonstrasi. Semuanya itu kita lihat yang terlibatnya adalah golongan middle class, golongan kelas pertengahan. Ertinya, apa yang berlaku dua bulan sekarang ini middle class revolt, iaitu revolusi di kalangan kelas

pertengahan di Malaysia. Bukan orang kampung di Baling, bukan orang Kubang Kerian, bukan orang Machang. Tetapi sekarang orang yang memiliki Internet, mereka inilah yang membuat demonstrasi-demonstrasi sudah pun masuk bulan yang kedua sekarang ini, satu perkara yang pelek berlaku yang tidak pernah berlaku di Malaysia. Kami biasa juga buat demonstrasi. Dalam masa sejam, habis. Paling lama sejam, dua jam, hantar memorandum, habis. Tetapi sekarang kita lihat disuraikan dengan pancutan air, disuraikan dengan gas pemedih mata, minggu depan datang lagi. Disuraikan, minggu depan datang lagi ramai.

Ini middle class revolt yang kerajaan kena perhati betul-betul di mana slacknya pemerintah sehingga sekarang ini cakap Perdana Menteri tidak dipercayai oleh rakyat, cakap menteri tidak dipercayai oleh rakyat. Tambah cakap Menteri Penerangan lagi tidak dipercayai oleh rakyat. [Ketawa] Ada menteri mengatakan misalnya, mereka yang terlibat dalam demonstrasi depan Istana terdiri daripada para pelacur. Ini menambahkan wanita-wanita itu bertambah marah. Mereka dituduh pelacur. Ketua Polis Wilayah Persekutuan terpaksa mengeluarkan kenyataan 'kami buat kajian tidak ada pelacur yang terlibat.' Sebab itu berkali-kali saya sebut backbencher boleh bercakap apa sahaja. Tetapi menteri kena jaga, kenyataan-kenyataan menteri merapu lebih teruk daripada backbencher kadangkala itu. Pelacur tidak pelacur barangkali mana dia tahu, tetapi terus dikeluarkan dalam siaran akhbar. Malulah mereka yang terlibat dalam demonstrasi itu. Terlibat dalam demonstrasi satu perkara, dituduh pula pelacur oleh seorang menteri. Ini satu perkara yang kita harap bukan boleh meredakan suasana, tetapi kita lihat lebih menambahkan suasana semakin gawat.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat juga sekarang ini tindakan-tindakan polis walaupun kita lihat agak kasar. Beberapa orang kelmarin pergi ke Pejabat *Harakah* menunjukkan kesan mereka disepak, kesan mereka ditendang, kesan mereka dirotan, termasuklah ibu-ibu ataupun orang tua-tua yang kadangkala mereka itu tidak terlibat langsung dalam demonstrasi. Demonstrasi mereka tidak tahu, bahkan sekarang mereka kadangkala tidak tahu apa yang berlaku, mereka pergi shopping dan sebagainya turut juga kena. Kita harap pihak polis bertindak dengan lebih profesional. Sebab kalau tidak kemaharan orang ramai kepada polis meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, kita balik kepada hal Belanjawan negara. Saya ingin menyentuh beberapa perkara, iaitu hal pelajaran. Memang kerajaan berjanji untuk mengambil lebih banyak para penuntut di institusi pengajian tinggi awam. Tetapi lebih kurang satu pertiga sahaja. [Yang Berhormat dari Chenderoh berjalan keluar Dewan] Bila masuk Belanjawan nampaknya Chenderoh tidak minat. Bila bercakap hal politik baru dia minat. [Ketawa]

Lebih kurang 80,000 akan diambil di IPTA, tetapi tabung pendidikan itu barangkali boleh menampung satu pertiga sahaja daripada penuntut-penuntut tersebut. Maka 30,000-40,000 lagi mereka terpaksa belajar sendiri atau meminjam daripada unsur-unsur lain. Kita lihat arah pendidikan negara sekarang ini menuju globalisasi dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) begitu mendapat tempat di mana 90% penuntut di IPTS itu bukan bumiputera dan kebanyakan mereka mampu menyara diri. Kita bimbang aliran pendidikan ini boleh menyebabkan ketidakseimbangan pada masa yang akan datang. Ianya berlaku sebelum tahun 1969 yang akibatnya tercetus 13 Mei. Kita harap kerajaan menambahkan lagi peruntukan kepada tanggungjawab sosial terutama dalam bidang pelajaran. Tak usah kita malu untuk menambahkan peruntukan terutama biasiswa-biasiswa diberikan semula kepada para pelajar. Bolehlah kerajaan kategorikan mereka berpendapatan RM5,000 ke atas atau RM3,000 ke atas tidak perlu mendapat biasiswa, tetapi pendapatan RM3,000 ke bawah mereka hendaklah mendapat biasiswa daripada kerajaan. Sebab kita semua tahu wakil-wakil rakyat sekarang, UMNOkah, BNkah, PASKah teruk, kerana mereka yang dapat pengajian, dapat tempat, mereka kadangkala minta bantuan daripada kita. Kita ada banyak mana sangat boleh beri. Ini tanggungjawab kerajaan

dan kita harap kerajaan jangan malu untuk menambahkan peruntukan dalam tanggungjawab sosial dalam bidang pendidikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Perdana Menteri mula-mula mengambil alih kerajaan, beliau mengatakan bahawa penswastaan tujuannya untuk mengurangkan beban kerajaan. Maka beberapa agensi kerajaan diswastakan. Tetapi sekarang kita lihat swasta bukan mengurangkan beban, penswastaan kembali membebankan kerajaan. Kita lihat misalnya Bank Bumiputra (BBMB) beberapa kali sudah disuntik. Sekarang sudah RM4 bilion. Kita hairan kepada Bank Bumiputra, masa orang untung dia rugi, masa orang rugi dia lagi rugi. *[Ketawa]* Bagi saya Bank Bumiputra ini sudah jadi penagih dadah hardcore. Letak di pusat serenti, cucuk tangan sudah tidak jadi apa lagi. Dia kena cucuk kepala. Kita hairan, berkali-kali datang ke Parlimen ini kita diminta menambahkan peruntukan untuk suntik dalam Bank Bumiputra. Kita tidak dengar pun rombak besar-besaran atau tindakan besar-besaran diambil kepada pihak pentadbiran bank Bumi. Yang kita dengar suntikan, sudah lebih RM4 bilion. Kalau sudah jadi hardcore, drug addict payahlah, kita hanya baca Yasin tunggu dia mati atau pulih.

Jadi, kita suntik lagi entah berapa bilion untuk menyelamatkan Bank Bumiputra. Tidak adakah satu kajian hal Bank Bumi ini kenapa jadi begitu, kenapa bank lain boleh untung, kenapa Bank Bumi semasa orang untung pun dia rugi. Adakah ahli-ahli politik pinjam di situ dengan mudah. Adakah Bank Bumiputra ditubuh hanya untuk melayan satu-satu parti politik tertentu. Sebab bila rugi bukan parti politik itu kena inject, tetapi duit rakyat, duit kita. Jadi, sampai bila kita hendak inject. Sekarang RM1 bilion lebih dipohon lagi oleh Bank Bumi untuk memulihkan kedudukan mereka. Barangkali setahun lagi mohon pula RM500 juta. Lama-lama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerajaan jaga Bank Bumi ini lebih teruk daripada menjaga satu kementerian.

Begitulah juga sekarang kita lihat kerajaan terpaksa membantu Renong, membantu Perwaja sudah berapa kali inject tidak baik-baik. Sime Bank, MEC, Konsortium Perkapalan, Monorel dan semuanya kita lihat bila berlaku satu kerugian terhadap mereka itu kerajaan bertanggungjawab. Jadi, dahulunya penswastaan dikatakan untuk mengurangkan tanggungjawab kerajaan. Apa yang berlaku sekarang penswastaan menambahkan tanggungjawab kerajaan sehingga kerajaan terpaksa mengurangkan perkara-perkara yang lain, bantuan-bantuan kepada rakyat, tanggungjawab sosial kerana hendak pelihara badan-badan yang dianggap boleh buat untung tetapi rugi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ternyata kita lihat duit kerajaan digunakan untuk membantu swasta. Bagi saya hendak syarah NPL, term-term ekonomi itu cara mendalam, saya bukan ahli ekonomi. Tetapi kalau orang biasa, kerajaan bantu swasta, sepatutnya swasta kena bantu kerajaan. Pilihan raya barangkali berlaku bila-bila masa sehingga tahun 2000. Rakyat Sabah untunglah pilihan raya di negeri Sabah tahun depan dalam keadaan mereka tidak perlu bayar cukai, kerana mereka telah bayar cukai berjadual daripada sekarang ini. Sabah akan ada pilihan raya dan kalau boleh serentaklah dengan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sekarang ini pendapatan utamanya bergantung kepada dua minyak. Yang pertama, minyak petrol, yang kedua minyak sawit. Inilah dua minyak yang menyelamatkan ekonomi negara kita, petrol kita tahu berada di bawah harga yang cukup rendah sekarang ini dalam sejarah, sekaranglah harga petrol berada dalam keadaan yang rendah, walaupun kita mengeluarkan hasil yang banyak, bilangan tong yang banyak tetapi tukaran asing daripada petrol tidaklah sebanyak mana. Minyak sawit sekarang ini kita mendapat tempat yang baik. Felda sendiri sebenarnya telah memberhentikan pembukaan ladang-ladang baru kelapa sawit, sebab pada waktu itu arah tuju kerajaan terlalu menuju kepada industri sehingga melupakan pertanian.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam Parlimen ini beberapa menteri menjawab hujah-hujah kami, mereka mengatakan bahawa kita import makanan lebih murah daripada kita tanam sendiri. Sekarang ini kita lihat belanjawan barulah disediakan ke arah untuk memulihkan pertanian. Kita sebut selalu negara-negara kuasa besar, seperti Amerika, seperti England dan seperti Jerman walaupun mereka pergi kepada industri, pertanian menjadi tajuk utama mereka untuk mereka pelihara. Sekarang kita lihat, kita terpaksa import terutamanya beras dalam jumlah yang begitu banyak kerana banyak sawah telah musnah kerana dibuat pembangunan di situ.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita lihat Pakistan yang menuju kepada nuklear, paling kurang Pakistan berjaya mencukupkan makanan dan mereka mengeksport beras ke luar negeri, kita Multimedia Super Corridor (MSC) kita buat tetapi makanan kita makin hari makin tak cukup, langkah awal baru dibuat pada tahun ini, entah berapa tahun lagi baru kita akan berjaya untuk meningkatkan produktiviti makanan di negara kita.

Begitulah juga sekarang kita lihat kerajaan cuba control mata wang dan aliran mata wang. Kita sebut sekali lagi bahawa negeri kita kecil, tidak seperti India dan juga China di mana mereka boleh control mata wang mereka sebab domestic trade dalam negara mereka terlalu besar, China dengan 1.2 bilion, India hampir 1 bilion penduduk, mereka mampu berdikari bahkan kalau dunia boikot pun mereka boleh hidup kerana domestic trade mereka terlalu tinggi. Apakah kita yang penduduknya 22 juta mampu bertahan dalam kita buat closed economy ataupun menjaga aliran mata wang kita dan tukaran mata wang asing kita.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah di atas usaha-usaha di tahun 70-an, 80-an, ekuiti asing di negara kita terutama dalam perladangan semakin kurang, agensi-agensi tempatan mengambil alih membeli ladang-ladang tersebut seperti PNB, Tabung Haji, Pegi dan yang lain-lain lagi. Maka kita lihat ladang-ladang sekarang telah dipunyai oleh rakyat Malaysia di mana selepas merdeka ladang-ladang lebih 80% dimiliki oleh rakyat asing khususnya rakyat United Kingdom. Tetapi sekarang kita lihat, ekuiti asing sedang bergerak pula menuju kepada dikuasai oleh orang asing terutama dalam ekuiti bank, insurans dan high technology di mana kita buka seluas-luasnya untuk orang asing datang dan berdagang di sini.

Soalnya matlamat kita dahulu untuk mengurangkan ekuiti asing, hampir berjaya di tahun 70-an, sekarang kita hendak membuka balik seluas-luasnya ekuiti asing menguasai dalam bidang yang lain pula, apakah dasar ini dasar kekal atau dasar sementara ataupun tidak ada dasar yang dibuat oleh kerajaan dalam penguasaan ekuiti asing.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 80-an di mana kemelesetan ekonomi berlaku, waktu itu Menteri Kewangan daripada Gua Musang dan langkah-langkah kerajaan untuk regenerate economy bila Menteri Kewangan diambil alih oleh Merbok, maka di antaranya memperbanyakkan projek infrastruktur termasuklah pembinaan lebuh raya, pembinaan jambatan-jambatan, pembinaan jalan-jalan raya, pembinaan universiti, ini adalah infrastruktur untuk regenerate, untuk membangunkan semula ekonomi. Itu di tahun 1986, 1987, 1988, waktu itu kerajaan yang bermasalah, tahun 1997/1998, yang bermasalah ialah swasta. Swasta bermasalah, kerajaan mengambil langkah yang sama iaitu hendak regenerate economy dengan menambahkan pembangunan infrastruktur. Adakah dasar itu betul, dasar tahun 80-an iaitu kerajaan bermasalah maka hendak regenerate economy dibuat projek-projek infrastruktur.

Sekarang swasta yang bermasalah, kerajaan juga mengambil tindakan yang sama iaitu membina infrastruktur, adakah dasar itu betul, swasta bermasalah pun, kerajaan mengambil tindakan yang sama, kerajaan bermasalah pun kerajaan mengambil tindakan yang sama. Oleh kerana infrastruktur untuk membangunkan penduduk-penduduk dan

membuatkan aktiviti ekonomi menjadi aktif, kami mencadangkan supaya mempercepatkan projek infrastruktur, di antaranya pembinaan Airport Pengkalan Chepa.

Saya harap Menteri daripada Jeli tahulah Lapangan Terbang Pengkalan Chepa terlalu sesak dan beliau sendiri balik setiap minggu untuk menjaga Jeli, jadi kita harap Airport Pengkalan Chepa ini diperbesarkan dan dijadikan airport antarabangsa, adakan penerbangan misalnya daripada Kuala Lumpur stop over di Pengkalan Chepa untuk pergi ke Ho Chin Min City atau Kampuchea lebih dekat. Ini satu daya tarikan untuk penumpang-penumpang daripada selatan Thai untuk menggunakan airport Pengkalan Chepa untuk ke Ho Chin Min City ataupun ke Kampuchea. Ini yang boleh ekonomi dan boleh buat penerbangan direct daripada Pengkalan Chepa ke Mekah. Pelabuhan Tumpat hendaklah dipercepatkan pembinaannya, jangan tunggu sampai Barisan Nasional memerintah Kelantan baru hendak buat, tidak boleh perintah – insya-Allah! [Ketawa]

Jadi, walaupun PAS memerintah kita dalam Kerajaan Persekutuan dan kita harap dipercepatkan projek-projek kerana di negeri Kelantan ini kalau atas nama bumiputera – 95% penduduknya bumiputera.

Yang ketiga, jambatan – Wakaf Che' Yeh, Kota Bharu, sudah diluluskan dalam Rancangan Lima Tahun dan kita harap ia dibina dengan segera untuk mengelakkan kesesakan dua jalan yang melintasi daripada Kota Bharu ke Pasir Mas sekarang, Lebuh Raya Gua Musang/Kuala Kerai hendaklah dipercepatkan, begitulah juga Kuala Kerai/Kota Bharu, kalau boleh tidak dikenakan tol, sebab BN selalu menyebut kerajaan yang PAS memerintah, rakyatnya miskin – rakyat Kelantan miskin, kalau buat lebuh raya janganlah kena tol kepada rakyat kami yang miskin, gunalah tol kawasan-kawasan kaya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita sungguh-sungguh berharap bahawa kerajaan yang ada ini membuat projek-projek pembangunan di atas kertasnya belanjawan ini dilihat baik tetapi disudut pelaksanaannya, selalunya kita lihatlah berlaku kroni, tuduh-menuduh yang begitu dahsyat, anugerahkan projek-projek kepada orang-orang tertentu. Bila kami membuat tuduhan selalu dianggap ini adalah mimik pembangkang, tetapi bila tuduhan-tuduhan itu datang daripada sesama mereka, datang daripada orang yang biasa jadi nombor dua adanya kroni-kroni ini, maka kita harap kerajaan dapat siasat sungguh-sungguh tuduhan-tuduhan seperti itu, kalau tidak kita lihat belanjawan hanya elok di atas kertas, tetapi pelaksanaannya penuh dengan kepincangan.

Tuan Yang di-Pertua, imej Malaysia di luar negara sekarang begitu teruk sekali, maruah Malaysia begitu teruk pada mata pandangan luar, terutama di negeri-negeri ASEAN sendiri, walaupun kita tahu di ASEAN ini demokrasi di negara mereka bukanlah baik, human right di negara mereka juga tidaklah baik tetapi kritikan mereka kepada Malaysia hendaklah juga diambil perhatian. Kita tahu di Indonesia politik 'brutality' undemocratic berjalan begitu hebat terutama di zaman Suharto, baru-baru ini ditemui lubang-lubang besar tempat mengambus, menanam mayat-mayat secara beramai-ramai di Aceh ditemui tempat-tempat seperti ini beratus, berpuluh orang dikuburkan dalam satu lubang, amat malang, amat malu ianya berlaku kepada yang tenteranya kebanyakan orang Islam yang dibunuh itu kebanyakan orang Islam. Kenapa sampai ke peringkat itu, bila kita marah kepada seseorang, bila dibunuh tidak diuruskan jenazah mengikut secara Islam ditanam seperti binatang di Aceh yang ditemui, yang didedahkan oleh akhbar *Tempo* di Indonesia dan dipetik oleh beberapa buah akhbar di sini tentang kekejaman yang berlaku di Indonesia.

Kekejaman-kekejaman seperti itu jangan langsung kita niat dan kita import ke Malaysia ini. Sebab itu kezaliman di abad ini, yang kita lihat berlaku di Aceh dan juga barangkali di Timor Timur, satu kezaliman yang cukup dahsyat. Begitulah juga kita lihat pertempuran-pertempuran yang dahsyat masih berlaku di Mindanao terutama di kalangan MILF dengan tentera Filipina. Kita harap Presiden baru mereka, Estrada dapat

menyelesaikan masalah tersebut dengan segera, autonomi ataupun kemerdekaan terus diberi kepada Mindanao yang dituntut oleh MILF untuk mengelakkan haru-biru dan huru-hara yang berlaku di negara mereka. Dan kita juga tidak menolak kritikan mereka terhadap Malaysia dalam beberapa perkara yang benar kalau kritikan-kritikan mereka itu benar.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat di peringkat antarabangsa, Amerika dan NATO lagi sekali bermain sandiwara. Amerika begitu bertindak cepat, mempengaruhi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk membuat ketetapan menyerang Iraq. Tanpa ditangguh, bila diputus sahaja tarikh tersebut, serangan pun dibuat dengan ratusan ribu tan digugurkan di bumi Iraq. Di atas nama ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu, Iraq dihukum dengan begitu dahsyat. Sampai sekarang Bangsa-Bangsa Bersatu tidak lagi menarik sekatan ekonomi terhadap Iraq. Berpuluh ribu rakyatnya telah mati kebuluran akibat daripada kekurangan zat makanan.

Tetapi NATO tidak bertindak sedemikian rupa di Yugoslavia, beberapa kali ketetapan diberi tempoh tiga hari lagi kami akan menyerang dan ditunjukkanlah kapal terbang B52 sudah bertolak daripada California. Ditunjukkanlah kapal terbang F18, kapal terbang-kapal terbang Paris yang begitu canggih sedang bertolak menuju Italy. Tiga hari lagi kita akan menghentam ataupun mengebom Yugoslavia, Serbia yang mengganas membunuh etnik Albania, kebanyakannya adalah orang-orang Islam. Tiga hari diberi amaran itu, sudah empat kali tiga hari. Sampai sekarang kita lihat serangan tetap juga tidak dibuat.

Di sini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang ini saya sokong Perdana Menteri, Kehakiman saya tak sokong. Perdana Menteri kata dia yakin, Perdana Menteri Malaysia kata, NATO tidak akan menyerang. Ini kerana rakyat Yugoslavia itu bermata biru, berambut perang, sama agama dengan mereka, sama kaum dengan mereka, maka mereka tidak menyerang Yugoslavia. Dan mereka tidak menyerang Kosovo di mana di situ berlaku pembunuhan beramai-ramai yang begitu dahsyat melanda di abad ini, berlaku di negeri Eropah negeri yang memperjuangkan humanright, negeri yang memperjuangkan hak asasi manusia. Tetapi NATO ini kita tahulah, 'No Action Talk Only', yang kita lihat betul-betul mereka laksanakan kita lihat yang berlaku di Kosovo.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita lihat Bangsa-Bangsa Bersatu ini bukan lagi berkuasa untuk memberi kesejahteraan kepada dunia ini, tetapi ia ditanggung oleh beberapa kuasa besar. Biarlah umat Albania mati bergelimpangan, rumah-rumah mereka dibom, mereka tidak ada gas untuk menghadapi musim sejuk, mereka boleh mati kebuluran, tetapi golongan yang menguasai Kosovo, golongan Serbia terus mengganas. Ia dilindungi oleh Russia di atas hendak mengelakkan pertelingkahan secara direct dengan Russia, maka NATO tidak bertindak apa-apa. Bukan sebenarnya kerana hendak mengelakkan pertelingkahan dengan Russia, tetapi lebih merupakan mereka lihat itu satu kaum dengan mereka, satu bangsa dengan mereka, maka mereka tidak bertindak seperti mereka bertindak terhadap Somalia, terhadap Lubnan ataupun terhadap Iraq. Inilah wajah dunia sekarang ini yang diterajui oleh satu kuasa besar iaitulah Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap sungguh-sungguh sekarang ini apa yang berlaku di kedua-dua negara itu tidak berulang berlaku di negara kita. Dan kita harap pilihanraya akan datang, berilah kebebasan rakyat menentukan siapa yang akan mereka pilih. Jangan tuan-tuan sekalian kita menakut-nakutkan rakyat dengan menggunakan Akta ISA sewenang-wenangnya. Kami menentang ISA, walaupun kebelakangan ini kita lihat mereka yang ditahan di bawah ISA dibebaskan cepat, alhamdulillah, terima kasih, kalau boleh jangan tangkap, bukan tangkap, bebas cepat. Tangkap dua minggu, tiga minggu, bebas. Walau bagaimanapun, kalau ditangkap pembangkang, saya bimbang tidaklah

diletakkan dua minggu seperti itu atau tiga minggu sebab bila kena golongan pembangkang, bukan setakat enam puluh hari dalam confinement, lepas itu kita akan dihantar pula ke Kamunting untuk betapa di sana setahun atau dua tahun. Ini berlaku kepada Syed Hussin Ali selama enam tahun dan lihat berlaku pada Kassim Ahmad, hampir empat tahun. Begitu juga berlaku kepada ketua pembangkang, hampir dua tahun dan saya sendiri lama juga dan sekarang ini kita lihat.. lamalah, nak cuba boleh.

Kita, walaupun ianya kena kepada kita, kita tidak mahu ianya kena pada musuh kita. Sebab itu saya dalam ceramah-ceramah di luar daripada Parlimen, saya berjanji kalau kami memerintah esok, kami tidak akan tangkap Dr. Mahathir bin Mohamad di bawah ISA. Walaupun rakyat marah, rakyat sebut, tangkap dia, kami kata tidak, kita lawan dengan rakyat sekarang sebab kita hendak tunjukkan bahawa kalau kita memerintah, kita tidak mahu gunakan ISA. Walaupun kalau ikutnya rakyat suka mereka yang menahan orang di bawah ISA, biar mereka sendiri masuk pula, baru dia tahu Rabu, Khamis, Jumaat selang-selang. Tapi kita bukan bersikap begitu, dan kita mahu ISA ini sekarang sudah tidak popular, dikutuk seluruh dunia. Afrika Selatan telah membuangnya, menghapuskannya dan kita harap juga di Malaysia juga gunakanlah akta yang lain. Kita telah banyak pinda akta dalam Parlimen ini. Akta Polis yang begitu ketat sekali, himpunan lebih lima orang tanpa permit boleh didakwa, menyebarkan surat atau risalah tanpa permit boleh didakwa, multimedia, internet misalnya menuduh Menteri Penerangan seperti maskot Sukan Komanwel, boleh juga didakwa. Ini semua kita gunakan akta-akta itu untuk mendakwa rakyat sebab kita, Parlimen ini pinda begitu banyak akta-akta seperti itu dan telah kita ketatkan, kenapa masih lagi menggunakan ISA yang sudah tidak popular sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, hanya setakat itulah ucapan saya pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tambun.

**11.49 pagi**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1999. Kita dapati bahawa belanjawan 1999 mengandungi lima strategi yang menjurus kepada matlamat untuk mencapai pembangunan mampan (sustainable development) jangka panjang. Teras pembangunan tersebut adalah ke arah memperkembangkan sektor ekonomi atau real economy dengan tumpuan utama bagi mempertingkatkan peranan sektor swasta, terutama sektor kewangan dan sektor korporat.

Kita dapati objektif utamanya adalah supaya sektor swasta dapat memainkan peranan sebagai enjin pemulihan ekonomi di mana kita sedia maklum bahawa sektor swasta melalui cukai pendapatan menyumbang 80% kepada hasil pendapatan negara. Oleh kerana sektor swasta menghadapi kemerosotan ekonomi, kita dapati trend sumbangan sektor swasta kepada hasil pendapatan negara telah menurun. Dengan itu kita dapati hasil pendapatan negara telah terjejas. Pada tahun 1997 kerajaan memperolehi sebanyak RM65 bilion, anggaran tahun 1998 sebanyak RM55 bilion dan pada tahun 1999 dianggarkan sebanyak RM47 bilion. Oleh yang demikian kita menghadapi belanjawan defisit pada tahun ini sebanyak RM16 bilion.

Sehubungan dengan belanjawan defisit RM16 bilion tersebut, saya ingin membangkitkan isu tentang pembiayaan defisit tersebut. Selain daripada defisit sebanyak RM16 bilion kita difahamkan bahawa Danamodal, Danaharta serta IDC memerlukan sebanyak RM45 bilion. Ini bermakna bahawa kerajaan perlu mendapatkan pinjaman sebanyak RM60 bilion. Sehubungan dengan itu saya ingin membuat beberapa analisis

terhadap kapasiti kerajaan untuk mendapatkan pinjaman, oleh kerana kita amat maklum bahawa peluang untuk kita memperolehi pinjaman daripada pasaran antarabangsa begitu terhad dengan itu kita bergantung kepada dana dalaman.

Persoalan pertama, yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri pada masa sekarang berapakah jumlah pinjaman yang ada dipinjam oleh kerajaan serta dicampur dengan pinjaman baru, termasuk pinjaman dalam bentuk contingencies, seperti jaminan. Dalam ekonomi sekarang ini kerajaan berkemungkinan akan dipanggil untuk memenuhi jaminan tersebut apabila si berhutang menghadapi masalah. Isu kedua, tentang "debt servicing capability" kerajaan kita. Isu ketiga, tentang sumber dalaman, berapa banyakkah lebihan dana yang ada pada agensi kerajaan seperti KWSP, LUTH, LTAT, SOCSO, dan bagaimanakah kualiti asset agensi-agensi kerajaan ini. Saya difahamkan KWSP juga menghadapi masalah NPL daripada peminjam-peminjam mereka. Bagaimana pula dengan kapasiti Bank Negara Malaysia sebagai "lender of last resort", dan juga kapasiti sektor swasta, terutama bank dan syarikat-syarikat insurans dari segi kelebihan dana yang mereka miliki.

Perkara seterusnya mengenai kapasiti meminjam berkaitan dengan soal perancangan kewangan ataupun financial planning negara kita dan beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan berhubung dengan perkara tersebut. Pertama, bilakah ekonomi akan pulih? Kita mendapat makluman rasmi bahawa ekonomi dijangka pulih pada pertengahan 1999. Saya membangkitkan perkara ini kerana ia mempunyai impak kepada masa hadapan negara kita. Saya tidak mempertikaikan ramalan ini, tetapi saya ingin membangkitkan bahawa pada masa ini kedudukan ekonomi antarabangsa di dalam keadaan tidak menentu (uncertainties), banyak faktor yang akan berubah. Jika berlaku perubahan ia akan mengubah struktur ekonomi dengan itu jangkaan dan ramalan kita bahawa ekonomi akan pulih pada pertengahan tahun 1999 tidak akan berlaku. Umpamanya, sekarang kita dapati berlaku kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat, EU, Latin Amerika, Russia dan China. Adakah kemungkinan China akan menurunkan nilai mata wangnya? Begitu juga dengan ekonomi global keseluruhannya, mengikut perangkaan WTO, dagangan dunia pada tahun 1998 jangkaan awal akan meningkat 7% sekarang dijangka meningkat kepada 4% dan pada tahun 1999 kepada 3%. Malahan ada ramalan mengatakan kita akan menghadapi satu economic depression yang lebih berat daripada tahun 1930. Dan sekarang pula berlaku masalah yang begitu tenat kepada Long Term Capital Management melibatkan banyak dana antarabangsa yang membantu dan ini membantutkan aliran modal antarabangsa terutama untuk datang ke negara-negara Asia.

Sehubungan dengan itu saya berpendapat tentulah kerajaan akan membuat analisis scenario berasaskan sensitiviti, dalam keadaan-keadaan tertentu apakah yang akan berlaku. Saya mengambil contoh pinjaman baru sebanyak RM60 bilion yang diperlukan. Kalau mengikut kadar faedah pasaran dikenakan sebanyak 8% setahun, bermakna kerajaan akan membayar faedah sebanyak RM4.8 bilion setahun dan jika berlaku perubahan dari segi ramalan kita, ekonomi tidak pulih dari tahun 1999 tekanan-tekanan akan berlaku adakah kita memiliki kemampuan untuk membayar pinjaman tersebut.

Begitu juga dari segi pengagihan belanjawan kita, pengagihan sumber kita ke arah untuk meningkatkan efficiency ekonomi kita, soalan umpamanya antara mengagihkan kepada projek-projek pasaran ataupun kepada aktiviti industri berorientasikan export, kerana kita sedia maklum bahawa sumber terikat dengan opportunity cost. Kalau kita gunakan untuk A kita tidak boleh menggunakan untuk projek B yang mungkin lebih baik dari projek A dan seluruh pengagihan ini mesti berasaskan kepada economic efficiency bermakna bahawa pengagihan mengikut penggunaan yang terbaik dan saya yakin bahawa kerajaan tidak akan membuat keputusan berdasarkan kepada apa yang selalu dituduh kepada kerajaan 'spur at the moment' bukan berasaskan kepada research.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan strategi di dalam belanjawan. Pertama, menyusun semula sektor kewangan. Saya ingin menyentuh terlebih dahulu industri saham, ataupun sekuriti. Kita dapati dalam industri saham ada empat institusi yang terlibat. Pertama KLSE, kedua KLOFFE, ketiga CLOB, dan keempat "securities borrowings and lendings". Apa yang berlaku sebelum ini dana baik tempatan ataupun asing secara kumpulan akan menggunakan script atau saham yang dipinjam daripada sistem securities borrowings and lendings dan ini dijual dalam KLSE dalam bentuk "short sellings". Dengan cara itu ia menentukan kenaikan dan penurunan harga dalam bursa saham. Kerajaan telah mengambil tindakan menutup KLOFFE dan juga "securities borrowings and lending system" dan saya menyokong tindakan ini walaupun ia mengakibatkan kepada kejatuhan pasaran saham, tetapi kalau kita lihat harga pasaran telah naik dengan begitu tinggi luar daripada asas-asas yang sepatutnya dan dia mendatangkan kesusahan kepada ekonomi negara kita. Dengan beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan ia berjaya meningkatkan sedikit harga dan dengan kadar sekarang sedikit sebanyak memberikan gambaran sebenar harga saham tersebut.

Saya berharap beberapa tindakan akan diambil oleh kerajaan, sebahagian daripadanya telah diambil dengan cara memudahkan aliran pinjaman bank, terutama untuk penglibatan dalam sektor ekonomi, termasuk pembelian harta, saham dan sebagainya. Saya berharap langkah-langkah seterusnya diambil, umpamanya dari segi money supply, saya berpendapat patut ditambah dalam 15%. Ia akan mendorong kepada peningkatan aktiviti ekonomi di negara kita. Tetapi kalau ditambah dengan lebih banyak lagi kepada 25% atau 30% seperti sebelum krisis ekonomi hendaklah dielakkan.

Di samping itu saya ingin memberikan beberapa pandangan saya untuk memperkemas serta memperkukuhkan industri tersebut. Pertama, kita mesti menggalakkan perkembangan unit trust. Pada masa ini pendapatan daripada unit trust daripada penjualan saham dipanggil sebagai capital gain dikenakan cukai. Untuk menggalakkan perkembangan unit trust saya berpendapat cukai bagi capital gain untuk aktiviti unit trust perlu dihapuskan. Kedua, menggalakkan rakyat untuk melabur termasuk melalui potongan gaji ke dalam unit-unit trust yang diluluskan oleh kerajaan, dan dividen daripada pembayaran unit trust tersebut kepada rakyat/ pendeposit hendaklah juga dikecualikan.

Kita dapati di bawah sistem sekarang kerajaan mengecualikan bayaran cukai ke atas bank-bank. Dengan itu rakyat lebih terpengaruh untuk menyimpan dalam bank dan tidak dalam Unit Trust untuk mendapatkan keuntungan daripada simpanan bank tersebut. Jikalau dividen daripada Unit Trust dikecualikan dengan itu kita dapat meningkatkan aliran modal kepada industri saham dan sekuriti.

Ketiga, dari segi struktur pihak yang terlibat dalam pembelian saham, kita dapati sekarang dari segi nisbah di antara pelabur institutional dengan pelabur retailer, nisbahnya ialah 30% kepada institutional dan 70% kepada retailer. Ia sepatutnya 70% kepada institutional dan 30% kepada retailer. Saya yakin dengan kita memperkukuhkan Unit Trust tersebut, badan-badan institutional akan dapat memainkan peranan yang lebih baik lagi dan ini akan meningkatkan nisbah kepada 70% bagi institutional dan 30% kepada retail.

Di samping itu saya berpendapat bahawa kita mesti terus berusaha untuk mendapatkan dana daripada pelabur asing ataupun daripada foreign fund management. Saya dapati bahawa peraturan satu tahun yang dibuat oleh kerajaan baru-baru ini sebagai tidak menggalakkan aliran masuk modal ke pasaran saham. Dari segi pelabur antarabangsa, pada peringkat awal ia akan membuat analisa "country by country risk". Oleh kerana kita menghadapi masalah semasa dari segi ekonomi, kepada foreign fund managers, country risk kita agak tinggi, dengan itu mereka akan mengalirkan modal kepada negara lain dan sekarang yang mendapat aliran modal tersebut adalah negara Amerika Syarikat.

Setelah membuat "country risk analysis" dan katakanlah dalam analysis negara Asia ini masih elok, terutamanya dengan Amerika Syarikat menghadapi kelembapan ekonomi didapati negara Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia mempunyai country risk yang elok, mereka akan melakukan pula kajian di peringkat fundamental. Apabila mereka mendapati negara kita mempunyai satu peraturan satu tahun, ini akan mengehakkan keinginan pelabur asing untuk melabur dalam pasaran saham kita. Saya berpendapat lebih baik kalau ini dikurangkan kepada tiga bulan. Di samping itu kita mesti menggalakkan kepada penglibatan pelabur asing jangka panjang atau dipanggil sebagai long term foreign investor seperti mana yang dilakukan di Taiwan. Di negara Taiwan melakukan strategi dengan mengenalpasti pelabur-pelabur asing secara selective, manakah pelabur asing yang mempunyai daya maju serta yang genuine akan di interview oleh kerajaan dan mereka di bawa masuk untuk melabur di dalam bursa saham di Taiwan. Saya ingat langkah ini boleh diambil.

Di samping itu kita perlu memperkukuhkan stockbroking industri. Dalam cadangan MTEN salah satu ialah untuk menggabungkan stockbroking firms. Sekarang ini ada lebih kurang 60 stockbroking firms hendak digabungkan menjadi lebih kurang 15 stockbrokers besar. Saya berpendapat cara ini memang cara yang baik tetapi kita mesti mempunyai strategi-strategi tertentu. Saya berpendapat kita mesti meletakkan stockbroker ke dalam sekurang-kurangnya tiga tiers, seperti mana bank sekarang mempunyai tier one dan tier two. Jadi kita adakan tiga tiers.

Tier pertama kita letakkan multinasional – yang mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk melangkaui luar daripada sempadan negara kita. Umpamanya Maybank yang mempunyai cawangan di negara luar, BBMB dan sebagainya boleh menjual saham-saham kita ke peringkat antarabangsa. Kita katakan letak empat stockbroking firms berbentuk multinasional. Tier dua yang berbentuk nasional, di dalam sempadan negara, tetapi diperluaskan melalui menambahkan outlet dengan membenarkan stockbroking firms tersebut menubuhkan cawangan-cawangan. Dan tier yang ketiga, mungkin empat juga, yang berbentuk butik atau discount broker. Sekarang broker bentuk ini ada satu sahaja iaitu BIMB Securities yang menjalankan urusan dan niaga stockbroking ini yang specialise dalam saham-saham berbentuk Islamik.

Saya juga berpendapat kita harus meneliti kemungkinan dalam usaha untuk memperkembangkan lagi industri saham ini, kita gabungkan bank, stockbroking, merchant bank dan sebagainya di bawah satu bumbung yang dipanggil sebagai "universal banking". Apa yang terdapat sekarang dalam sektor kewangan kita, kita ada commercial bank, merchant bank, syarikat kewangan, stockbroking, syarikat insuran di bawah satu kumpulan yang besar seperti Malayan Banking dan BBMB pun ada. Dengan kita mengadakan lima organisasi ini kita mempunyai lima pejabat, lima ahli lembaga pengarah dan lima pihak pengurusan dan ini tidak membantu rakyat dari segi hendak menggunakan urusan-urusan tersebut. Maknanya bila kita hendak gunakan urusan bank, kita pergi ke commercial bank, hendak insurans kita pergi ke syarikat insurans tetapi kalau kita gabungkan, letakkan di bawah satu bumbung sebagai "universal banking", umpamanya kita luluskan kepada Malayan Banking di bawah satu bank hanya satu ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan yang satu, menjaga urusan kelima-lima bidang itu tadi. Dengan itu ia akan memperkembangkan lagi pertumbuhan serta kekuatan sektor ini di samping membantu rakyat mendapatkan khidmat yang lebih efisien lagi.

Saya juga berpendapat kita harus menambahkan produk dalam urusan BSKL umpamanya bon. Urusan jual beli bon yang dilakukan oleh bank perdagangan pada masa ini, saya tidak nampak mengapa stockbrokers tidak boleh menjalankan urusan tersebut kerana mereka mempunyai kepakaran kewangan yang begitu tinggi.

Begitu juga Unit Trust boleh juga diurusniaga melalui stockbrokers. Ini boleh membantu rakyat. Di bawah sistem sekarang, Tuan Yang di-Pertua, jikalau seseorang

individu hendak membeli Unit Trust, ia terpaksa pergi ke ibu pejabat. Katakanlah dia tinggal di Kelantan atau Johor, dia terpaksa pergi ke Ibu Pejabat, kalau di Kuala Lumpur ia pergi ke Kuala Lumpur. Tetapi kalau ini boleh dijual oleh stockbrokers dengan harga yang ditetapkan oleh pengurus dana, maka ia dapat membantu kepada pertumbuhan dan perkembangan sektor tersebut. Begitu juga dengan insurans, saya berpendapat ia boleh dijual oleh stockbrokers.

Saya juga berpendapat bahawa industri stockbroking hendaklah mempunyai satu national standard sepertimana kita ada MACPA dan juga badan-badan lain macam di Australia, ia ada Security Institute of Australia (SIA) ataupun di Amerika Syarikat, Chartered Financial Analyst (CFA), supaya dia menaikkan taraf stockbrokers ataupun taraf remisiers yang terlibat dalam industri tersebut.

Pada masa sekarang ini, kalau seseorang itu lulus Tingkatan 5, boleh jadi remisier. Saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, melalui hubungan saya dengan pelbagai pihak dalam industri kewangan, banyak di antara remisier terdiri daripada orang-orang yang berwibawa seperti accountant, lawyer dan engineer. Dengan kita mempunyai satu standard, katakanlah kita tubuh Malaysian Institute of Financial Analyst (MIFA) untuk menjadi satu badan profesional yang diiktirafkan, kita akan menaikkan lagi standard remisiers kita dan mereka yang terlibat dalam industri tersebut. Dengan itu remisier serta individu-individu yang terlibat akan meningkat kepakaran dalam industri ini dan melalui penglibatan mereka dalam mengurus produk-produk yang lebih luas lagi, mereka akan dapat menyampaikan maklumat-maklumat tentang industri kewangan dan ekonomi kepada institusi-institusi lain. Dengan itu akan memperkembangkan kematangan sektor saham dan industri kewangan.

Di bawah tajuk menyusun semula sektor kewangan, saya juga ingin menyentuh tentang sektor perbankan. Sektor perbankan menghadapi dua masalah besar sekarang ini. Pertama, susutan modal ataupun capital inadequacy dan satu lagi masalah NPL yang dianggarkan sebanyak RM40.8 bilion berasaskan kepada NPL selama enam bulan. Saya membuat analisis ke atas syarikat-syarikat kewangan di dalam papan utama BSKL, saya dapati bahawa di antara industri yang paling terjejas dalam kejatuhan ekonomi ini ialah sektor kewangan. Daripada 61 syarikat yang disenaraikan, 19 menghadapi kerugian atau 31% daripadanya. Saya menyokong usaha yang dijalankan oleh kerajaan menubuhkan Danamodal serta Danaharta yang mempunyai fungsi untuk menyuntik modal serta mengambil alih NPL.

Saya ingin menyentuh tentang aspek pelaksanaan rancangan-rancangan tersebut. Saya ingin merujuk kepada suntikan modal di bawah BBMB. Kerajaan telah pun menyuntik sebanyak RM1.1 bilion. Kita tahu BBMB mengalami kerugian sebanyak RM1.3 bilion dan mempunyai NPL, kalau tidak silap saya sebanyak RM6 bilion. Antara kelemahan yang berlaku dalam BBMB menurut analisis saya, pertama, pengurusan BBMB tidak mematuhi BAFIA 1989 dan peraturan-peraturan Bank Negara Malaysia, umpamanya mereka tidak mematuhi kepada had pinjaman kepada satu-satu peminjam. Dengan itu peminjam mendapat pinjaman yang begitu besar dan begitu banyak sekali. Mereka juga tidak mematuhi kepada ECM6 yang berkaitan dengan kemudahan kredit kepada non resident di mana had untuk pemberian kredit adalah overdraft tidak melebihi RM5 juta tetapi ini telah tidak dipatuhi. Dan ketiga, memberi pinjaman tidak mengikut kelulusan dan prosedur yang sepatutnya.

Di samping itu, pengurusan juga didapati tidak mengikut prosedur serta peraturan-peraturan biasa dalam meluluskan pinjaman, terdapat kelonggaran dalam pemberian pengurusan kredit. Saya memang mengalu-alukan kerajaan menubuhkan jawatankuasa kewangan untuk meningkatkan pengurusan bank supaya ia lebih berhemat,

profesional, berperaturan dan sebagainya. Tetapi dalam isu BBMB, masalahnya bukan masalah pengurusan tidak berhemat dari segi mereka tidak mempunyai kebolehan untuk mengurus tetapi ini melibatkan soal moral, soal tidak mengikut undang-undang dan di samping itu juga kita dapati Bank Negara juga tidak mengambil tindakan. Saya nampak ini bukan sahaja berlaku dalam industri perbankan, ia juga berlaku dalam industri saham dan sekuriti, securities Commission yang tidak mengambil tindakan ke atas penyelewengan Ahli Lembaga Pengarah yang mengeluarkan duit daripada syarikat, begitu juga dalam sektor bank.

Saya berpendapat, pada pandangan saya, apabila kerajaan menyuntik modal sebanyak RM1.1 bilion, ini adalah bagi kali yang ketiga, tentulah kerajaan akan melakukan suntikan modal dengan membuat pembetulan, penyesuaian atau pengstrukturkan semula pengurusan dari segi Ahli Lembaga Pengarah, Executive Committee, Credit Committee mahupun pengurusannya. Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba membawa masalah ini dalam konteks yang lain, dalam perspektif yang lain, dengan kita umpamakan bank ini dimiliki oleh kita sendiri. Saya yang memiliki bank ini, mula-mula saya letak modal RM100 juta. Kemudian saya mendapat laporan bank ini menghadapi kerugian, saya buat siasatan, terdapat beberapa kelemahan, diperlukan suntikan modal lagi RM100 juta. Bagaimanakah stand saya? Adakah saya mempunyai keyakinan kepada pengurusan ini yang saya hendak letak modal itu? Saya kata ada keyakinan, saya bagi lagi modal. Kemudian berlaku pada kali yang kedua, saya diberitahu kerugian lagi. Saya kena masukkan, melakukan suntikan modal, bagaimanakah perasaan saya, ia melibatkan duit saya sendiri. Saya percaya pada masa itu, saya akan bertanya, adakah saya mempunyai keyakinan kepada pengurusan ini. Kalau saya hendak beri suntikan modal pun saya akan keluarkan, saya akan gantikan, saya susun semula pengurusan, baru saya akan beri suntikan modal kerana apabila ia selamat, baru saya akan melakukan suntikan modal.

Jadi, saya berharap approach yang sama itu kita lakukan walaupun duit ini kita anggap sebagai duit kerajaan tetapi duit kerajaan itu adalah duit kita sendiri. Bermakna apabila kita memindahkan, memasukkan RM1.1 bilion ke dalam bank itu, kita bertanggungjawab seolah-olah wang itu adalah wang kita sendiri dan approachnya mesti sama. Jadi, saya harap melalui cadangan penggabungan antara BBMB dengan Commerce Asset Holdings Berhad, penyusunan semula pengurusan akan dilakukan. Saya tahu Commerce Asset Holdings Berhad mempunyai syarikat-syarikat yang kuat di bawahnya seperti Bank of Commerce, CIMB Securities dan sebagainya. Saya berharap akan berlaku penyusunan semula pengurusan. Kalau tidak kita akan menghadapi masalah poor management, seolah-olah kita menuang air di daun keladi dengan input yang banyak tetapi akan hilang.

Bank Bumiputera pernah menjadi bank yang terbesar dalam negara kita, nombor satu. Kemudian dengan adanya dilution dari segi shareholding, kemudian turun, malahan tahun ini di bawah kajian "CAMEL" Bank Negara Malaysia, ia letakkan dalam tier kedua. Dengan suntikan ini ia naik balik kepada tier pertama. Dengan penggabungan ini ia akan jadi bank nombor dua terbesar di dalam negara kita tetapi bank kedua terbesar dalam negara ini juga boleh terjejas dan boleh turun, pada saya jika pengurusan yang sama terus diberi peluang untuk mengurus bank tersebut.

Saya berharap melalui Danamodal yang dijadikan sebagai institusi menyuntik modal di dalam bank-bank tersebut, antara syarat dalam suntikan modal adalah memberi kuasa kepada Danamodal untuk melantik Ahli Lembaga atau membuat penstrukturkan semula pengurusan. Saya difahamkan Danamodal sekarang sedang berunding dengan sepuluh syarikat ataupun institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kedua sektor perbankan ialah masalah NPL seperti mana saya nyatakan tadi. Ini berlaku kerana sikap pengurusan bank lalu yang tidak objektif serta mempunyai sikap yang memberi kelonggaran kepada peraturan serta prosedur banking dan kelulusan pinjaman dengan itu terdapat masalah nisbah leverage yang tinggi dalam sektor swasta, inflasi asset serta banking system yang berkembang dengan begitu besar dengan pertumbuhan yang melepasi kepada hadnya.

Kita tahu kerajaan sekarang akan membelanjakan sebanyak RM65 bilion, dengan pendapatan RM47 bilion. Kita mengalu-alukan walaupun ada RM47 bilion demi untuk kepentingan rakyat, kerajaan membelanjakan lebih. Awal tadi saya menyatakan bahawa perbelanjaan ini mestilah berasaskan kepada ekonomi efficiency.

Perkara yang ingin saya bangkitkan ialah tentang NPL ini. Saya amat berharap NPL ini kita kategorikan kepada tiga penjenisan:

- (i) berpotensi tinggi (highly potential);
- (ii) berpotensi sederhana; dan
- (iii) berpotensi minimum.

Pada pendapat saya bagi kategori satu, yang berpotensi tinggi, kita boleh membeli 100% NPL tersebut. Bagi yang berpotensi sederhana, kita ambil 50% dan bagi berpotensi minimum, kita tidak harus mengambil alih NPL tersebut. Seumpamanya kita akan membantu syarikat tersebut dua kali. Pertama kita bantu dari segi membeli NPL dan kedua kita membantu dengan memberi projek dan memberi modal supaya ia berdaya maju. Dengan itu dua kos akan terlibat dalam membantu satu syarikat.

Di samping itu mengenai dengan statutory reserve requirement (SRR). Saya difahamkan bahawa kerajaan bercadang untuk menggunakan SRR ini hendak diturunkan daripada 4% sekarang kepada 2% menjelang hujung tahun. Sekarang ini kerajaan telah pun menurunkan, awal dahulu 16% dan 10% dan sekarang 4%, ianya baik untuk suntikan modal dalam sektor kewangan. Tetapi saya berharap kerajaan mengambil sikap berhati-hati kerana SRR ini adalah rizab terakhir bagi bank. Ia mempunyai fungsi kecairan (liquidity function) untuk memenuhi permintaan deposit dan permintaan pinjaman. Saya berpendapat bahawa jikalau kita kurangkan SRR kita tidak akan mempunyai rizab di masa hadapan apabila kita memerlukan pinjaman dan pengeluaran deposit pada masa akan datang dan meletakkan bank dalam kedudukan berisiko yang begitu tinggi.

Saya membuat kajian kepada beberapa buah negara saya dapati bahawa SRR selalu maintain dalam 8% ke atas tetapi kita telah turun kepada 4%. Seperti saya tidak ada kerja, saya simpan di dalam bank RM1,000 saya telah guna dan hendak habis duit, hendak guna lagi. Jadi saya nampak itu akan meletakkan bank dalam risiko yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi pandangan tentang faedah bank. Saya ingin bertanya dari segi bank, berapakah jumlah keuntungan yang bank perlu miliki? Dari segi pinjaman bank ia akan mengenakan faedah BLR + 2, dia akan dapat keuntungan 2% on principle amount. Apabila syarikat-syarikat ataupun peminjam menghadapi masalah, ia akan dikenakan default interest sebanyak 2%, jadi 2+2=4.

Kalau kita membuat kajian ke atas pinjaman sebanyak RM100 juta yang tidak dibayar dalam setahun, ia akan dikenakan default interest 2%, bermakna dia kena bayar RM2 juta. Apakah bank begitu memerlukan duit sebanyak ini dalam keadaan peminjam telah tertekan. Mestikah kita takrifkan ini sebagai pendapatan ataupun kita buat waiver dalam keadaan ekonomi kini, walaupun dari segi konvensyen dunia keseluruhannya ini diiktiraf sebagai pendapatan bank dan bank kena caj tetapi kita juga mempunyai satu sistem lain, sistem Bank Islam, saya tidak tahu sama ada sistem itu ada atau tidak tetapi saya berpendapat dalam keadaan ekonomi yang menghadapi krisis ini masing-masing mesti

memainkan peranan. Kita for go atau kita waive default interest. Bermakna dalam keadaan ia tidak berbayar ia diletakkan dalam NPL tetapi tidak perlu untuk menekan lagi dengan 2% tersebut.

Saya juga ingin menyentuh tentang strategi untuk menggalakkan eksport yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan. Saya dapati dalam krisis ekonomi tahun 1980-an Jepun menjadi 'pak sanggup' untuk membeli barangan daripada negara-negara Asia yang menghadapi masalah tersebut dan bila kita berhadapan dengan masalah ini sekarang tidak ada negara yang mahu membantu kita. Saya berpendapat, saya bersetuju supaya kita menggalakkan eksport ke negara-negara lain tetapi dalam usaha untuk menggalakkan eksport kita mesti melihat kepada kekuatan pasaran yang ada dan siapakah key players dalam pasaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil satu contoh, Jepun menyediakan pinjaman sebanyak US\$30 bilion untuk membantu negara-negara yang menghadapi krisis tetapi sehingga sekarang dia tidak mengeluarkan malahan negara kita pergi berjumpanya untuk meminta, kita yakin dia akan beri pinjaman tetapi dia tidak beri. Key player dalam perdagangan antarabangsa ini adalah Amerika Syarikat, dialah invisible hand di dalam semua ekonomi. Kalau dia beritahu kepada Jepun release US\$30 bilion, dia akan release. Kalau dia kata kepada Jepun, jangan beri, walaupun kita mempunyai hubungan baik dengan Jepun, dia akan sekat kerana dia adalah key player. Semua negara dunia mempunyai hubungan dan dipengaruhi oleh Amerika Syarikat kerana interestnya ada. Jepun ekonominya naik kerana menguasai sebahagian pasaran di Amerika Syarikat, begitu juga China dan sebagainya. Masing-masing bergantung kepada Amerika Syarikat.

Saya berpendapat dari segi strategi untuk menggalakkan eksport, kita mesti memperkukuhkan hubungan kita dengan Amerika Syarikat, bukan bermakna kita tunduk tetapi saya percaya ini perlu dilakukan untuk memudahkan produk kita mengalir ke luar negara.

Walaupun ada laporan media asing yang begitu negatif terhadap negara kita saya ingat itu hak dia. Kita pun telah menjalankan usaha kita, kita panggil daripada Komanwel, akhbar Komanwel untuk kita menyatakan laporan yang sebenarnya tetapi kalau kita hendak pergi beyond that, lebih daripada itu, saya tidak percaya kita akan mampu untuk membuatnya. Ia akan menjejaskan kemasukan pelancong ke negara kita tetapi yang penting di dalam perdagangan dunia ini adalah hubungan antara kerajaan dengan kerajaan ataupun hubungan antara peniaga dengan peniaga. Kita tahu Libya, Iran dan Iraq mempunyai sanction ekonomi oleh kerajaan dunia tetapi perdagangan masih berjalan. Libya berkembang kerana ada individu-individu yang mengambil kesempatan. Kita dapati Iraq semasa perang, Korea naik kerana dia mendapat perniagaan daripada Iraq jadi maknanya bukan sangat dipengaruhi oleh media-media ini.

Di samping itu, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, media asing membuat liputan negatif kerana dia cemburu kepada kita, macam kata seorang ahli sosiologist, pada peringkat kita kecil tidak seorang pun peduli, bila kita sudah naik orang mula perhati dan orang mula ada rasa cemburu dan apatah lagi kita sedang mahu melangkah menjadi negara maju. Sanggupkah negara-negara maju terutama G7 melihat bangsa Malaysia orang Melayu, Cina, India ini jadi duduk sama tinggi dengan dia. Dia tidak sanggup tetapi apabila kita telah naik kepada peringkat itu nanti dia akan diam. Ini adalah masa transitional, kalau kita katalah ramalan kita betul pada tahun 2020 kita akan naik ke status negara maju saya percaya pada tahun 2020 apabila kita berada pada status sebuah negara maju dia akan diam.

Kita dalam politik pun macam itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak naik dahulu macam-macam orang kata, saya hendak jatuhkan itu, hendak jatuhkan orang inilah tetapi bila saya naik jadi Ketua Bahagian, diam. Oleh itu sebelum kita naik ke status itu memang

begitu, memang negara maju tidak akan setuju. Ini adalah game, game plan dunia yang tidak boleh kita lari, satu peraturan yang memang telah ada. Yang perlunya bagaimana kita bijak untuk menghadapi dan mengatasi masalah ini. Kita mesti above segala forces yang hendak merosakkan kita. Kadang-kadang kita dapati kita pun keluar juga statement yang negatif. Ada juga saya bercakap dengan kawan-kawan saya orang akhbar, liputan akhbar sekarang begitu extreme sampai orang tidak percaya, dengan sebab itu orang beli Harakah, dengan sebab itu orang pergi Internet, pasal begitu extreme.

Saya tidak percaya kita mesti ikut cara orang-orang asing ini, kita patut ada sistem kita. Liputan kita mesti liputan yang objektif, dengan itu orang tidak mengalih pandangan kita kepada yang lain. Kita anggap ini perkara kecil tetapi ia menjejaskan imej Perdana Menteri kita, ia juga menjejaskan imej parti Barisan Nasional serta kerajaan, kerana Tuan Yang di-Pertua, perkara ini melibatkan kepada perubahan struktur pemikiran manusia, budaya memikir manusia. Kalau dulu ia menganggap liputan akhbar inilah yang betul, yang objektif, yang terbaik, dia tidak mahu pergi ke akhbar lain kerana dia kata akhbar itu taboo, tetapi bila extreme di sini dia pergi ke situ dan ini akan jadi berkekalan dan ia merugikan kepada negara kita.

Saya bersetuju masanya telah tiba, Tuan Yang di-Pertua untuk kita menjadi global players kalau tidak kerana apa, pertama, kita mempunyai kapasiti untuk pergi ke situ dan, kedua, untuk survival bangsa kita. Kalau tidak kita akan sentiasa menghadapi masalah yang sama. Saya dapati di antara negara-negara maju tidak ada satu pun negara maju yang tidak menguasai pasaran dunia. Kalau dia sekadar domestik, negara China mempunyai penduduk 1.2 bilion orang, dia tidak menjadi super power ekonomi dunia kerana kalau setakat domestik ekonomi dia tidak kukuh, dia mesti melintasi sempadan negara pergi ke peringkat antarabangsa baru ia akan naik ke taraf negara maju. Saya kaji struktur ekonomi Jepun dari GTC (General Trading Companies) ada 10 General Trading Companies yang memainkan peranan untuk memperluaskan perdagangan negara Jepun. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam set mentality sektor korporat sekarang adakah kita yakin bahawa mereka akan pergi ke pasaran antarabangsa kerana ini merupakan satu risiko yang berlainan. Dia sekarang menghadapi risiko, sekarang ini dia hendak melangkah ke antarabangsa dia akan menghadapi satu risiko yang baru, maknanya pengusaha dalam sektor swasta atau sektor korporat akan menghadapi pilihan antara dasar internal ataupun external.

Dalam hubungan saya dengan mereka serta kajian saya dengan mereka saya rasa mereka akan keberatan untuk berpindah. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, usahawan-usahawan kita berada dalam "comfort zone", mereka rasa dengan modal yang kecil dan dengan sokongan kerajaan dia sudah mendapat keuntungan, dia tidak ada cita-cita yang lebih besar daripada itu dan kedua, mereka manja dengan kerajaan, dia minta tanah dapat, jadi dengan projek-projek perumahan, projek-projek yang ada sokongan daripada kerajaan, projek penswastan dan sebagainya, apa perlu untuk pergi ke pasaran antarabangsa.

Di samping itu, saya membuat kajian ke atas syarikat-syarikat di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur ke atas keuntungan syarikat-syarikat tersebut yang terakhir untuk setengah tahun. Daripada lebih 400 syarikat yang disenaraikan lebih kurang 28% menghadapi kerugian dan kerugian itu pertama, akibat daripada penguncupan permintaan, dengan itu hasil jualan dan pasaran yang menguncup, dari segi masalah modal pinjaman, dari segi tidak ada fleksibiliti daripada usahawan kita. Bila berlaku perubahan cita rasa dari segi permintaan, mereka tidak mengubah produk-produk untuk memenuhi permintaan-permintaan tersebut.

Saya berpendapat bahawa untuk kita pastikan usahawan sektor korporat ini berpindah ke ekonomi antarabangsa, kita perlukan kepada campur tangan kerajaan. Kita tengok di Korea Selatan umpamanya, kerajaan membuat sistem paksaan kepada syarikat-syarikat kerana kerajaan campur tangan dalam syarikat tersebut bagi input-input untuk dia membesar dan kemudian dia paksa syarikat untuk pergi ke pasaran antarabangsa. Saya

dapati kerajaan kita memang sedang membantu berbagai-bagai dari segi faktor-faktor supply side, dari segi modal, TFP, R&D dan sebagainya dan saya bersetuju sudah tiba masanya kita mempunyai syarikat perdagangan antarabangsa (SPA) tetapi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, dalam proses untuk penubuhan SPA supaya SPA memainkan peranan yang besar kita perlu bantuan kerajaan. Pertama, untuk mencari usahawan secara selektif, siapakah yang boleh digabungkan untuk terlibat di dalam SPA. Dan kedua, saya berpendapat bahawa MATRADE perlu memainkan peranan yang cukup penting dalam soal ini kerana kalau kita lihat dari segi struktur ekonomi negara kita, MATRADE yang mempunyai networking yang begitu luas.

Saya berpendapat kalau boleh MATRADE hendaklah memainkan peranan macam SPA – sebagai syarikat swasta, tidak sebagai sekarang di bawah birokrasi kerajaan, sekadar mengambil maklumat dihantar kepada kerajaan, tetapi memainkan peranan seolah-olah ia sebuah syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh secara ringkas tentang Jawatankuasa Penstrukturan Hutang di mana saya katakan 28 peratus daripada syarikat bursa saham yang menghadapi kerugian dan memang sepatutnya jawatankuasa ini ada dan berfungsi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang penstrukturan hutang Renong. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan. Penstrukturan hutang Renong ini melibatkan wang yang begitu banyak – RM10.5 bilion. Ada dua vehicles yang akan digunakan. Satu, Infrastructure Development Corporation (IDC) akan jadi vehicle utamanya, dan kemudian Renong akan menubuhkan AMC – Asset Management Companynya sendiri. IDC akan mengeluarkan bon – dijamin sepenuhnya oleh kerajaan selama 15 tahun dan sebagai sekuriti kepada kerajaan, UEM dan Renong akan mencagarkan saham PLUS, saham Renong dan UEM di samping keuntungan masa depan (future earnings) PLUS selama 15 tahun dijangka sebanyak RM6 bilion dan juga “future tax payment” sebanyak RM4.5 bilion. Di samping itu juga kerajaan bersetuju supaya pinjaman sebanyak RM800 juta lebih ditangguhkan pembayarannya.

Saya dapati Renong merupakan satu bukti, satu syarikat yang fast-track. Berkembang secara over-zealous sehingga mencapai kepada tahap over capacity dari segi kemampuan pengurusan dan juga dari segi nisbah gearing yang begitu tinggi dan sekarang menghadapi masalah. Isunya, Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi dua risiko dalam soal penstrukturan, saya lihat dari segi kerajaan dan tanggungjawab kerajaan kerana kerajaan yang menjadi penjamin kepada pinjaman ini ataupun bon tersebut, kerajaan akan memberikan jaminan.

Pertama, dari segi financial risk. Saya lihat ia akan dicagarkan sebagai bayarannya nanti – sebagai bayaran bon tersebut daripada future earnings berjumlah RM6 bilion, future tax payment RM4.5 bilion – jadi keseluruhannya RM10.5 bilion. Itu capacity income generation yang ada daripada projek ini tetapi dari segi liabilities sepenuhnya yang ditanggung dari bon sebanyak RM10.5 bilion, kalau saya membuat andaian pembayaran faedah 10 peratus setahun kerana dalam laporan yang dikatakan kadar faedah ini berdasarkan kepada kadar faedah pasaran semasa. Saya buat analisis 15 tahun berdasarkan kepada baki berkurang (decreasing balance) saya dapati dengan kadar 10 peratus bon tadi akan membayar faedah sebanyak RM7.875 bilion, makna keseluruhan yang perlu ditanggung adalah sebanyak RM18.375 bilion. Ini bermakna wang tersebut (future earnings) dan sebagainya itu adalah tidak mencukupi.

Yang kedua, dari segi business risk di mana saya katakan ia fast-track, over capacity, ada 41 syarikat dari lebuh raya kepada LRT dan sebagainya yang sebahagiannya nanti bukan income generating. LRT saya percaya dari segi pelaburan besar tetapi dari segi revenue yang akan diperolehi tidak banyak. Saya naik LRT yang ada sekarang dari

Sogo saya pergi ke Pandan...[Memikirkan sesuatu] apa, Pandan Desa, saya nampak kapasiti penggunaannya hanya 10 peratus atau 20 peratus kecuali pada waktu pagi dan petang, itu penuh sedikit tetapi pada masa lain kapasitinya hanya dalam 10 peratus atau 15 peratus dan dia terpaksa berjalan begitu sistematik, itu bagus. Jadi, kita akan menghadapi business risk. Failure of some of these companies akan berlaku, ia ada 41 buah syarikat dan ia bergantung sepenuhnya kepada kerajaan. Kita menghadapi risiko business risk dan apa akan berlaku kalau ada uncertainties yang saya kata, faktor yang akan merubahkan struktur ekonomi. Ia akan melibatkan pengaliran modal nanti teruk, pasaran dan sebagainya tidak ada, ekonomi jatuh lagi dan bagaimana kita akan berhadapan dengan masalah ini.

Sebagai individu saya ingin memberi pandangan saya, tidakkah boleh kerajaan mengkaji untuk mengambil alih aktiviti ini sepenuhnya ataupun sebahagiannya kerana isu yang digunakan oleh Renong untuk mendapat perhatian daripada kerajaan adalah mereka terlibat dalam sektor yang strategik. Saya bersetuju ini adalah sektor yang strategik. Jadi, sektor yang strategik ini tidakkah boleh kerajaan mengambil alih walaupun dahulu kita melakukan penswastan tetapi oleh kerana syarikat sudah tidak boleh mengurus, kemudian kita ambil balik dan mungkin kos yang lebih rendah akan kita perolehi daripada itu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya saya telah mendengar beberapa ucapan baik daripada pihak kerajaan mahu pun pembangkang. Kita menghadapi krisis ekonomi. Pada saya krisis ekonomi ini adalah satu yang kita tidak boleh elak, akan berlaku. Kita melihat kematangan sesebuah negara bukan berlaku secara over-night. Ia dikaitkan dengan kematangan tamadun iaitu institusi dan sistem di dalam tamadun yang efisien dan ini akan tercapai dalam jangka waktu yang panjang dalam proses "up and down", melalui proses persaingan yang begitu pesat dan daripada semua pihak setelah bertahun kita struggle, bertahun kita bersaing barulah tamadun itu matang dan negara kita mencapai kematangan yang begitu tinggi. Bangsa Amerika suatu masa dahulu tidak wujud, hanya apabila bangsa Inggeris berpindah membuka Amerika Syarikat baru wujud Amerika Syarikat dan melalui proses kematangan itu, ia menjadi satu negara yang matang yang mempunyai ekonomi yang matang.

Yang pentingnya krisis ekonomi ini memberi pengajaran kepada kita semua, baik kepada kerajaan mahupun kepada pembangkang untuk kita mengkaji kelemahan kita. Saya bersetuju kita diserang oleh spekulator, bursa saham kita jatuh, aliran modal keluar dan sebagainya tetapi ada kelemahan-kelemahan yang perlu kita lihat secara kritikal, kelemahan kita, over capacity kita, aktiviti saham yang berleluasa. Saya pernah menyebut perkara ini, antara sebab ekonomi Amerika Syarikat jatuh lebih kurang 14 tahun lalu kerana lebih banyak paper transfer – penjualan saham dari real economy. Masa itu dijangka lebih kurang nisbah 70:30. Aktiviti real economy 30%; paper transfer 70%. Ia mencipta kekayaan tetapi ia meruntuhkan ekonomi. Begitu juga dari segi hartanah – begitu over zealous, kelulusan tanah diberi dan berlaku high-gearing, institusi kita tidak begitu mantap, sistem kita tidak begitu efisien, kuasa penguatkuasaan ada berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan tetapi tidak mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa hari saya berbincang dengan beberapa orang stockbrokers kita – rasa kecewa mereka, kita tidak mampu mendisiplin industri saham dan securities kerana banyak penguatkuasaan itu tidak dilakukan, kuasa undang-undang tidak dilaksanakan, jadi penyelewengan-penyelewengan terus berlaku dan akhirnya industri itu tidak mempunyai disiplin. Saya tidak bersetuju dengan pandangan pembangkang bahawa mereka tidak dilibatkan di dalam pembangunan ekonomi. Penglibatan kita boleh dalam beberapa bentuk, kita boleh buat kertas kerja. Kami rakan-rakan di dalam UMNO Parliamentarian Group (UMPG), kita bukan ahli MTEN tetapi kita buat kertas kerja, kita bentang kepada MTEN, kita bentang kepada PM kertas kerja kita dan ada sebahagian daripada cadangan kita itu terdapat di dalam kertas MTEN – bermakna kita mesti bersikap proaktif. Di dalam Parlimen ini diberi peluang untuk kita "clash of ideas",

itu penting walaupun ada idea-idea yang nampak opposite tetapi itu penting untuk kita meningkatkan atau memperkasakan kematangan pemikiran kita supaya ia menyumbang kepada pembangunan tamadun yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap tidak ada individu yang merasa dia ketinggalan. Kita harus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan krisis ekonomi negara kita. Kalau betul cara strategi dan approach kita serta pendekatan kita, bukan sahaja kita akan keluar daripada krisis ekonomi ini malah kita akan mencapai kepada tahap sebuah ekonomi yang matang serta mencapai kematangan negara seperti yang diharapkan. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong.**

**12.51 tgh.**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I yang telah pun membentangkan Belanjawan Negara di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat yang lalu. Biarpun keadaan memaksa Kerajaan Barisan Nasional untuk membentangkan belanjawan defisit, saya yakin bahawa rakyat jelata seluruhnya pasti amat memahami mengapakah hakikat ini harus terjadi. Belanjawan 1999 ini sesungguhnya membuktikan bahawa ianya telah digubal secara rapi, serius dan khusus untuk mencergaskan semula seluruh aktiviti ekonomi di negara tercinta yang sedang dilanda krisis kewangan. Saya pasti seluruh rakyat jelata Malaysia akan sentiasa mendoakan semoga segala strategi memulihkan ekonomi negara menerusi belanjawan ini dan menerusi langkah-langkah yang telah pun diumumkan sebelumnya akan berjaya mencapai matlamatnya demi kepentingan agama, bangsa dan tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi kesempatan ini, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Kerajaan Barisan Nasional menerusi Belanjawan ini sentiasa terus-menerus memberikan peruntukan yang sewajarnya kepada program-program membela nasib rakyat Malaysia yang daif, miskin, golongan berpendapatan rendah, warga-warga desa, pekebun kecil, nelayan dan petani. Hakikat ini jelas apabila Belanjawan 1999 memperuntukkan sejumlah RM1.124 bilion bagi membiayai program-program pembangunan pertanian, pembinaan jalan desa, penyediaan bekalan air dan elektrik luar bandar serta pembangunan semula kampung-kampung tradisional dan pertumbuhan desa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya jelaskan bahawa kawasan-kawasan desa serta pedalaman di seluruh negara adalah majoritinya kawasan-kawasan Parlimen yang menjadi kubu kuat Kerajaan Barisan Nasional. Kawasan-kawasan Parlimen luar bandar dan kawasan-kawasan Parlimen di pedalamanlah yang majoritinya menjadi sumber kekuasaan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah pada hari ini. Majoriti warga desa dan majoriti penduduk di pedalaman di seluruh negara ini adalah pendukung setia Kerajaan Barisan Nasional sejak dulu hingga sekarang. Warga-warga desa dan penghuni kawasan pedalaman inilah yang majoritinya menyokong Kerajaan Barisan Nasional tanpa banyak kerendah, tanpa banyak soal dan tanpa macam-macam masalah. Memang mereka tergolong sebagai rakyat tanpa wajah. Tetapi dari segi mempertahankan kekuasaan Kerajaan Barisan Nasional, rakyat serupa inilah, rakyat yang disifatkan sebagai rakyat tanpa wajah inilah golongan yang paling setia dan paling gagah.

Lantaran hakikat inilah maka saya mahu mengingatkan diri saya sendiri dan merayu kepada seluruh pihak yang terlibat di dalam menjamin kesejahteraan rakyat jelata semoga warga desa dan penghuni kawasan pedalaman janganlah diambil mudah ataupun 'don't takes for granted'. Kesetiaan mereka jangan dipermudahkan. Pengorbanan orang kampung tidak wajar dipermudahkan. Sokongan orang pedalaman jangan dipermudahkan. Mereka bukan lagi masyarakat 'katak di bawah tempurung'. Mereka telah melahirkan

golongan profesional. Mereka telah melahirkan cendekiawan. Mereka juga melahirkan golongan usahawan, korporat, pentadbir dan juga Menteri Kabinet.

Berdasarkan hakikat ini, saya merayu semoga rakyat desa dan pedalaman ini diberi pembelaan yang sewajar-wajarnya. Ini selaras dengan usia kekuasaan Barisan Nasional yang menjangkau 25 tahun pada tahun hadapan. Barisan Nasional yang dilahirkan pada tahun 1974 akan merayakan Jubli Perak sempena usianya yang ke-25 pada tahun 1999. Di dalam proses menjangkau usia yang semakin dewasa ini saya pasti Kerajaan Barisan Nasional akan lebih mampu untuk memberi keseimbangan di dalam membangunkan kawasan desa dan kota, di dalam memberi pembelaan kepada sektor rakyat dan sektor korporat dan di dalam melindungi kesejahteraan golongan kaya dan rakyat yang susah.

Contohnya, sementara rakyat desa, rakyat kampung dan rakyat pedalaman memberikan sokongan yang tidak berbelah-bahagi kepada Kerajaan Barisan Nasional di dalam mewujudkan Dana Pembangunan Prasarana untuk memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek prasarana yang telah diswastakan seperti projek Sistem Transit Aliran Ringan, KL Sentral, Sistem Monorel Kuala Lumpur, pelabuhan, lebuhraya, Putrajaya dan Cyberjaya, orang-orang kampung ini juga sentiasa berharap semoga pembangunan prasarana desa seperti jalan-jalan kampung mendapat pembelaan yang sama seriusnya daripada pihak kerajaan. Sementara rakyat kampung dan orang pedalaman memahami kebijaksanaan kerajaan untuk memberi keutamaan kepada projek-projek pembedaan, pengurusan sisa pepejal dan bekalan air di kawasan kota, orang-orang kampung ini jugalah mahukan semoga masalah bekalan air dan elektrik luar bandar mendapat pembelaan yang sama seriusnya daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap hakikat yang saya sebutkan ini tidak akan disalahtafsirkan oleh pihak kerajaan. Saya menghuraikan hakikat ini kerana saya yakin penubuhan Dana Pembangunan Prasarana baru-baru ini juga boleh dijadikan titik awal untuk kerajaan mempesat serta memperhebatkan lagi pelaksanaan projek-projek kemudahan desa seperti bekalan air dan elektrik luar bandar dan juga projek menaikkan taraf jalan-jalan kampung dan jalan-jalan luar bandar di seluruh negara. Saya menghuraikan hakikat ini kerana sokongan rakyat desalah yang menjadi sumber utama survival dan kekuasaan Kerajaan Barisan Nasional pada setiap kali pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan usaha menyeimbangkan pembangunan negara, khususnya di antara sektor rakyat dan sektor korporat, di antara sektor desa dan sektor kota, saya berharap semoga seluruh program pembangunan kemudahan di luar bandar dikaji semula sebaik sahaja negara ini berjaya membebaskan dirinya daripada kegawatan semasa. Saya mengemukakan cadangan ini kerana saya yakin majoriti rakyat desa dan rakyat kampung mahukan semua kemudahan asas dibekalkan kepada mereka dengan sempurna dalam suatu tempoh waktu (deadline) yang tidak panjang. Maksudnya, proses membangunkan prasarana dan kemudahan desa yang merangkumi bekalan air dan elektrik luar bandar serta program menaikkan taraf kampung dan jalan luar bandar wajarlah diberikan satu tempoh sasaran (deadline) yang jelas. Ini penting kerana saya bimbang sekiranya ketiadaan suatu tempoh yang khusus untuk menyempurnakan program pembangunan infrastruktur desa akan lambat-laun melahirkan keresahan, melahirkan kegelisahan, melahirkan rasa tidak puas hati dan mungkin juga membabitkan penentangan terhadap kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta sambung selepas ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Parit Sulong, ada yang hendak disambung lagi?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Baik.

**2.30 ptg.**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Dewan berhenti rehat sebentar tadi saya menyatakan bahawa proses membangunkan prasarana dan kemudahan desa yang merangkumi bekalan air dan elektrik luar bandar serta program menaikkan taraf jalan kampung dan jalan luar bandar wajarlah diberikan satu tempoh sasaran (deadline) yang jelas. Ini penting kerana saya bimbang kalau sekiranya ketiadaan suatu tempoh yang khusus untuk menyempurnakan program pembangunan infrastruktur desa akan lambat laun melahirkan keresahan, melahirkan kegelisahan, melahirkan rasa tidak puas hati dan mungkin juga melahirkan sikap penentangan rakyat terhadap kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti pihak kerajaan menyedari hakikat ini menerusi maklum balas yang disalurkan oleh pelbagai agensinya dari seluruh negara. Saya berdoa ke hadrat Allah S.W.T. semoga maklum balas itu diberi keprihatinan yang sewajarnya dan dijadikan asas tindakan yang serius dan segera.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dari sebelum pukul 1.00 tadi mendengar ucapan Yang Berhormat dari Parit Sulong. Dua perkara yang saya dengar, iaitu pertamanya sokongan yang kita terima, terutama parti UMNO juga sebagai PBB di Sarawak adalah bertulangbelakangan masyarakat di luar bandar. Yang kedua, iaitu apakah tindakan pihak kerajaan supaya pihak di luar bandar itu juga menikmati kemudahan-kemudahan yang ada di dalam bandar. Jadi, pada masa sekarang kita ternampak juga tindakan kerajaan yang begitu baik dan memberi pertolongan kepada masyarakat di luar bandar, tetapi belum mencukupi. Jadi, kalau belum mencukupi, adakah Yang Berhormat memikirkan cara-cara lain dan apakah peratusan yang sepatutnya peruntukan-peruntukan negara patut diberi di luar bandar supaya masyarakat di luar bandar boleh menikmati bukan sahaja daripada kemudahan-kemudahan asas, tetapi juga boleh menikmati kekayaan daripada pembangunan negara yang ada sekarang ini?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun jelaskan bahawa memang tidak boleh dinafikan sumber utama kekuasaan Kerajaan Barisan Nasional adalah pendukung-pendukung dan penyokong-penyokong setia yang berada di kawasan pedalaman dan luar bandar. Tidak juga boleh dinafikan bahawa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Barisan Nasional mempunyai satu blue-print pembangunan luar bandar yang amat tersusun. Tetapi, apabila dikatakan pembangunan luar bandar, ini adalah luas. Yang saya tegaskan di sini adalah infrastruktur asas (basic amenities, basic infrastructure), iaitu air, jalan dan elektrik. Banyak perkara yang akan menimbulkan masalah sekiranya kemudahan-kemudahan asas ini dilaksanakan mengikut ataupun rentak yang ada pada hari ini.

Kita telah merdeka selama sekian tahun. Tetapi, masalah pembekalan kemudahan asas luar bandar masih lagi jauh tertinggal. Apabila kita melihat pembangunan di dalam

kota, rakyat kampung akan bertanya mengapakah kota dapat lebih, di luar bandar dapat kurang. Jadi, masalah peratusan ini saya serahkan kepada kebijaksanaan kerajaan. Apabila diiktiraf bahawa orang kampunglah yang menjadi sumber utama kekuatan Barisan Nasional, maka sumber kekuatan itu harus diberi satu erti yang seimbang dengan pembangunan di dalam kota. Itu yang saya harapkan. Banyak cara yang harus dilaksanakan untuk mempercepatkan perkara ini. Itu terserahlah kepada kajian oleh pihak kerajaan.

Pada ketika ini sahaja kita tidak mempunyai statistik yang jelas. Umpamanya berapa ribu kilometer lagikah jalan kampung yang belum diturap tar. Berapa ribu lagikah isirumah (household) di dalam kampung dan luar bandar yang belum mendapat bekalan elektrik dan air. Kita tidak mempunyai statistik yang jelas ataupun statistik yang tidak mahu dipaparkan secara jelas. Perkara ini boleh membawa banyak masalah berganda yang akan timbul di masa akan datang. Contohnya, kelewatan membekalkan bekalan lektrik di luar bandar akan menjejaskan program kecelikan IT di kawasan luar bandar. Sekiranya masyarakat luar bandar tertinggal di dalam program-program IT, pengkomputeran, celik IT dan celik Internet, pastilah masyarakat luar bandar akan menjadi sekelompok masyarakat majoriti yang terpinggir daripada arus perkembangan IT negara. Persoalan ini strategik dan persoalan ini mempunyai implikasi sosio-ekonomi yang amat besar dan jika tidak di atasi segera akan mempunyai implikasi dan bahaya yang amat berat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah di antara hujah-hujah saya mengapa saya meminta supaya masalah pembekalan kemudahan asas kepada rakyat luar bandar perlu diberi perhatian yang sama seriusnya dengan usaha kerajaan membangunkan kota dan bandar raya.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu negara diancam masalah kewangan dan ekonomi yang serius, saya pasti rakyat jelata termasuk rakyat kampung saya, rakyat Parit Sulong, rakyat Sri Medan dan rakyat di Semerah akan faham mengapakah peruntukan untuk setengah-setengah program kemudahan desa dikurangkan. Contohnya, rakyat jelata di kampung saya pasti akan faham jika kerajaan hanya memperuntukkan sejumlah RM70.7 juta untuk bekalan elektrik luar bandar di seluruh negara pada tahun depan, berbanding dengan RM120 juta pada tahun ini. Projek-projek bekalan air luar bandar di seluruh negara tahun depan menerima peruntukan sebanyak RM12.1 juta secara langsung dan RM48.4 juta cara pinjaman pada tahun depan berbanding dengan RM105 juta pada tahun ini. Kekurangan ini rakyat kampung pun faham oleh kerana negara sedang dilanda kegawatan kewangan dan ekonomi.

Sementara itu, saya yakin majoriti rakyat desa juga akan berasa bersyukur kepada Allah S.W.T., kerana tahun ini kerajaan menunjukkan pertambahan peruntukan menaikkan taraf jalan luar bandar dan jalan kampung yang diberikan menerusi Belanjawan 1999.

Contohnya, menerusi Belanjawan 1998 kerajaan hanya memperuntukkan RM135 juta untuk menaikkan taraf jalan luar bandar. Menerusi Belanjawan yang kita bincangkan hari ini, program menaikkan taraf jalan luar bandar ditambah kepada RM250.4 juta, iaitu pertambahan sebanyak RM115.4 juta. Begitu juga dengan peruntukan menaikkan taraf jalan-jalan kampung. Belanjawan tahun 1998 kerajaan memberi peruntukan RM185 juta. Tetapi Belanjawan 1999 memperuntukkan RM225 juta untuk program ini. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak RM70 juta. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana nampaknya gesaan, laungan, rayuan, rintihan wakil rakyat kawasan kampung termasuk saya dan sahabat-sahabat saya yang lain mula mendapat perhatian.

Tetapi, harapan saya selepas negara ini terbebas dari kegawatan kewangan, saya minta tambahan peruntukan ini ditambah, kalau boleh sekali ganda, kalau boleh dua kali ganda, kalau boleh mengikut ukuran yang melambangkan keadilan dan juga keprihatinan rakyat terhadap masyarakat luar bandar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan sahaja, terima kasih. Selepas ini saya akan berucap dalam perbahasan saya sendirilah. Soalan saya berkenaan jalan-jalan kampung, saya memang berminat dengan jalan kampung ini kerana infrastruktur asas luar bandar. Saya pernah mendengar sendiri kerajaan mengatakan sebelum infrastruktur itu dibuat umpamanya jalan, kita mesti dahulu mengkajikan sama ada economic viability yang ada di kawasan tersebut baru kita buat jalan dan satu lagi pandangan orang menyatakan iaitu kita buat jalan dahulu, lepas itu baru tempat itu menjadi economically viable.

Jadi, pada pandangan Ahli Yang Berhormat yang mana satu Ahli Yang Berhormat bersetuju, kita pandang dari segi economic viability sebelum kita buat jalan ataupun kita bina jalan dahulu supaya ada infrastruktur baru tempat itu menjadi economically viable tanpa memikirkan soalan sosial dan pembangunan luar bandar. Terima kasih.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kepada saya, yang penting kesejahteraan rakyat. kerana rakyat inilah yang saya katakan tidak ada kereh, tidak ada masalah dan menyokong Kerajaan Barisan Nasional pada setiap kali pilihan raya. Jadi, kalau hendak bina jalan kampung berasaskan soal-soal viability economy, saya rasa tidak wajar. Yang penting sama ada kesejahteraan rakyat itu diberi keprihatinan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat nostalgik sewaktu saya kecil, saya pergi sekolah dalam zaman penjajah. Waktu hujan, lecak, kasut bungkus masuk dalam bakul. Dahulu tidak ada beg, yang ada hanya bakul rotan kerana waktu itu penjajah, kita tidak ada pembelaan. Tetapi hari ini masih ada lagi anak-anak kampung yang pergi sekolah, waktu hujan, jalan lecak, kasut dibungkus masuk dalam beg. Adakah kita mahu memikirkan soal economic viability ataupun mahu memikirkan kesejahteraan rakyat di dalam mengukur sama ada rakyat kampung harus diberi pembelaan yang lebih terhadap pemberian kemudahan-kemudahan asas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tamat dengan soal jalan kampung dan juga kemudahan asas kampung. Sekarang saya berpindah ke masalah pinjaman untuk pelajar-pelajar, khususnya bumiputera, yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan RM13.5 bilion untuk meningkatkan taraf prasarana dan kemudahan sokongan serta pembangunan kurikulum pendidikan rendah dan menengah. Saya juga berterima kasih di atas peruntukan RM2.85 bilion untuk pendidikan tinggi di seluruh negara. Pada waktu yang sama, usaha kerajaan untuk menambah jumlah pengambilan pelajar ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari 77,000 pelajar tahun lalu kepada 84,000 pelajar tahun depan dan usaha memberikan peruntukan RM320 juta kepada Tabung Pendidikan Negara adalah amat wajar dan menggembirakan semua pihak.

Dalam konteks ini, saya merayu semoga Tabung Pendidikan Negara sewajarnya memberikan pinjaman kepada para pelajar bumiputera khususnya yang menuntut di semua Institut Pengajian Tinggi Swasta. Saya membuat rayuan ini kerana pada hari ini, saya difahamkan Tabung Pendidikan Negara hanya memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang menuntut di tiga IPTS sahaja iaitu di Uniten, di Unitel dan juga di Universiti Petronas.

Sekiranya Tabung Pendidikan Negara mempunyai constraint kewangan untuk menampung perkara ini, Tenaga Nasional Berhad yang mempunyai Uniten, Telekom Malaysia Berhad yang menubuhkan Unitel dan Petronas sendiri, wajarlah didorong mengambil inisiatif serius untuk membantu mengatasi constraint kewangan tersebut. Jika sebelum kegawatan ketiga-tiga organisasi gagah ini mempunyai dan mampu membantu pelajar-pelajar bumiputera untuk menuntut di seberang laut, maka wajarlah jika pada keadaan sekarang, mereka juga diminta dan dipujuk untuk membantu mengatasi masalah pinjaman untuk pelajar-pelajar bumiputera yang menuntut di IPTS. Kalau tidak, bagaimanakah anak-anak bumiputera yang menuntut di IPTS untuk melanjutkan pelajaran. Hari ini saya dengar cerita-cerita orang kampung, ramai anak-anak yang menuntut di IPTS balik kampung kerana mereka tidak diberi pembelaan menerusi Tabung Pendidikan Nasional atau mana-mana instrumen kewangan yang diwujudkan untuk pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soal IPTA dan IPTS ini, saya juga terpenggil untuk membicarakan masalah IPTS dan pelajar-pelajar yang difrancaiskan atau dipawahkan oleh IPTA ke IPTS. Ini jual kepala, IPTA recruit student, dia jual kepala kepada IPTS.

Saya difahamkan kini terdapat lebih kurang 350 IPTS yang berdaftar dengan kerajaan. Seluruh IPTS ini dikatakan mengendalikan lebih kurang 80,000 pelajar di peringkat ijazah dan diploma. Adalah amat menyedihkan apabila saya mendapat tahu bahawa dari 80,000 pelajar di IPTS hari ini, hanya 5% ataupun 4,000 orang sahaja terdiri dari bumiputera. Inilah akibat kurang kewangan, kurang pendedahan dan sebagainya. Hanya 5% atau 4,000 daripada 80,000 pelajar di IPTS adalah bumiputera.

Saya kurang faham mengapakah terjadi hakikat ini. Adakah hakikat ini terjadi oleh kerana kekurangan dana pinjaman untuk pelajar-pelajar bumiputera seperti saya katakan tadi, ataupun mungkinkah terdapat sebab-sebab strategik yang lain, maka pelajar bumiputera amat berkurangan sekali untuk mampu menuntut di dalam IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa sistem pendidikan di IPTS pula mendatangkan keuntungan sebanyak RM5 bilion pada setiap tahun. Bermakna perniagaan membekalkan pusat pendidikan swasta ini mendatangkan keuntungan RM5 bilion pada setiap tahun. Ini bermakna bahawa usaha menyediakan pendidikan di IPTS adalah satu bentuk perniagaan yang amat lumayan pulangnya. Jika hakikat ini benar, tidakkah wajar sekiranya sesetengah IPTS yang beroleh keuntungan yang besar, sekali lagi dipujuk untuk menyediakan dana kewangan untuk diberikan kepada setengah pelajar-pelajar yang amat memerlukan pinjaman kewangan, khususnya anak-anak kampung, anak-anak bumiputera.

Saya pernah membangkitkan soal ini sewaktu membahaskan Akta Pendidikan Nasional dua tahun yang lalu. Saya yakin wajarlah perkara ini sekali lagi dihalusi dan dijadikan tindakan yang membawa manfaat kepada pelajar-pelajar IPTS seluruhnya dan khusus sekali saya nyatakan kepada pelajar-pelajar bumiputera.

Saya sangat-sangat berharap semoga kerajaan memandang berat hakikat kekurangan jumlah pelajar bumiputera di IPTS ini. Usaha ini amat penting supaya pendemokrasian pendidikan tinggi di negara ini tidak pula mewujudkan satu jurang perbezaan, mewujudkan satu jurang ketidakseimbangan jumlah pelajar bumiputera dan bukan bumiputera yang menuntut di IPTS di seluruh negara.

Sekiranya total sum perbezaan ini diambil kira kepada seluruh bumiputera yang menuntut di IPTS dan IPTA, maka kita akan melihat bahawa jurang perbezaan bumiputera yang berjaya menuntut di Institut Pengajian Tinggi adalah semakin berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks IPTA dan IPTS ini, saya juga mahu mendapat penjelasan dari kerajaan tentang kriteria ataupun kayu pengukur ataupun syarat yang digunakan oleh IPTA untuk mempawahkan atau memfrancaiskan setengah pelajarinya menuntut di IPTS. Saya dengar sekarang seolah-olah ada sindiket. Bermakna sesetengah golongan di IPTA kongsi dengan kawan di luar buat IPTS dan dia pawahkan pelajar dengan kos lagi tinggi dan sebagainya. Saya tidak tahu perkara ini betul ataupun tidak. Bagaimanapun saya membangkitkan soal-soal kriteria ini kerana kini terdapat beberapa sungutan, terdapat rungutan sesetengah ibu bapa yang tidak puas hati dengan tindakan beberapa IPTA mempawahkan anak-anak mereka untuk belajar di IPTS. Ibu bapa berkenaan tidak puas hati kerana majoriti IPTS yang mengendalikan kursus-kursus francais ini dikatakan amat daif sekali kemudahannya. Bilik kuliahnya daif, bilik penginapannya daif, segala-galanya daif.

Terdapat juga ibu bapa mendakwa bahawa anak-anak mereka difrancaiskan oleh IPTA ke IPTS kerana mereka adalah anak-anak orang kampung yang kurang faham dengan selok belok francais. Tanpa buruk sangka atau prejudis kepada IPTA dan manamana IPTS yang terlibat dengan usaha francais ini, saya memohon mendapatkan penjelasan dari Kementerian Pendidikan, adakah apa yang dirungut dan disungutkan itu benar? Jika benar, apakah usaha-usaha untuk mengatasi hal ini? Jika tidak benar, apakah sebenarnya kayu pengukur ataupun kriteria yang mendorong sesuatu IPTA untuk memfrancaiskan anak-anak, pelajar-pelajarnya, khususnya anak bumiputera, ke IPTS?

Saya amat prihatin dengan soal ini kerana sekiranya apa yang dirungut dan disungutkan itu adalah realiti, saya bimbang kualiti pembelajaran yang diterima oleh pelajar-pelajar yang difrancaiskan itu mungkin tidak memuaskan. Mungkin juga ini akan mewujudkan sikap 'inferiority complex' di kalangan pelajar-pelajar yang difrancaiskan. Jika ini terjadi, pelajar-pelajar yang difrancaiskan akan terjejas prestasinya. Lebih malang lagi kerana majoriti pelajar francais itu adalah anak-anak orang-orang kampung, anak-anak bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga kerana sejak IPTA memfrancaiskan pelajarinya ke IPTS, kini mercup tumbuh IPTS bumiputera di seluruh negara. Dari Perlis sampailah ke Sabah terdapat berbagai nama IPTS bumiputera. Majoritinya wujud semata-mata untuk merebut peluang perniagaan pelajaran sistem francais. Yang sedihnya, majoriti IPTS bumiputera ini amat kecil dan daif. Ada juga yang kononnya IPTS bumiputera tetapi sebenarnya pemodal utamanya adalah bukan bumiputera. Pendek kata, kini terdengar bermacam-macam kisah dan kegelisahan mengenai IPTS bumiputera di seluruh negara.

Berdasarkan kenyataan ini, saya mencadangkan semoga kerajaan memberi perhatian serius terhadap perkembangan yang kurang sihat ini. Wajarlah jika kerajaan mengambil daya usaha meminta IPTS bumiputera ini menggabung serta menggablengkan sumber modal dan sumber kepakaran masing-masing. Umpamanya, seluruh IPTS bumiputera yang terdapat di setiap negeri, wajarlah diminta supaya menggabungkan modal serta operasi masing-masing. Pasti usaha ini dapat mengukuhkan modal yang amat diperlukan untuk meningkatkan lagi kualiti kemudahan dan kualiti pembelajaran yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang difrancaiskan oleh IPTA kepada mereka. Pada waktu yang sama, kerajaan juga wajarlah mengkaji sama ada penggabungan IPTS bumiputera yang kecil-kecil ini perlu diberi bantuan modal supaya modal tersebut boleh digunakan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pembelajaran yang diberikan kepada seluruh pelajar-pelajar francais IPTA kepada IPTS di masa-masa terdekat ini. Saya yakin usaha-usaha ini akan menimbulkan win-win situation ataupun memberi manfaat kepada semua pihak. Para pelajar yang difrancaiskan akan berasa

maruah mereka terbelah, IPTS yang digabungkan operasinya akan meningkatkan darjat pusat pengajian mereka, ibu bapa akan berasa lega dan IPTA yang memfrancaiskan pelajar-pelajar ke IPTS akan terbebas dari tuduhan mengamalkan sikap "melepaskan batuk di tangga" dalam konteks memperluaskan lagi peluang pengajian tinggi kepada rakyat, khususnya bumiputera.

Satu perkara lagi yang timbul mengenai pengajian-pengajian di IPTS, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai akreditasi sijil, diploma ataupun ijazah. Setakat ini saya difahamkan bahawa Lembaga Akreditasi Negara atau LAN di bawah Kementerian Pendidikan masih belum memberi pengiktirafan kepada mana-mana IPTS yang mana ini akan menyukarkan lulusan IPTS untuk berkhidmat di sektor awam. Kita amat faham bahawa sektor awam ini mempunyai satu taraf, mempunyai satu kriteria pengiktirafan terhadap sijil, diploma atau ijazah yang dikeluarkan di dalam negara supaya orang-orang yang berkelulusan demikian untuk berkhidmat dengan kerajaan diletakkan di tangga-tangga gaji yang sesuai. Sekiranya LAN terlambat membuat akreditasi ataupun pengkajian, pengkelasan sijil yang dikeluarkan oleh IPTS, para graduan mereka akan terjejas. Saya difahamkan bahawa proses mengkaji akreditasi ini memakan masa dua, tiga tahun. Dalam dua, tiga tahun pelajar-pelajar hari ini yang menuntut di IPTS telah pun menjadi lulusan graduan. Mereka akan bekerja dan pada ketika itu kita akan menghadapi masalah sama ada sijil, diploma atau ijazah IPTS mereka diiktiraf oleh kerajaan. Saya harap perkara ini dapat di atasi seberapa segera untuk manfaat semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya bersyukur kerana menerusi Belanjawan 1999 ini kerajaan memperuntukkan RM1.145 bilion untuk pendidikan vokasional dan teknikal anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan menerusi MARA, anjuran Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Belia dan Sukan. Inisiatif ini amat saya sanjung tinggi. Kini saya dapati bahawa pendidikan vokasional memang amat diperlukan untuk menjana sumber manusia terlatih dari kalangan lepasan sekolah yang gagal melanjutkan pelajaran ke IPTA ataupun IPTS di bidang-bidang profesional oleh kerana tidak mencukupi syarat-syarat kelayakan memasuki IPTA atau IPTS di negara ini. Majoriti lulusan pusat latihan vokasional kini berjaya memasuki pasaran kerja dengan pendapatan yang agak lumayan. Segolongan mereka pula berjaya melanjutkan pendidikan ke peringkat diploma dan seterusnya yang lebih cemerlang, ada juga yang berjaya melanjutkan pendidikan ke peringkat ijazah di IPTA tempatan atau unversiti-universiti seberang laut.

Bagaimanapun, masih terdapat beberapa anomali terhadap pengiktirafan sijil ataupun diploma vokasional di negara ini. Contohnya, lulusan sijil atau diploma anjuran institusi pendidikan vokasional MARA masih lagi diperlukan mengambil peperiksaan persijilan anjuran Kementerian Sumber Manusia sekiranya lulusan IKM ini mahu bekerja dengan kerajaan. MARA dan Kementerian Sumber Manusia adalah agensi kerajaan, jika tidak, lulusan daripada vokasional MARA ini akan diletakkan di tangga gaji yang rendah dari lulusan institusi vokasional anjuran Kementerian Sumber Manusia. Hakikat ini menimbulkan pelbagai masalah. Mengapakah lulusan institusi vokasional MARA yang mengikuti kurikulum vokasional yang sama dengan anjuran Kementerian Sumber Manusia perlu dibeza-bezakan?

Lantaran itu saya memohon semoga kerajaan mewujudkan satu sistem akreditasi pensijilan dan pengiktirafan yang standard untuk semua institusi latihan vokasional anjuran pelbagai agensinya sekarang. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam juga perlu mengkaji pengiktirafannya kepada pelbagai sijil dan diploma vokasional tersebut supaya selaras, setaraf dan tanpa anomali di segi gaji dan ganjaran. Saya pasti langkah-langkah

seperti ini akan memberi maruah dan martabat kepada lulusan pendidikan vokasional seluruhnya.

Pengiktirafan IPTA tempatan kepada lulusan sijil dan diploma vokasional di negara ini juga perlu diselaraskan secara rasmi oleh pihak kerajaan. Sekarang ini, pengiktirafan ini sentiasa ad hoc dan berbeza-beza. Contohnya, terdapat pelajar yang menerima lulusan diploma vokasional yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran peringkat universiti di Tahun Kedua. Ada pula yang menerima lulusan sedemikian memasuki Tahun Ketiga, dan ada pula yang hanya menerima lulusan sedemikian memasuki di tahap Tahun Pertama. Hakikat ini adalah mengecewakan. Ianya perlu diatasi segera supaya lulusan vokasional juga berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dan selanjutnya.

Tuan Yang di Pertua, dalam hubungan ini, saya juga berharap semoga kerajaan menghalusi gagasan menubuhkan sebuah universiti khusus untuk pelajar-pelajar aliran vokasional. Saya yakin ini akan membuka ruang yang luas untuk lulusan vokasional dan kumpulan pekerja yang berpengalaman di bidang vokasional, tetapi tidak mempunyai kelulusan akademik yang tinggi, untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti di suatu hari kelak. Mudah-mudahan universiti aliran vokasional ini akan menjadi mercu kepada kesungguhan kerajaan memberikan pendidikan tinggi kepada semua rakyat, khususnya mereka yang datangnye dari aliran vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 juga memperuntukkan RM110 juta untuk pembangunan flagship multimedia di negara ini, khususnya di kawasan Koridor Raya Multimedia. Flagship ini merangkumi aplikasi teleperubatan, kerajaan elektronik, sekolah bestari dan juga kad pelbagai guna. Dalam konteks yang sama, sehingga 15 Oktober 1999 sebanyak 179 syarikat telah diberi kelulusan taraf MSC yang dikelolakan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia atau MDC. Perkembangan ini amat menggalakkan. Biar pun negara dalam kegawatan, kerajaan tetap bersungguh-sungguh di dalam usahanya membangunkan industri teknologi maklumat dan multimedia.

Namun begitu, sebagaimana yang pernah saya huraikan di Dewan yang mulia ini di dalam ucapan-ucapan saya yang terdahulu, perkembangan syarikat-syarikat teknologi maklumat dan syarikat multimedia di negara ini kelihatannya masih lagi hanya atas dorongan kuasa pasaran. Ini bermakna bahawa masih belum wujud lagi inisiatif dasar yang jelas mengenai usaha-usaha memupuk usahawan teknologi maklumat dan multimedia dari kalangan bumiputera secara khusus. Saya yakin pihak kerajaan menyedari hakikat ini dan saya juga percaya hakikat ini akan mendapat pembelaan yang sewajar-wajarnya dari kerajaan tidak lama lagi.

Dalam hubungan ini, saya juga optimis dengan bumiputera diberi bantuan modal untuk membolehkan mereka yang berkebolehan menceburi bidang perekaan sistem dan perekaan kontens multimedia secara serius, berkesan dan segera. Saya optimis terhadap hal ini kerana hari ini ramai anak belia bumiputera yang berkelulusan IT dan multimedia. Mereka mempunyai cita-cita menceburi bidang perekaciptaan sistem dan kontens. Tetapi, mereka agak terumbang-ambing kerana ketiadaan agensi yang khusus untuk mendapatkan bantuan modal untuk memulakan usaha perekaciptaan tersebut. Mereka pernah pergi ke bank-bank, tetapi masalahnya pihak bank dengan pandangan dan pendirian konservatif dan tradisional kurang memahami erti perniagaan multimedia dan IT. Mereka melihat IT dan multimedia adalah perniagaan yang mempunyai track record, sementara IT dan multimedia adalah perniagaan yang dicetuskan oleh teknologi baru dan tidak mempunyai track record. Oleh yang demikian orang-orang ini gagal mendapatkan bantuan modal dari sistem perbankan.

Semua pihak yang prihatin dengan industri teknologi maklumat dan multimedia insaf bahawa sektor perekaciptaan sistem dan perekaciptaan kontens, sekiranya berjaya

mendapat breakthrough, merupakan sektor industri yang boleh mendatangkan pulangan yang amat lumayan. Kelumayan ini akan bertambah besar sekiranya sistem atau pun kontens yang direkacipta mendapat pengiktirafan universal dan pasaran sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, MDC memang telah memulakan sistem inkubator untuk perekaan serta pembangunan sistem dan kontens. Bagaimanapun, suatu sistem inkubator yang khusus untuk bumiputera masih belum ada. Oleh itu, saya merayu semoga kerajaan memikirkan hakikat ini demi manfaat bumiputera dan demi maruah bumiputera seluruhnya. Saya percaya anak-anak bumiputera mempunyai skill, mempunyai kepakaran untuk maju dan berjaya di dalam bidang perekaan sistem dan perekaan kontens. Saya harap perkara ini akan diberi pembelaan untuk melonjakkan lagi martabat negara dalam bidang industri teknologi maklumat dan multimedia di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah ke soal-soal landskap politik. Hari ini Malaysia sedang berusaha keras untuk memulihkan ekonominya. Tetapi hari ini juga banyak pihak di dalam dan di luar negara yang aktif mempersoalkan masalah demokrasi dan kebebasan di Malaysia. Kebelakangan ini juga soal demokrasi dan kebebasan di Malaysia nampaknya telah dijadikan asas secara melulu oleh beberapa pihak untuk menghalalkan beberapa tindakan yang pada realitinya seolah-olah mahu membunuh demokrasi dan telah pun menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara yang belum lagi berkesudahan.

Atas nama demokrasi dan kebebasan, kini terdapat media asing yang melaporkan seolah-olah Malaysia sedang dicengkam darurat. Atas nama demokrasi dan kebebasan, kini terdapat beberapa kuasa asing yang cuba mengketengahkan moral forces mereka dan untuk mencampuri dalam urusan rumahtangga di negara ini. Atas nama demokrasi dan kebebasan, maka terdapat NGO, individu dan kumpulan yang kini mencari keadilan dan kebenaran menerusi gerakan politik jalanan. Atas nama demokrasi dan kebebasan maka kini terdapat kelompok-kelompok antikerajaan yang sedang memperhebatkan aktiviti menghasut rakyat menumbangkan pemerintahan negara secara yang melulu, semberono dan kelihatannya mungkin radikal.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, memang terdapat bermacam-macam tafsiran dan kupasan terhadap soal demokrasi dan kebebasan. Demokrasi adalah cantuman dua perkataan Greek 'Demos' bukan 'demo' dalam bahasa Kelantan. 'Demos' dalam bahasa Greek ertinya rakyat dan 'kratia' pula ertinya kuasa. Banyak saintis politik yang telah memberi pelbagai erti kepada demokrasi dan kebebasan. Ada yang menegaskan bahawa demokrasi hanyalah suatu political ideal dan bukannya suatu tatacara politik untuk memperolehi sesuatu matlamat. Ada yang mentafsirkan demokrasi sebagai pemerintahan oleh rakyat. Ada yang mengatakan bahawa demokrasi adalah prinsip menitikberatkan kesejahteraan rakyat. Pendek kata, demokrasi boleh disorot, ditafsir dan dikupas oleh mana-mana pihak mengikut cita rasa dan niat mereka yang mengupasnya. Tetapi, dalam semua tafsiran mengenai demokrasi memang terkandung satu elemen yang dikatakan kebebasan sebagai satu daripada ciri-ciri yang paling asas. Namun begitu, kebebasan apa jua pun mempunyai had dan elemen disiplinya. There is no absolute freedom. Hakikat ini adalah hakikat yang universal. Hakikat ini hakikat sejagat. Hakikat ini murni dan luhur supaya demokrasi dan kebebasan itu menghasilkan kesejahteraan, menghasilkan keharmonian, menghasilkan ketenteraman dan tidak bertelagah dan menjejaskan keselamatan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai hakikat universal yang berniat luhur dan murni, kebebasan yang menjadi ciri utama kepada demokrasi sewajarnya digandingi dengan nilai-nilai adat, dengan etik ataupun etika, dengan disiplin, dengan peraturan, dengan ketertiban, dengan kesopanan dan prinsip-prinsip kemanusiaan yang luhur.

Oleh itu apa ertinya dilakukan sesuatu tindakan atas nama demokrasi dan kebebasan jika tindakan itu dilaksanakan tanpa adat. Ertinya kurang ajar. Tanpa etika, tanpa peraturan, tanpa tertib, tanpa sopan, tanpa sikap dan rasa perikemanusiaan yang luhur. Apakah ertinya menggunakan kebebasan untuk mencari kebenaran dan keadilan jika kebebasan itu digunakan secara sembrono sehingga melanggar soal-soal adat, soal-soal etika, soal-soal peraturan, soal tertib, soal kesopanan dan soal-soal kemanusiaan. Memang ada pihak yang akan menghujah bahawa jika sekelompok manusia itu gagal melaksanakan kebebasan atas nama demokrasi, maka kelompok itu mungkin akan terus wujud di dalam hidup keadaan yang tertindas. Tetapi, apa gunanya dituntut kebebasan secara sembrono jika cara sedemikian hanya berakhir dengan mudarat, berakhir dengan keadaan yang haru-biru dan berakhir dengan kekecewaan yang mendalam. Sebab itulah maka kebebasan perlu digandungi dengan nilai-nilai murni dan luhur seperti saya katakan tadi. Tiada gunanya kebebasan yang digandungi kezaliman. Tiada gunanya kebebasan yang digandungi kemunafikan. Tiada gunanya kebebasan yang digandungi dengan perpecahan. Tiada gunanya kebebasan yang berakhir dengan keadaan yang purak-peranda.

Saya percaya semua pihak di mana sahaja pun faham dengan huraian ini. Mana-mana pihak memang berhak dan bebas untuk menegakkan kekuasaannya. Mana-mana pihak memang berhak dan bebas untuk menegakkan kuasa undang-undang, manam-mana pihak memang berhak dan bebas untuk menguatkuasakan undang-undang yang sewajarnya. Pihak yang mencari kebenaran dan keadilan memang berhak dan bebas mencari keadilan dan kebenaran. Pihak yang tertindas memang berhak dan bebas untuk membebaskan dirinya dari penindasan. Pokoknya Tuan Yang di-Pertua, hak dan kebebasan itu atas nama demokrasi tidak boleh dinafikan ataupun dipersoalkan. Tetapi ini mempunyai syarat. Syaratnya adalah hak dan kebebasan itu mestilah digandungi dengan nilai, ideal dan amalan yang penuh adat, penuh etika, penuh disiplin, penuh peraturan, sopan santun dan penuh sifat-sifat kemanusiaan, penuh kemurnian dan mempunyai niat yang luhur. Mudah-mudahan penghayatan dan pengamalan demokrasi dan kebebasan seperti ini dapat menjamin kesejahteraan, keharmonian, ketenteraman, keselamatan ummah dan keunggulan sesuatu pemerintahan pada setiap masa. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi sahabat saya daripada Kubang Kerian menyatakan bahawa sekarang ini Internet dijadikan satu saluran mendorong gerakan. Dalam konteks ini saya ingin berkongsi pendapat bahawa Internet adalah satu teknologi kebebasan ataupun dalam bahasa Inggeris technology of freedom. Internet adalah satu teknologi yang memberi kebebasan. Dalam konteks Internet ini kebebasan yang diberikan adalah kebebasan yang sama untuk manusia di alam jagat. Kebebasan di dalam alam maya adalah kebebasan jahiliah kerana cyber space penghuninya hanya rangkaian network of computers. Cyber space tidak bernyawa, cyber space tidak mempunyai tamadun, cyber space tidak mempunyai adat, cyber space boleh kurang ajar. Tetapi pengguna, manusia yang mengembara di cyber space dan menimba ilmu atau menyalur maklumat menerusi Internet harus mengamalkan kebebasan yang digandungi dengan nilai-nilai luhur dan nilai-nilai murni. Dalam konteks ini saya katakan kita diberi kebebasan menerusi Internet untuk menyebarkan maklumat dan untuk menimba maklumat. Tetapi adakah maklumat itu diambil kira sekiranya kita sedar bahawa maklumat itu digandungi dengan kepalsuan. Adakah namanya bebas bagi seorang yang melaksanakan freedom sekiranya tidak mempunyai nilai moral, nilai disiplin dan sebagainya? Ini yang saya mahu tegaskan kepada sahabat saya dari Kubang Kerian. Dia menyatakan hari ini Malaysia sedang berhadapan dengan revolution of the middle class atau revolusi kelas menengah. Saya tegaskan di sini bahawa orang-orang kelas menengah adalah orang-orang yang berpelajaran. Orang-orang kelas menengah adalah orang yang berpendidikan. Orang-orang yang kelas menengah adalah orang yang berpandangan luas. Jadi apabila seseorang individu kelas ini menyambungkan dirinya kepada network yang ada di cyber space, individu itu harus interconnect dirinya kepada cyber space dengan kewarasan, dengan kebijaksanaan bukan dengan kebaculan. Itu

yang saya mahu jelaskan supaya mereka yang kononnya sedang menerokai revolution of the middle class faham bahawa kebebasan dan empowerment yang diberikan kepada seseorang individu menerusi Internet adalah empowerment dan kebebasan yang sama limitationnya dengan kebebasan di atas dunia yang nyata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, nanti orang yang baru datang dia salah tanggapan pandangan saya terhadap Internet. Maksudnya apakah kita boleh samakan orang awam di sudut mendapatkan sesuatu berita, dia ada self-censorship. Self-censorship ertinya ia sendiri boleh sensor. Ini tidak boleh, misalnya di peringkat awal Internet mengeluarkan berita Timbalan Ketua Polis Negara letak jawatan. Keadaan yang begitu gawat dan dikeluarkan pula berita Bukit Aman dan sebagainya menyebabkan orang-orang awam termasuk middle class percaya, soalnya bagaimana kita hendak creat airwenes iaitu rakyat Malaysia ada self-censorship dalam hendak memahami atau mengambil sesuatu berita Internet itu betul atau salah? Hendak create awareness itu bagaimana?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya telah nyatakan tadi apabila kita menyangkutkan diri kita dengan cyber space, kita berhak menimba maklumat dan kita berhak menyalur maklumat. Ini yang dikatakan cyber demokrasi atau demokrasi alam maya.

Alam maya hanya merupakan satu gambaran yang mencantumkan network of computer. Jadi orang yang menimba maklumat dan menyalur maklumat itulah yang seharusnya melaksanakan censorship. Memang alam maya boleh mencipta satu forum, alam maya boleh mencipta satu forum, boleh menonjolkan perkara yang tidak ada, boleh mengatakan perkara yang karut menjadi benar. Itu alam maya. Tetapi, nampaknya kebebasan itu tidak digandingi dengan soal moral, tidak bergandingan dengan soal etik, tidak digandingi dengan soal disiplin, tidak digandingi dengan soal accountability, tanggungjawab kepada diri, tanggungjawab kepada masyarakat, tanggungjawab kepada Tuhan. Sebab itu pernah negara ini cuba dihuru-harakan dengan satu berita yang disebar di Internet kononnya ada pembunuhan berlaku di Chow Kit Road. Kecoh, termasuk orang di Parit Sulong. Ini bermakna bukan middle class sahaja, orang kampung pun access kepada komputer dan Internet. Orang Parit Sulong telefon saya, dia kata "Yang Berhormat betulkah di Kuala Lumpur ada kecoh, ada huru-hara?" Saya kata "Mana tahu?" Katanya dari Internet. Soalnya bukan tiada censorship ataupun bagaimana kita hendak menapis Internet. Yang membantu kita menapis diri kita adalah iman kita, accountability diri kita, integrity kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dia bangun lagi.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, nanti masuklah *Hansard*, tersalah anggap, yang buat kerja ini semua orang PAS. Sebenarnya yang kena tangkap banyak sekarang ini orang UMNO belaka. Yang dipecat itu orang UMNO. Jadi janganlah di'bin'kan nanti pelajar yang datang, ini PAS yang masuk itu, censor balikkah. Kita kutuk semua yang bertanggungjawab buat berita palsu, tidak kira daripada mana parti tetapi yang kena tangkap banyak UMNOlah sekarang ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Apa yang takut sangat UMNO atau PAS. Saya katakan individual empowerment, kebebasan individu. Kebebasan individu di alam siber adalah kebebasan yang lebih penting digandingi dengan rasa tanggungjawab, yang digandingi dengan disiplin, yang digandingi dengan iman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata "website ke backside", saya kurang clear ini, minta penjelasan. [Ketawa]

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya kata website - w-e-b-s-i-t-e, bukan yang lain sebagaimana Yang Berhormat dari Yan katakan. Tadi Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga mengatakan jangan diizinkan keadaan mendorong ke arah kediktatoran. Ini juga framework pemikiran kita, mind set kita, minda kita, bagaimana kita mentafsir sesuatu keadaan. Adakah Yang Berhormat mentafsir keadaan dengan prejudis atau kita mentafsir keadaan dengan pemikiran yang terbuka. Kalau Yang Berhormat sudah berkata begitu memang mungkin saya katakan Yang Berhormat melihat keadaan ini dengan prejudis kepada Barisan Nasional. Malaysia tidak akan menuju ke arah kediktatoran. Saya yakin, saya orang UMNO, saya orang Barisan Nasional, saya advocator of democracy, macam juga orang PAS. Tidak ada diktator dalam negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Bagi, kawan baik. Tuan Yang di-Pertua, yang mengatakan saya ulas tadi kediktatoran itu termasuk yang berkata itu orang UMNO, termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri yang dia menyeru, gulingkan Perdana Menteri kerana dia sedang menuju kediktatoran. Diktator, jadi termasuk juga rakan-rakan dia yang masih dalam Ketua-ketua Bahagian UMNO, setuju kah kediktatoran ini daripada UMNO sendiri. Setuju? Mesti tidak berani kata setuju.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Itu pandangan yang lahir dari mind set Yang Berhormat sendiri tetapi sebagai seorang yang melihat politik negara ini secara serius mulai tahun 1969, saya rasa negara ini tidak akan menuju ke arah kediktatoran. Pada waktu yang sama saya rasa rakyat negara ini juga membenci keganasan. Mereka membenci chaos, huru-hara. Satu iktibar yang telah diturunkan kepada kita pada tahun 1969, cukup. Itu jadi pengajaran selama hayat sepanjang hayat kita.

Saya yakin sebab itu Perdana Menteri pergi Jepun pun, negara tidak terguling. Kenapa PAS tidak mahu mengambil kesempatan menggulingkan negara? PM kata kalau hendak guling, gulinglah. Tidak pun guling. Oleh kerana majoriti rakyat di negara ini masih lagi pendukung setia kepada soal-soal demokrasi dan keamanan. Kita mendukung soal-soal ketenteraman awam. Kita menghargai ketenteraman awam. Kita menghargai keselamatan negara. Kalau tiada ketenteraman awam dan tiada keselamatan negara, kita mungkin tidak guna lagilah duduk dalam negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Yan bangun lagi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya minta Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat dari Kubang Kerian mengatakan bekas Timbalan Presiden UMNO mengatakan Perdana Menteri itu diktator, orang yang kuku besi dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat dari Parit Sulong sedar, bersetuju dengan saya, bahawa beliau mengatakan demikian setelah beliau dipecat daripada parti. Masa beliau dalam parti beliau menyokong, tergedik-gedik UMNO, cuma setelah beliau dipecat, setelah beliau tidak mahu meletak jawatan atas nasihat, maka dipecat baru beliau mula mengatakan kerajaan tidak baik dan sebagainya. Ini ibarat orang yang kahwin Tuan Yang di-Pertua, masa dok syok tu, kadang-kadang bila gelak, gigi sumbing dok sweet tulah, tetapi bila dah bercerai, anak boleh tiga, empat orang, hak bubuh bedak wangi pun bau busuk. Ha, ini manusia, macam mana Yang Berhormat setuju dengan saya atau tidak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya katakan demikianlah. Kalau saya setuju, sekarang ini saya menegakkan gerakan reformasi. Oleh kerana saya tidak setuju maka saya tidak menggandingkan diri saya dengan perjuangan reformasi. Just for the record.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Arau bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Freshie pun dah tau tanya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hai! Tuan Sheikh, belajar-belajar Sheikh.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih wakil dari Parit Sulong, dari penjelasan yang diberikan tadi, saya nampak bahawa wakil Parit Sulong ini begitu berdiri teguh di belakang Perdana Menteri. Tetapi saya harap saya tidak salah, gambar Yang Berhormat itu disiarkan dalam *Harakah* di rumah Anwar setelah Anwar dipecat daripada Timbalan Perdana Menteri dan berucap pula di situ. Jadi, apakah gambar itu sebagai satu fitnah - gambar orang lain, badan orang lain, muka orang lain yang dimasuk oleh *Harakah* ataupun betul tuannya dari Parit Sulong yang bercakap, dan apakah yang dicakap pada hari itu, sama ada dia menentang Anwar di rumah Anwar dengan menyokong Dr. Mahathir seperti yang kita dapat lihat pada hari ini daripada ucapan wakil dari Parit Sulong. Terima kasih.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih. Memang gambar yang disiarkan oleh *Harakah* gambar saya. Memang saya berada di rumah Ahli dari Permatang Pauh. Tetapi saya berada di sana sebagai seorang sahabat yang pernah berkecimpung dan berjuang di dalam gerakan pelajar sejak tahun 1969. Apa yang saya katakan, saya menghormati apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri. Saya menghormati dan tidak mahu mempersoalkan kebijaksanaan di sebalik apa yang ditindakkan. Yang saya mahukan supaya keadilan diberi dengan seadil-adilnya. Itu sahaja yang saya katakan.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Ia tidak fitnah, gambar betul?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak fitnah tetapi ini tidak bermakna bahawa *Harakah* juga tidak menyiarkan fitnah. Itu banyak juga. Saya tidak tahulah. Kalau hendak tanya hal fitnah, tanyalah dengan Yang Berhormat dari Marang. Sama ada dia hendak fitnah atau tidak, saya tidak tahulah. Terserah kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada soal pokok tadi, masalah kebebasan di dalam Internet yang sekarang ini kononnya menjadi sumber menggerakkan revolusi kelas menengah (middle class revolution) dalam negara. Ini adalah satu perkembangan baru. Sekarang ini Internet yang ada memang boleh diseleweng. Siapa sahaja boleh seleweng. Maklumat seribu satu macam yang ada di alam maya belum tahu mana yang betul dan mana yang baik. Pokoknya sama ada kebebasan menerusi Internet ini mahu digandingi dengan soal-soal etika, dengan soal-soal disiplin dengan akauntibiliti diri, dengan soal kepertanggungjawaban kepada bangsa, agama dan tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Mas.

3.35 ptg.

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, terima kasih kepada khusus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan I, oleh kerana dapat membentangkan satu belanjawan 1999 yang begitu menarik perhatian rakyat yang juga mengembirakan kita secara keseluruhan.

Saya telah membaca satu surat khabar iaitu *Utusan Malaysia*, memberikan tajuk "Belanjawan Mesra Rakyat". Gelaran seperti ini betul-betul menandakan bahawa semua perancangan yang diadakan dalam belanjawan 1999 ini betul-betul memberi tumpuan

untuk membantu rakyat keseluruhan selain daripada memulihkan keadaan ekonomi yang ada sekarang ini.

Kita mengucapkan terima kasih juga walaupun di dalam keadaan kegawatan ekonomi seperti sekarang ini, belanjawan memperuntukkan RM18.053 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Daripada ini sejumlah RM4.042 bilion untuk pembangunan prasarana, RM1.542 bilion untuk pembangunan desa dan prasarana pertanian termasuk kampung tradisional dan juga sejumlah 27,500 rumah kos rendah akan dibina, ini membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional betul-betul prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin membangkitkan sedikit perkara iaitu mengenai kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang ini. Walaupun begitu kita mengucapkan tahniah sekali lagi kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, walaupun beliau seorang doktor tetapi segala langkah yang dicadangkan dalam belanjawan 1999 betul-betul boleh dengan pasti kalau dilaksanakan dapat memulihkan keadaan ekonomi yang sedang kita alami sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama untuk mencergaskan aktiviti ekonomi. Kita sudah faham tentang apa yang berlaku sekarang ini, kelembapan ekonomi dan perkara-perkara yang lain yang ada kaitan dengan ini, kita sebetulnya mengucapkan terima kasih juga selain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, keseluruhan Kabinet dan juga kakitangan kerajaan yang telah membentuk belanjawan 1999 ini. Kita difahamkan, dengan izin, the Malaysian economic contracted by 2%, first half of this year contracted by 4.8%, second quarter of this year 6.8%.

Kalau kita bayangkan keadaan yang berlaku dan ambil kira statistik ini, memang keadaan ini membimbangkan kita tetapi langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan sejak MTEN ditubuhkan kita memuji dan berterima kasih. Pertama sekali langkah-langkah seperti berikut iaitu menetapkan harga ataupun, dengan izin, to fixed the RM3.80 to US\$1.00. Satu langkah yang bijak dan satu langkah yang wajar, dengan izin, it is very daring move. Kalau kita bayangkan apa yang berlaku sebelum langkah ini dilaksanakan dan dibandingkan apa yang berlaku sekarang ini selepas ia dilaksanakan saya rasa banyak kebaikan langkah ini. Kita berharap keseluruhan para ahli korporat dan juga beberapa orang yang terlibat secara langsung untuk memulihkan keadaan ekonomi terus memberi sokongan penuh kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khusus dengan langkah-langkah drastik yang diambil ini.

Di dalam satu laporan *Star*, 3 September 1998, erti kata menetapkan pasaran RM3.80 kepada US\$1.00 saya petik di sini, dengan izin,

*"There would be no swap market anymore, the forex dealer said. This is good for businesses because they will no longer have to worry about fluctuations in the currency. A senior bank manager also applauded the government forex control measures saying that with a fixed exchange rate, every company with foreign dealings would now know what their costs were like and be able to plan their cash flow ahead."*

Tuan Yang di-Pertua, banyak kebaikan langkah ini yang saya petikkan di sini adalah satu kesan positif dan harapan kita semua rakyat Malaysia akan setuju dan membantu kerajaan kita untuk memulihkan keadaan dengan begitu cepat. Selain daripada itu seorang economist dalam *Star* juga iaitu Paul Krugman. Paul Krugman mencadangkan supaya oleh kerana ada dua pelan, Pelan A yang dilaungkan oleh IMF. Pelan A ada ciri-ciri seperti begini, dengan izin, *"Plan A involving cutting spending, raising taxes and maintaining high interest rates and this Plan A could not work for Asia as it did for*

*Mexico in 1995.*" Oleh kerana itu Krugman mencadangkan Plan B untuk Asian, dengan izin,

*"Krugman said, Plan B would, however, involve some cost. Any chance of attracting new foreign investments would disappear. The financial markets would probably go into another swoon. But the damage, though painful would only be temporary. As interest rates fall, local economies would eventually recover, confidence would return and those nasty currency controls could be dropped one hopes forever. Krugman warned that if Asia did not act quickly the region could be staring at a depression. Extreme situations demand extreme measures it's time to talk about Plan B, Krugman said,"*

Dengan petikan seperti begini daripada para economist daripada luar dan dari petikan daripada dalam negara kita ini telah membuktikan langkah-langkah yang dilaksanakan betul boleh membantu kita untuk memulihkan keadaan yang ada sekarang ini. Tetapi ada persoalan saya tentang menetapkan RM3.80 kepada US\$1.00 kerana Paul Krugman juga mengatakan di dalam laporan di dalam *Star*

*"Krugmann said, it would be a good idea to state now a planned date for the removal of controls, at most three years from now, perhaps less, with the strong possibility of early parole as the economy recovers. He said, experience suggested that the currency controls do most damage when they are used to defend an over-valued currency, and thereby inexorably evolve from temporary defence against speculation into a permanent system of trade protection".*

Maksud petikan ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu supaya Kementerian Kewangan mengatakan dengan secara jelas dengan adanya capital control, currency control di sini, berapa lamakah RM3.80 ini ditetapkan pada US\$1 untuk satu tahun, dua tahun ataupun tiga tahun.

Perancangan seperti begini Tuan Yang di-Pertua memang sesuai tetapi untuk para investors pelabur dan juga institusi-institusi gergasi di dalam negara ini mereka memerlukan perancangan untuk lima tahun yang akan datang dan supaya pada satu masa nanti kita tidak membuat satu perancangan dan selepas itu misalnya kita naikkan kepada RM4.20. Kita setuju dengan cadangan, ini memang baik.

Yang kedua mengenai Ringgit Malaysia iaitu wang kita tidak dapat diniagakan di luar negara mulai 1 Oktober 1998, itu satu langkah yang drastik yang juga akan membawa kesan positif. Persoalan saya di sini iaitu sejak ini dilakukan mulai 1 Oktober 1998, berapakah wang ataupun ringgit Malaysia telah dibawa balik ke negara kita. Kadang-kadang dalam surat khabar kita membaca ada orang mengatakan RM11 bilion, ada juga orang yang mengatakan RM15 bilion dan di dalam satu surat khabar saya telah baca daripada Julai 1997 hingga Julai 1998 terbukti ada RM22.2 bilion duit Malaysia keluar daripada negara kita. Maksud saya di sini dengan langkah-langkah seperti yang saya katakan tadi, apakah kesannya sekarang setakat ini untuk membantu ekonomi kita.

Yang ketiga, iaitu langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu khusus to improve dengan izin, the liquidity iaitu kadar kecairan di pasaran perbankan ataupun institusi kewangan kita di Malaysia ini. Tujuan saya mengatakan perkara yang ketiga-tiga ini kerana Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita mencergaskan, mempergiatkan kegiatan ekonomi di dalam negara kita memang kita tidak dapat lari daripada peranan bank ataupun institusi kewangan untuk membantu di dalam mencergaskan kegiatan atau aktiviti di dalam ekonomi kita.

Di dalam satu laporan *Star* 28 Ogos 1998, banyak langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu keadaan tidak cair ini di pasaran kita dan sehubungan dengan ini kita mahu supaya Dewan ini diperjelaskan, setakat ini apakah kesan positif selepas cadangan ataupun peraturan ini dilaksanakan. Misal kata di dalam laporan *Star* ini pada satu masa dulu statutory reverse requirement (SRR) pernah diturunkan daripada 8% ke 6% dan selepas itu daripada 6% ke 4% dalam dua minggu sahaja dan setakat ini ada ura-ura pun kita akan menurun SRR dari 4% sampai ke 2%.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang ada kesan iaitu untuk menambahkan, mempertingkatkan keadaan kecairan di dalam institusi perbankan kita, tetapi apa yang harus kita perhatikan di sini iaitu dengan izin, I read from the *Star*. The central bank would want to maintain a minimum amount to assured that confidence in the banking system is not eroded. Yang penting iaitu seperti yang dibangkitkan oleh saudara Yang Berhormat dari Tambun tadi, kita boleh mengatakan dengan menurunkan SRR daripada 8% kepada 6% jumlah mungkin daripada penurunan 2% ini ada RM1.8 bilion duit yang boleh digunapakai oleh bank untuk membantu memberi kemudahan-kemudahan kepada syarikat-syarikat dan daripada 8% ke 4% jumlah RM16 bilion. Adakah kesan-kesan positif selepas penurunan SRR ini setakat ini. Oleh kerana satu lagi yang kita harus perhatikan iaitu institusi perbankan kita harus mengadakan satu dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, at least, short term percentage to make sure that with this SRR, the bank can function, supaya confidence ataupun institusi perbankan kita tidak menghadapi masalah-masalah khususnya di dalam melaksanakan program-program dan kita berharap juga melalui penurunan SRR, ini oleh kerana dikatakan RM16 bilion duit ataupun wang telah dikesankan, kita berharap program-program yang dirangka oleh kerajaan khususnya mengenai pelaksanaan Danamodal Nasional Berhad dan Danaharta Nasional Berhad dapat berjalan dengan baik oleh kerana kedua-dua ini sangat penting untuk membantu kerajaan dan ekonomi kita dipulihkan.

Di sini juga kita ingin selepas Danaharta dan Danamodal ini dilaksanakan, saya minta kalau boleh Menteri Kewangan dapat menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini perkembangan setakat ini dan perancangan kedua-dua Danaharta Nasional Berhad dan Danamodal ini untuk masa depan.

Apa yang saya petikkan tadi Tuan Yang di-Pertua adalah sedikit persoalan tentang apa yang berlaku sekarang ini dalam negara kita tetapi yang penting juga untuk kita memulihkan keadaan ekonomi yang ada sekarang ini, kita juga harus mengambil beberapa langkah ataupun pendekatan positif khususnya untuk membantu kerajaan dan strategi-strategi itu jangan kita tidak mengambil kira khususnya dengan peranan negara-negara luar dan hubungan negara Malaysia dengan negara-negara luar juga harus diambil kira. Oleh kerana, misal kata negara kita selepas dengan izin, to insulate the economy - kita harus perbaiki dari segi hubungan kalau hubungan itu tidak begitu baik, kita harus cari bagaimana dapat mempergiatkan hubungan kita dengan negara-negara lain.

Oleh kerana kita ingin mempertingkatkan eksport dan manufacturing kita, bagaimana kerana pasaran domestik kita ini kecil. Mungkin kalau macam, negara China atau South Korea, mereka tidak khuatir kerana dari segi, misal kata negara China, pasaran domestik berapa bilion penduduk di negara China - 1.2 bilion, misal kata. Kalau 5% daripada 1.2 bilion itu, another word, dengan izin, their domestic market is life tetapi untuk kita, saya ingin mencadangkan satu cadangan di sini dan berharap kalau boleh diterima dan kalau tidak mungkin menjadi satu cadangan sahaja iaitu pada pandangan saya kita harus pertingkat dan pergiatkan hubungan negara Malaysia dengan negara-negara yang ada kaitan dengan kita dari segi eksport.

Selain daripada itu, segala perancangan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan daripada Kementerian Kewangan harus digabungkan supaya misal kata, trade mission, dengan izin, dapat disatupadukan dengan tiap-tiap kementerian ada trade mission dan selepas satu, dua, tiga tahun trade mission itu tidak

membawa makna untuk kita. Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan di sini kerana negara kita sekarang ini - saya tidak ingin menjelaskan beberapa isu yang sedang kita hadapi, saya akan mencatatkan misal kata supaya membantu kerajaan mempergiatkan promosi mempertingkatkan public relation (PR) Malaysia.

Setakat ini ada beberapa masalah yang harus kita perelaskan. Pertamanya, mengenai exchange control di Malaysia harus diperelaskan secara diplomatik untuk negara-negara yang ada kaitan dengan negara Malaysia. Yang kedua, kita tidak boleh lari daripada masalah ini, Tuan Yang di-Pertua – masalah negara jiran, hubungan Malaysia dengan Singapura harus diperbaiki kerana walaupun negara Singapura satu negara yang kecil oleh kerana sebagai negara jiran dan konsep kerajaan ataupun konsep yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri – konsep prosper neighbour policy, satu polisi yang begitu baik, bernas dan wajar harus diperkembangkan. Saya rasa negara kita boleh membantu dalam memperbaiki keadaan yang ada sekarang ini. Misal kata, beberapa isu selama ini yang telah menjadi masalah hubungan Malaysia dengan Singapura ialah isu tentang Central Provident Fund (CPF) mengenai nama Semenanjung tidak disenaraikan di dalam buku yang diterbitkan oleh sebuah agensi di Singapura walaupun nama Sabah dan Sarawak disebutkan, masalah mengenai pejabat Imigresen yang dipindahkan, masalah mengenai akhbar Singapura selalu memburuk-burukkan polisi kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini, kita tidak dapat mengelakkan. Sebagai negara yang maju seperti Malaysia, memang kita menghadapi banyak cabaran. Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya kerajaan kalau boleh melantik satu, dengan izin, the best public relation company in the world untuk membantu kita supaya imej Malaysia dapat ditingkatkan. Oleh kerana selepas Sukom waktu kita menjadi tuan rumah untuk Sukom, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah dua kali pergi ke Bukit Jalil menggunakan LRT – terpaksa! Dan saya berjumpa dengan beberapa orang pelatih daripada luar negeri di dalam LRT, mereka betul-betul merasa kagum dan memuji kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tetapi apa yang berlaku sekarang ini, dengan izin, mungkin because of very poor public relation, itulah sebabnya masalah-masalah yang kecil ini diperbesarkan. Saya rasa masalah mengenai Singapura ini boleh diperbetulkan dan boleh diperbaiki. Satu public relation firm boleh menasihatkan kerajaan mungkin dikhususkan untuk membantu Kementerian Luar Negeri supaya semua masalah yang sedang kita hadapi sekarang ini – masalah mengenai peranan media asing memburuk-burukkan keadaan kita sekarang, masalah laporan daripada negara-negara jiran yang memburukkan keadaan-keadaan yang ada sekarang ini, masalah dengan Presiden Filipina dan Presiden Indonesia, misal kata.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini cabaran kita sebagai negara yang membangun – yang akan maju, oleh kerana itu saya rasa Malaysia boleh memainkan peranan supaya masalah ini dapat diredakan. Saya tidak ingin mengaitkan masalah yang berlaku sekarang ini dengan pemecatan Yang Berhormat bekas Menteri Kewangan kita tetapi semua ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, can be improved if our public relation is good. Itulah harapan saya mengenai isu-isu seperti ini dan ingin saya beralih ke topik lain mengenai kemiskinan masyarakat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang daripada kawasan, dengan izin, semi urban iaitu Limbang Lawas di hujung negeri Sarawak dan kawasan ini boleh dikatakan mungkin 35 peratus orang tinggal di dua kawasan pekan sahaja– Lawas dan Limbang. Kebanyakan penduduk bumiputera tinggal di kawasan pedalaman, kawasan pesisiran. Saya berasa kagum oleh kerana rakan kita Presiden Backbencher tadi berucap dengan panjang lebar dengan topik Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan masalah yang kita hadapi dan harapan saya, saya tidak akan mengulangi masalah-masalah ini. Satu sahaja permintaan saya iaitu seperti yang dikatakan tadi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar harus ada

target yang spesifik. Spesifik bermakna dalam lima tahun kita ingin supaya semua rumah panjang dan kampung di seluruh negara Malaysia dibekalkan dengan air dan elektrik dan sebelum lima tahun itu, tiap-tiap tahun harus ada kajian – there must be an evaluation, dengan izin, as to the progress of the objective.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan ini – saya berterima kasih kepada kementerian. Timbalan Menteri ada di sini, kawasan Bukit Mas oleh kerana tiap-tiap pembentangan budget saya bangkitkan perkara seperti ini, saya tengok dalam pelaksanaan projek ada meningkat dari segi peruntukan. Misal kata, tahun lepas RM700 ribu diberi untuk jalan kampung, tahun ini RM1 juta – terima kasih tetapi yang saya maksudkan di sini dari segi prinsip dan polisi kita tidak dapat lari oleh kerana yang saya takut pada masa yang akan datang anak petani, ada pernah, Tuan Yang di-Pertua, sekarang menuntut di UNIMAS, Sabah. Segolongan kaum yang kecil namanya kaum Tagil di Sarawak mungkin 500 orang sahaja terdapat di kawasan saya, mungkin di Sabah banyak tetapi tidak dapat menerima scholarship. Inilah nasib orang yang kecil sekali misal kata, oleh kerana itu kerajaan tidak dapat lari daripada tanggungjawab untuk membantu kawasan luar bandar supaya dapat dibangunkan selaras dengan perkembangan yang dijalankan di kawasan bandar.

Misal kata Tuan Yang di-Pertua, saya selalu mengatakan bayangkan Tuan Yang di-Pertua berjalan mengikut Pan-Borneo dari Brunei ke Tedungan, dari Tedungan di kawasan saya ke Bandar Limbang. Terus terang saya mengatakan di sini bahawa di sebelah kiri dan kanan Pan-Borneo Highway itu kita boleh balingkan batu, tidak ada elektrik dan air. Maksud yang hendak saya katakan di sini iaitu kita boleh mengatakan okay, kawasan Bukit Mas kita memperuntukkan RM2 juta, RM2 juta itu untuk apa? Di manakah keutamaan yang kita berikan. Oleh kerana misalnya, kawasan ini kawasan yang penting dan berdekatan dengan negara jiran Brunei Darussalam. Mereka membuat perbandingan – inilah yang harus saya bangkitkan mengenai masalah di luar bandar.

Ini adalah antara yang saya petik dan lain-lainnya mungkin ada banyak keperluan dan kita faham mengenai kegawatan ekonomi. Maksudnya, ditegaskan di sini bilakah kampung-kampung dan rumah panjang di seluruh Malaysia dapat dibekalkan dengan elektrik, air dan kemudahan asas. Misalnya, saya pergi merasmikan S.R.K tiga buah kampung PIBG dalam minggu yang lalu, masanya hanya satu jam sepuluh minit sahaja dari Limbang. Tiada bekalan elektrik, bagaimana kalau dibayangkan murid-murid sekolah yang belajar di S.R.K tiga buah kampung yang tidak ada bekalan elektrik dan mereka tidak dapat belajar komputer. Jadi, ini hanya sedikit yang saya petikkan mengenai masyarakat luar bandar dan harapan saya Kementerian Luar Bandar kalau boleh saya mencadangkan, jika seorang timbalan menteri tidak cukup patut ditambah seorang lagi timbalan menteri. Biar ada dua orang timbalan menteri di dalam Kementerian Luar Bandar. Kementerian ini adalah kementerian yang penting sebagaimana rakan saya dari Parit Sulong telah katakan tadi.

Di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri yang lalu ketiga-tiga ADUN menang tanpa bertanding dan apakah yang hendak kita balas kepada rakyat di sana? Ini bermakna mereka menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Apa yang berlaku sekarang ini rusuhan, riot di Kuala Lumpur ini dan bagi kami di Bukit Mas, saya ingin terangkan sedikit di sini untuk makluman rakan di sebelah sana, seorang penghulu satu masyarakat sambil berdiri semasa kami mengadakan Majlis Dialog mengatakan kepada saya bahawa “Yang Berhormat bagi saya Malaysia itu Mahathir dan Mahathir itu Malaysia dan kami menyokong penuh terhadap Mahathir”. Rasanya begitu bangga kerana belum pernah saya mendengar seorang ketua masyarakat yang berucap “very soft but very ... dan bagi saya Mahathir itu Malaysia dan Malaysia itu Mahathir”. Ini bermakna apa yang berlaku di dalam Malaysia kerana Mahathir. Apa yang telah terjadi kepada Mahathir sekarang ini kerana Malaysia dan orang merasa cemburu dengan apa yang

berlaku di Malaysia ini. Oleh kerana itu saya berharap Kementerian Pembangunan Luar Bandar harus mempertingkatkan bukan sahaja kawasan saya di Bukit Mas tetapi banyak di kawasan lain .....

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sipitang bangun.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita ini berjiran dengan Bukit Mas.

Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa di kawasan-kawasan jalan masuk utama misalnya di kawasan sempadan, Yang Berhormat maksudkan iaitu kawasan masuk dari Brunei ke Sarawak. Perbezaan adalah begitu ketara yang mana di sebelah Brunei begitu maju dan apabila mereka masuk ke negeri Sarawak keadaannya begitu mundur. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya semua kawasan sempadan jalan masuk baik di Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam, Pengkalan Kubur, Golok, Rantau Panjang, Pontianak, Limbang, Tawau dan mana-mana jalan masuk daripada sempadan antarabangsa supaya kerajaan membuat satu perancangan kemajuan yang teratur kerana ini amat penting untuk memberi gambaran apabila sempadan ini berdekatan dengan negara jiran selalunya menjadi perbandingan. Mula-mula dilihat oleh orang asing baik daripada negeri itu ataupun pelancong yang melalui sempadan, mereka melihat gambaran negara kita begitu baik, mungkin berbunyi hipokrit ataupun melindungi perkara yang tidak cantik. Tetapi itulah hakikatnya bahawa gambaran pertama kepada negara mestilah ditonjolkan sedemikian rupa supaya ia baik.

Apakah Yang Berhormat setuju supaya kerajaan membuat satu rancangan bagi kawasan-kawasan sempadan ini dimajukan seperti di Bukit Kayu Hitam. Apabila kita masuk dari Thailand ke Malaysia gambaran begitu cantik dan menarik tetapi lain caranya kalau kita masuk dari Nonokan ke Tawau keadaannya berbeza. Terima kasih.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju 100% kerana saya rasa saya rakan saya bersempadan dengan Bukit Mas iaitu Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu mengatakan bahawa Datuk juga daripada Sabah dan petang ini saya akan balik ke Lawas pukul 11.30 malam. Saya akan melalui Pan-Borneo Highway. Saya rasa betul-betul sedih mengenai Sipitang ke Beaufort sudah berapa tahun. Ini Pan-Borneo Highway, belum lagi sempadan sebagaimana yang disebutkan tadi, dari Sipitang ke Beaufort pun susah – harapan saya kalau boleh saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, bukannya Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi Menteri sendiri datang ke Sabah dan jangan menggunakan helikopter. Dari Beaufort ke Sipitang menggunakan jalan raya. Jalan raya dari Sipitang ke Bukit Mas saya selalu ikuti kerana kalau mengikut jalan raya dari Miri ke Kuching kadang-kadang flight tersebut tidak 'ngam', jadi saya ikut Kota Kinabalu. Ini bahasa kitalah 'tidak ngam'. Cuba bayangkan harapan saya supaya Kementerian Kerja Raya ambil berat tentang ....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kubang Kerian bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya hendak tanya satu perkara. Ini bukan Sabah atau Sarawak. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan rakyat kawasan Yang Berhormat mengatakan "Mahathir itu Malaysia dan Malaysia itu Mahathir". Adakah Yang Berhormat bersetuju, yang pertama; dan yang kedua, adakah tanpa Dr. Mahathir – Malaysia ini akan menjadi satu negara yang pelik sebab "Malaysia itu Mahathir dan

Mahathir itu Malaysia.” Ini satu ungkapan yang beratlah – Parit Sulong menunggu tetapi tidak ada ‘chance’ hingga bila-bila. Jadi minta penjelasan sedikit perkara itu.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Minta maaf, saudara di sebelah sana. Saya bukan ahli politik tetapi saya boleh terangkan sedikit. Maksudnya penghulu yang mengatakan, “Bagi saya Mahathir itu Malaysia dan Malaysia itu Mahathir”. Selepas itu saya tanya kepada ketua masyarakat tersebut, “Mengapa kamu mengatakan Mahathir itu Malaysia dan Malaysia itu Mahathir.” Dia mengatakan, “Dahulu saya dengar Proton, sekarang saya dengar bangunan yang tinggi di dunia kerana Mahathir, Mahathir itu Malaysia, sekarang kalau orang tidak suka dengan Mahathir kita harus berdiri di belakang Mahathir”, itulah maksudnya. “Kita menyokong Mahathir” katanya, bermakna sokongan kawasan saya Bukit Mas terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita lebih daripada 100%, kalau ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya betul-betul ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya kalau boleh dan jangan suruh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dia orang dari Sabah – dia pun faham tentang apa yang saya bangkitkan di sini. Selain daripada itu Pan-Borneo Highway, dari sempadan Temburung sampai ke pekan Terusan, dengan izin, ‘three miles only’. Cuba pergi ke sana, saya bawa Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak sampai ke sempadan Temburung dari Pekan Terusan, belum diturap dan kalau kita jalan dari Brunei sampai ke Limbang, okay ianya diturapkan. Temburung juga diturapkan dan sampai ke Mengkalap dan Pekan Terusan cuma tidak banyak, mungkin hanya RM5 juta atau RM6 juta cukup. Apa lagi kalau kita hendak mengindahkan kawasan sempadan – jalan raya sendiri belum diturap.

Saya setuju dengan pandangan rakan saya dari Sipitang supaya semua kawasan di sempadan kalau boleh kita pergiatkan kemajuan. Misal kata di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, di Sidumin-Merapuk, sempadan Sabah dan Sarawak harus dimajukan. Adakan pos Imigresen, adakan pejabat polis. Setakat ini belum ada apa-apa. Maksud saya di sini dan harapan saya kalau ada perancangan kerajaan, kita boleh bantu untuk menerangkan kepada rakyat supaya rakyat di kawasan luar bandar mungkin tidak rasa neglected.

Di sini mengenai buruh asing, Tuan Yang di-Pertua. Sejak ekonomi Malaysia dalam tujuh tahun ke belakang ini meningkat maju, mungkin dalam tempoh kira-kira lapan tahun ke belakang ini, ramai buruh asing telah dibawa masuk khususnya daripada negara jiran. Salah satu faktor supaya buruh asing dapat bekerja di Malaysia ini oleh kerana rakyat Malaysia tidak berminat, tidak tahan ataupun tidak ada kemampuan diri untuk bekerja di mana-mana khususnya di construction sector. Tujuan saya bangkit perkara ini oleh kerana ini selalu dijelaskan di dalam Dewan ini dan baru-baru ini kita baca dalam surat khabar ada beberapa orang asing terlibat di dalam riot di Kuala Lumpur. Ini hanya satu perkara sahaja yang kita dapat tengok. Mungkin ada masalah yang lain dari segi sosial, budaya yang kita tidak dapat tengok.

Harapan dan permintaan kita, sekiranya kita memerlukan buruh asing seperti yang dikatakan 120,000 orang diperlukan di Malaysia, kita setuju, oleh kerana tanpa mereka kita tidak dapat memajukan kawasan-kawasan tertentu. Tetapi yang penting itu apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri untuk mengawal keadaan. Mengawal keadaan maksud saya di sini kalau membuat pendaftaran daftarlah 120,000 ini, jangan kita daftar separuh dan separuh lagi menjadi masalah. Baru-baru ini juga kita dengar di Putrajaya ada pergaduhan di antara orang Indonesia dengan Pakistan. Kita terima kasih kerana pihak polis bertindak cepat dan cergas. Kalau kita bayangkan apa yang terjadi dalam bulan ini, misal kata tiap-tiap minggu kita balik kawasan, satu berita yang orang sana mahu dengar, ada rusuhan di Kuala Lumpur. Itu sahaja berita yang mereka mahu dengar. Tetapi yang

sebetulnya ada berlaku. Tetapi kalau pihak polis tidak bertindak dengan cepat mungkin perkara ini akan memburukkan lagi keadaan sekarang ini.

Itulah sebabnya mengenai buruh asing ini kita harus kawalkan mulai daripada sekarang. Mungkin pada masa sekarang masalah yang kita hadapi mengenai buruh asing ini.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Bukit Mas, saya ingin bertanya soal mengenai buruh asing. Saya baru balik dari Sarawak pagi tadi. Saya naik teksi, dan saya ditanya oleh taxi driver itu boleh dikatakan cerdik jugalah bertanya saya soalan buruh asing, persoalan industri yang mana kita perlukan buruh-buruh kasar. Jadi, saya bercakap secara rambang dengannya, iaitu saya mengatakan kalau kita duduk di negara-negara sejuk macam di England, di Jepun dan sebagainya, banyak kita melihat orang yang kerja buruh asing ini mendapat pendapatan yang lumayan.

Saya dahulu pernah, semasa saya di universiti saya diberi peluang untuk buat kerja dalam library ataupun buat kerja dalam kebun universiti semasa bercuti. Jadi, saya pilih bekerja dalam library, gaji 90 peuce satu jam, yang mana kerja treaming dan pruning pokok apel di garden universiti itu mendapat 1 pound 50 peuce. Jadi, orang banyak minat pergi ke luar oleh kerana gaji lumayan. Jadi, kita di sini yang mana orang bekerja sebagai buruh kasar ini gajinya kecil, jadi kerani gajinya besar, oleh kerana kita pandang daripada kelulusannya. Jadi, untuk menaikkan minda dan kemahuan orang, memberi motivasi kepada orang yang terlibat dengan kerja buruh kasar dalam perladangan, dalam construction dan sebagainya, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau kita ubahkan minda bukan sahaja daripada kerajaan tetapi juga semua majikan yang tertentu supaya mereka yang terlibat dengan buruh kasar ini diberi dengan satu insentif sama ada daripada syer dalam syarikatkah ataupun diberi gaji yang lebih lumayan daripada kerani-kerani yang mana mereka duduk dalam air-condition room, dan yang kerja sebagai buruh kasar di luar itu ter'expose' kepada weather, kepada panas dan hujan umpamanya diberi gaji tinggi sedikit walaupun tahap kedudukan persekolahan mereka lebih rendah. Ini akan menarik. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya hendak bertanya Yang Berhormat sama ada bersetuju atau tidak. Negara kita belum lagi membangkitkan satu perasaan, kemahuan dan motivasi dengan memberi pendidikan yang secukupnya daripada lepasan sekolah, daripada yang drop out daripada SPM, SRP dahulu sampai ke peringkat SPM dilatih mendapat satu kemahiran yang khusus secara besar-besaran kepada anak-anak Malaysia untuk menggantikan tempat buruh asing ini di industri-industri, perladangan, pembangunan dan sebagainya yang mana kita perlukan orang ramai. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya serah kepada menteri yang berkenaan menjawab. Saya rasa saya pun setuju dengan pandangan yang diutarakan. Sebetulnya negara kita memerlukan satu pelan induk mengenai pembangunan manusia. Itulah sebabnya saya membangkitkan perkara buruh asing tadi memandangkan negara kita ingin memperluaskan kegiatan khususnya bagi negeri Sarawak di dalam estet perladangan kelapa sawit misal kata, kita memerlukan buruh asing. Tetapi yang penting iaitu kita harus adakan satu sistem. Saya difahamkan misal kata, apa yang ada sekarang ini adalah sedikit kelemahan. Selepas buruh itu kerja di sebuah syarikat dan selepas kontrak itu sudah habis tetapi tempoh permit buruh itu belum habis, buruh terpaksa cari kerja lain. Kalau pergi cari kerja yang lain dan bila habis tempoh permit itu tidak ada orang dapat mengesankan

bahawa buruh yang sudah datang ini dahulu sebagai legal, sekarang menjadi illegal. Ini yang banyak terjadi di dalam negara kita sekarang. Dan harapan saya, saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, kalau kita pergi khususnya ke Britain, pemandu teksi orang India. Mula-mula mungkin menjadi mungkin immigrant labourer di sana. Tetapi di negara kita adakah kerajaan mengambil pandangan seperti begini atau tidak. Itulah sebabnya di negeri Sabah banyak masalah dihadapi mengenai buruh asing.

Katakanlah kekurangan tenaga buruh memang benar-benar dialami oleh Malaysia ketika ini, tetapi yang saya ingin menimbulkan iaitu kesan negatif terhadap kestabilan sosial dan budaya masyarakat kita. Kesan negatif dari segi penglibatan mereka dalam politik, kesan negatif daripada penglibatan mereka dengan pekerjaan yang tidak diinginkan oleh kerana mereka selepas legal become illegal, dengan izin.

Oleh kerana itu, dalam fikiran saya justeru ini harus ditangani dengan segera dan serius walaupun kita ingin memajukan ekonomi negara kita, kita mahu supaya kestabilan sosial budaya masyarakat yang ada di negara ini dapat dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan satu isu iaitu mengenai bumiputera kelas menengah. Kita berterima kasih kepada kerajaan oleh kerana ada beberapa langkah positif dalam masa-masa yang lalu untuk membantu bumiputera kelas menengah dan kerajaan juga dalam Wawasan 2020 ingin supaya satu masyarakat bumiputera perdagangan dan perindustrian dapat dicipta di negara kita di Malaysia ini. Maksud saya ingin bangkitkan perkara ini di dalam kegawatan ekonomi ini, saya rasa banyak bumiputera khususnya kelas menengah dan juga syarikat-syarikat bumiputera yang kecil mungkin menghadapi banyak masalah.

Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi peruntukan RM150 juta untuk Kementerian Pembangunan Usahawan. Yang saya ingin bertanya di sini, sejak kegawatan ekonomi dari bulan Julai 1997 hingga sekarang, adakah satu kajian dibuat oleh kerajaan untuk meninjau beberapa syarikat bumiputera yang menghadapi masalah dan apakah langkah-langkah yang dapat membantu mereka untuk menjalankan business ataupun perniagaan mereka supaya tujuan dan matlamat kerajaan untuk membantu golongan bumiputera meningkat dari segi pegangan peratusan dalam ekonomi negara kita dapat dipertahankan.

Mungkin di dalam keadaan ekonomi yang kita alami sekarang ini, pasaran saham pun turun, saya rasa banyak bumiputera yang menghadapi masalah dan oleh kerana itu kalau tidak ada kajian yang telah dibuat, saya sarankan supaya kerajaan membuat satu kajian supaya apa yang diperuntukkan untuk membantu golongan bumiputera dapat betul-betul membantu untuk memenuhi matlamat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan-pertanyaan spesifik iaitu khusus untuk kawasan saya, sekali lagi saya berterima kasih kepada Kementerian Pengangkutan oleh kerana sekarang ini saya difahamkan Lapangan Terbang Limbang yang baru akan dibina, saya berterima kasih dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datuk Menteri Pertanian kerana melawat kawasan saya di Limbang, selepas Menteri melawat mungkin baru kementerian menyokong.

Saya difahamkan peruntukan telah pun diagihkan dan harapan saya kalau boleh percepatkan permohonan Lapangan Terbang Limbang yang baru ini dan saya juga berharap kerana Yang Berhormat Datuk Menteri Pertanian ada di sini, tolong bisikkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kerana di Limbang, saya pergi ke Kementerian Pengangkutan dua minggu yang lalu, seorang pegawai tinggi mengatakan terpaksa pakai kenderaan dari Miri ke Limbang, oleh kerana pesawat dari Miri maka Twin Otter itu susah. Saya berterima kasih kerana mereka melawat dan baru mereka sedar, oh, terus kita akan binakan.

Mengenai pendidikan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, saya pernah mencadangkan kepada rakan saya Pengerusi MARA supaya di kawasan Bukit Mas akan dibina satu IKM. Institut Kemahiran MARA (IKM) pun bagus, oleh kerana di Sarawak kawasannya besar dari Kuching ke Limbang pulang balik cuba bayangkan tambang dekat-dekat RM1,000 bermakna mobiliti penduduk sukar.

Saya berharap dengan adanya Institut Kemahiran MARA ditubuhkan di kawasan Limbang, Bukit Mas dapat membantu penduduk-penduduk ataupun khususnya masyarakat bumiputera daripada sebelah rakan saya di Sipitang ataupun Beaufort dan dari segi keperluan mengenai tanah dan yang lain-lain itu, saya rasa Kerajaan Negeri Sarawak adalah sebuah kerajaan yang prihatin, kita dapat bincang perkara ini tetapi yang penting adalah dari MARA sendiri, dari Menteri sendiri, kalau boleh tolong untuk kawasan kita di Bukit Mas.

Mengenai permohonan hospital baru di Lawas, kita faham dan sedar bahawa keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini, tetapi yang saya ingin tanya di sini iaitu bilakah hospital di Lawas ini akan dibina, saya difahamkan hospital ini diluluskan termasuk beberapa buah hospital yang lain seperti Sri Aman, Marudi, Kapit dan saya ingin bertanya setakat ini apakah perkembangan mengenai pembinaan hospital di Lawas.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, secara spesifik, saya ingin bertanya kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar yang saya sebutkan tadi, betul-betul perkara ini berlaku iaitu di kawasan Tedungan sekarang ini masih belum ada bekalan air dan api elektrik, saya membuat satu kajian, iaitu lebih 5,000 orang dan 35 buah kampung dan memerlukan hanya RM8 juta daripada kementerian, harapan saya kalau boleh tolong bantu mereka kerana kalau kita berjalan dari Brunei sampai ke Limbang mengikut Pan-Borneo Highway, dengan izin, it is an international road, tetapi sebelah kiri dan kanan mereka belum menerima bekalan api dan bekalan air, bukan banyak hanya RM8 juta. Harapan saya kalau boleh kementerian ataupun Menteri Pembangunan Luar Bandar betul-betul dapat membantu di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih sekali lagi dan harapan saya segala persoalan yang diajukan tentang budget iaitu khusus daripada Kementerian Kewangan mengenai ringgit yang ditetapkan tiga ringgit lapan puluh sen mengenai liquidity in the banking sector sekarang, external factor study, saya harap dapat dijawabkan dengan jelas supaya kita juga dapat membantu kerajaan untuk menjelaskan rancangan dan program yang ada sekarang ini. Sekian, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bandau.

**4.28 ptg.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang bagi kita untuk menyampaikan komen dan buah fikiran dan ucapan ke atas Belanjawan 1999 negara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 merupakan satu usaha kerajaan menangani krisis ekonomi negara dan bertujuan memulihkan ekonomi yang telah merosot akibat kejatuhan nilai pertukaran wang negara dan kehilangan keyakinan para pelabur di sektor pasaran modal. Pada dasarnya langkah-langkah yang telah diambil dalam Belanjawan 1999 adalah wajar memandangkan bahawa pilihan strategi atau option, dengan izin, yang ada untuk memulihkan keadaan adalah terhad.

Adalah diperhatikan bahawa pendekatan yang telah diambil oleh kerajaan ialah bertujuan memulihkan pertumbuhan sektor eksport dan perkhidmatan yang telah terjejas dan pada masa yang sama mengurangkan beban yang dihadapi oleh rakyat akibat kemelesetan ekonomi negara. Sektor-sektor yang telah diberi perhatian ialah pelancongan,

pembuatan yang berorientasikan eksport, industri pengeluaran bahan makanan untuk mengganti tanggungan import, kesenian dan sukan dan pembinaan khususnya infrastruktur asas.

Peruntukan bagi sektor sosial juga telah diteruskan, walaupun beberapa bidang di bawah sektor ini seharusnya diberi peruntukan tambahan khususnya program pembasmian kemiskinan luar bandar di mana status ekonomi rakyat terus merosot akibat kenaikan harga barangan asas dan penurunan pasaran tempatan bagi hasil-hasil pertanian.

Peruntukan bagi pembangunan luar bandar telah dinaikkan daripada RM962 juta kepada RM1.124 bilion untuk membiayai program pembasmian kemiskinan, bekalan elektrik, air, jalan raya dan jambatan di luar bandar. Namun peruntukan yang ditentukan bagi Sabah dan Sarawak tidak meningkat dengan ketara.

Adalah diperhatikan bahawa Belanjawan 1999 yang berjumlah RM65.1 bilion adalah kira-kira 9% kurang daripada Belanjawan 1998. Kerajaan dijangka menghadapi defisit berjumlah RM16.6 bilion yang mana akan terpaksa diperolehi melalui pinjaman di luar dan dalam negeri. Ini akan pasti memberi beban kepada negara khususnya dari segi pinjaman luar negeri memandangkan kadar pinjaman yang tinggi akibat penurunan nilai pertukaran wang negara berbanding dengan wang asing. Walaupun nilai pertukaran Rnggit negara kita telah ditetapkan pada kadar RM3.8 kepada sedolar wang Amerika Syarikat. Perkara ini pasti akan memberi beban kepada sumber kewangan negara khususnya mengakibatkan persaingan penggunaan kewangan untuk membiayai program-program sosial yang penting untuk menjamin kesejahteraan rakyat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat beberapa kekuatan dalam Belanjawan 1999 yang perlu diakui. Jumlah peruntukan keseluruhan dalam Belanjawan adalah tinggi, walaupun dalam keadaan ekonomi yang merosot, iaitu dijangka dalam kadar pertumbuhan negatif 4.8 kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar bagi tahun ini, walaupun jumlah keseluruhan Belanjawan adalah 9% menurun daripada jumlah Belanjawan 1998.

Sektor sosial tidak diabaikan, bahkan terus diberi perhatian serius dengan peruntukan yang lebih tinggi bagi sektor pendidikan bagi sektor kesihatan dan bagi pembangunan luar bandar yang ditekankan tadi yang dinaikkan daripada RM 962 bilion ke RM1.24 bilion. Usaha telah dilakukan untuk mencari sumber pendapatan baru tanpa mengorbankan golongan berpendapatan rendah, khasnya melalui kenaikan duty import, duty excise ke atas rokok dan semua jenis minuman keras, cukai perjudian dan duty keuntungan kasino. Levi keuntungan luar biasa ke atas minyak kelapa sawit adalah berasas dan wajib memandangkan sektor ini telah menghadapi keuntungan yang luar biasa. Walaupun cara pengutipan levi ini tidak dijelaskan dan antara persoalan ialah adakah golongan pekebun kecil terus terlibat atau sekadar pihak pengilang minyak kelapa sawit sahaja yang dikenakan levi tersebut? Juga cara pengutipannya tidak dijelaskan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Keempat, memberi insentif kepada pihak pelabur kedua-dua bahan makanan tempatan melalui food relieve serta insentif-insentif lain bagi syarikat perdagangan. Ini adalah langkah-langkah kreatif yang telah dicadangkan.

Kelima, memberi pelepasan cukai kepada pembayar cukai bagi tahun 1999 dan juga pelepasan cukai keuntungan dan duti setem bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam penggabungan institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan-kelemahan Belanjawan 1999 adalah banyak dan saya sekadar menekankan beberapa perkara sahaja seperti berikut:

Pihak kerajaan memberi gambaran keyakinan yang tinggi bahawa ekonomi negara akan pulih dari segi pertumbuhannya dan dijangka mencatat kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 1% pada tahun 1999. Jika difikirkan bahawa tanggal ketiga, third quarter mencatat kemerosotan ataupun contraction, dengan izin, dalam kadar 6.8% maka kenaikan 1% pada tahun 1999 ini mencerminkan peningkatan 7.8% iaitu cukup besar dan saya berpendapat, dengan izin, begitu over confident sekali. Ini cukup jelas kerana pada masa yang sama pihak Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengakui bahawa ekonomi Eropah, Amerika Syarikat, Asia Pasifik khususnya, Jepun dan China kemungkinan akan terus merosot ataupun dalam keadaan tidak menentu dan akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Yang kedua, ialah pihak kerajaan gagal menjelaskan dasarnya mengenai kawalan tukaran asing dari segi jangka panjang. Soalan-soalan mengenai langkah-langkah ini, iaitu langkah yang telah diambil mengenai kawalan tukaran asing masih belum diulaskan ataupun dijelaskan. Adalah diperhatikan bahawa Belanjawan 1999 tidak memberi ruang yang mencukupi untuk menjelaskan lebih lanjut masalah yang timbul susulan pelaksanaan kawalan tukaran asing. Pihak kerajaan telah menekankan bahawa tindakan tersebut adalah diperlukan demi melindungi wang negara kita dari serangan pihak spekulator di peringkat antarabangsa.

Dari segi melindungi ekonomi negara dari serangan spekulator dan daripada gangguan atau shock, dengan izin, timbul dari turun naik kadar nilai wang negara, langkah yang diambil telah berhasil mencapai matlamatnya. Soal pokok ialah adakah kawalan tukaran asing akan berjaya memulih keadaan ekonomi negara? Soalan ini tidak mudah dijawab kerana pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara dalam konteks masalah yang dihadapi sekarang tidak bersandar sekadar kepada kawalan tukaran wang asing. Yang lebih penting ialah dasar makro dan mikro ekonomi negara khususnya tindakan kerajaan dari segi memulihkan keyakinan di sektor pasaran modal.

Reformasi di sektor perbankan, menjamin ketelusan transparensi dari segi tindakan-tindakan yang dibuat termasuk membekal maklum ekonomi kepada awam dan kemahiran melabur modal negara dalam sektor ekonomi yang cepat pulih dan bertumbuh. Di dalam perkara ini usaha yang telah dilakukan belum mencukupi tahap yang diharapkan, khususnya ketelusan dari segi tindakan kerajaan, menyelamatkan syarikat-syarikat gergasi yang ada kaitan dengan kerajaan secara politik. Soalan ialah siapa yang harus ditolong dan siapakah yang harus dibantu dan apakah kriteria bagi syarikat-syarikat yang perlu dibantu? Seperti umum mengatakan jika syarikat yang mempunyai paid-up capital, modal berbayar berjumlah RM1 bilion ditolong, mengapa syarikat bumiputera yang modal berbayar RM100 ribu, tidak boleh ditolong kerana kedua-duanya memberi sumbangan juga 20% kepada kutipan hasil negara. Soal-soal seperti ini cukup pokok sekali dan perlu dijawab demi untuk menekankan ketelusan dan dengan itu sekali gus membantu meningkatkan keyakinan para pelabur dalam sektor ekonomi negara khususnya dalam pasaran modal.

Dalam usaha memulihkan masalah perbankan khususnya masalah hutang tidak berbayar atau non-performing loan (NPL), kerajaan telah menubuhkan Danaharta dan Danamodal yang mana dijangka akan menelan belanja kira-kira RM40 bilion dari kedua-dua dana iaitu RM20 bilion dari setiap jenis dana, Danaharta dan Danamodal. Masalah NPL yang tinggi serta kekurangan modal dan liquidity di kalangan bank-bank telah memaksa kerajaan melakukan suntikan modal dalam institusi kewangan melalui Danaharta dan Danamodal. Soalan sekali lagi ialah siapakah institusi-institusi kewangan yang akan dibantu nanti? Saya difahamkan, misalnya Sabah Development Bank telahpun menghubungi pihak Kerajaan Pusat dalam perkara ini tetapi belum mendapat apa-apa laporan jelas. Jadi soalan kita siapa yang akan dibantu dalam perkara ini dan apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan bagi institusi kewangan mendapat access, dengan izin

fasilitas yang telah disediakan oleh kerajaan mahupun melalui Danaharta ataupun Danamodal?

Masalah NPL telah timbul daripada kelemahan sistem perbankan di mana pinjaman telah diberi kepada pegawai peminjam yang menggunakan harta atau saham sebagai cagaran dengan nilainya melebihi nilai sebenar, overvalued after costs, dengan izin. Apabila pasaran modal merosot, para peminjam terpaksa membayar cagaran tambahan yang mana mereka tidak dapat tunaikan dan melibatkan harta atau saham yang dicagar, dijual oleh pihak bank dan hutang terus dituntut dari pihak peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperlukan oleh negara Malaysia pada saat ini ialah aliran atau kemasukan modal asing dalam sektor kewangan melalui pelaburan mahupun dalam sektor pasaran modal atau pelaburan terus dalam sektor perindustrian dan sektor-sektor ekonomi yang lain. Ini bukan sahaja akan membantu memulihkan nilai pertukaran wang negara ke tahap yang competitive, dengan izin, berbanding dengan nilai wang asing tetapi juga akan membantu memulihkan pertumbuhan ekonomi keseluruhan di samping menambahkan keyakinan di kalangan para pelabur tempatan.

Dalam perkara ini, persoalan-persoalan yang dihadapi oleh para pelabur asing mengenai rintangan yang dihadapi untuk mengeluarkan atau memasukkan modal ke negara ini adalah perlu diberi perhatian. Keraguan mereka mengenai, dengan izin, mobility of fund dalam negeri atau pengaliran pelaburan dalam negeri ke luar negeri, perlu diatasi kerana jika perkara ini tidak dapat diatasi, para pelabur akan menjelajah kepada negara lain yang lebih competitive dan tidak mempunyai apa-apa kawalan tukaran asing atau di mana aliran modal tidak disekat.

Tuan Yang di Pertua, di sektor sosial pihak kita mengalu-alukan kenaikan peruntukan yang diberi bagi tujuan pembangunan desa yang berjumlah RM1.124 bilion termasuk RM138 juta bagi negeri Sabah. Ini adalah amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi yang merosot yang terus mengakibatkan kejatuhan status ekonomi masyarakat desa. Dengan wujudnya kenaikan harga barangan asas, kekurangan pasaran hasil pertanian tempatan, kekurangan pekerjaan dan dengan itu penurunan kuasa membeli di kalangan rakyat. Akibatnya ialah lebih banyak yang berada di dalam golongan yang termiskin sekarang di bandingkan dengan angka dengan rakyat termiskin yang ada pada kira-kira 18 bulan yang lalu.

Di peringkat negeri Sabah keadaan kemiskinan di kalangan masyarakat desa terus bertambah buruk, walaupun pihak Barisan Nasional negeri telah berjanji mensifarkan kemiskinan iaitu mencapai kadar kosong menjelang tahun 2000. Ini telah terbukti sekadar janji "terang bulan" iaitu janji pilihan raya sahaja yang sedang dibuat tetapi tidak mungkin ditunaikan. Masalah Program Pembangunan Desa di Sabah ialah masalah pelaksanaan di peringkat negeri dan khasnya di peringkat daerah. Pengagihan peruntukan yang dipengaruhi oleh sentimen politik khasnya parti UMNO yang menyelaraskan projek pembangunan persekutuan di setiap kawasan Parlimen negeri. Dengan peranan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah iaitu JPPS yang berlapis dengan peranan pejabat pegawai daerah dari segi mengawal selia projek-projek pembangunan persekutuan maka banyak penyelewengan yang timbul dari segi pembahagian projek di mana kawasan cawangan parti kerajaan sahaja yang diperhatikan. Pelaksanaan projek di mana banyak projek tidak disempurnakan mengikut general work order. Saya pernah melapor kepada pihak agencies yang tertentu dengan bukti-bukti mengenai perkara ini termasuklah kepada Badan Pencegah Rasuah. Pengagihan bantuan rakyat termiskin dan bantuan-bantuan bencana alam yang memihak kepada penyokong-penyokong parti kerajaan.

Kemungkinan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar masih ingat pengagihan bantuan beras kepada mangsa bencana alam El Nino yang dilakukan sendiri oleh beliau pada tahun Mei lalu di daerah Kota Marudu dalam kawasan Parlimen Bandau.

Adalah dikenal pasti bahawa sebahagian mereka yang menerima bantuan ialah guru-guru, wakil ketua anak negeri, ketua kampung, atau anak-anak mereka, dan bukan pula mereka yang betul-betul mangsa kemarau, seperti masyarakat di kawasan bukit. Ada beberapa penerima bantuan juga telah disenaraikan bagi penduduk-penduduk kampung di kawasan bukit seperti kampung Minsusurud tetapi sebenarnya mereka yang disenaraikan adalah penduduk kampung lain yang tinggal di kawasan Pekan Kota Marudu. Senarai yang disebut mangsa kemarau itu dibuat oleh pemimpin-pemimpin parti Barisan Nasional dan saya sebut di sini UMNO tanpa pengetahuan pejabat Pegawai Daerah Kota Marudu. Ini adalah betul berasas dan saya ipercaya diketahui sebenarnya oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kes-kes seperti ini yang kemungkinan dipandang kecil oleh pihak kerajaan tetapi adalah amat serius kerana ia menjejaskan imej kerajaan dari segi jaminan yang seringkali diberi di Dewan yang mulia ini bahawa Program Pembangunan Desa khasnya Program Pembasmian Kemiskinan yang dilaksanakan adalah secara adil, tulus dan saksama.

Saya memohon kepada kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengambil sikap prihatin kepada perkara ini, saya percaya kes ini bukan isolated, dengan izin, tetapi terjadi di tempat lain di Sabah bahkan kemungkinan di negeri lain. Saya ragu dengan adanya ancaman La-Nina di Sabah pada tahun ini maka wujud lagi Pelaksanaan Program Bantuan Bencana Alam atau PPRT yang pelaksanaannya tidak adil dan bersifat bukan pula membantu rakyat tetapi menindas kerana tingkah-laku pemimpin-pemimpin politik kerajaan di peringkat kawasan yang tidak bertanggungjawab.

Saya melihat di sini dua menteri dari Sabah, saya percaya mereka cukup prihatin kepada perkara ini kerana walaupun tujuannya barangkali baik di peringkat tinggi, tetapi di peringkat kawasan, a lot is one thing, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes seperti ini saya katakan tadi harus tidak wujud di negara kita, yang dikatakan serius dalam mengamalkan prinsip masyarakat madani. Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengalukan-alukan peruntukan sejumlah RM320 juta untuk menampung seramai 26,000 pelajar yang memerlukan bantuan pembiayaan pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan melalui Tabung Pendidikan Nasional. Langkah ini adalah dialu-alukan. Harapan kita adalah tumpuan yang diberi kepada pelajar-pelajar luar bandar yang betul-betul memerlukan bantuan.

Kita berharap pelajar-pelajar luar bandar dari Sabah dan Sarawak khasnya akan diberi quota yang wajar. Kerana banyak pelajar yang telah masuk ke Institut Pengajian Tinggi termasuk awam dan swasta tetapi tidak sanggup membayar yuran dan dengan itu berhutang dengan institut tersebut atau dengan orang lain, ataupun selepas satu semester balik kampung. Saya sendiri mempunyai senarai enam pelajar yang berada dalam situasi seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga merayu kepada pihak pengurusan tabung pendidikan nasional supaya mempercepatkan pemerosesan permohonan-permohonan yang dikemukakan kepadanya kerana banyak kes di mana pelajar-pelajar yang berhutang pada institut pendidikan terpaksa berhenti, seperti yang saya katakan tadi kerana kekurangan belanja atau ditekan oleh pihak institut tersebut supaya meninggalkan tempat pengajian itu kerana tidak dapat membayar yuran tertentu.

Pihak kita juga memperhatikan bahawa borang-borang permohonan bagi tabung pendidikan negara ini sukar sekali diperolehi dan memandangkan pengerusinya ada di sini saya berharap berilah perhatian. Saya sendiri pernah menghubungi Jabatan Pendidikan Sabah untuk tujuan mendapatkan borang bagi pelajar-pelajar yang layak memohon dari kawasan saya pada dua bulan yang lalu tetapi dimaklumkan bahawa tidak ada borang dengan pihak jabatan di peringkat negeri. Bahawa borang-borang hanya boleh diperolehi di pejabat Tabung Pendidikan Negara (TPN) di Kuala Lumpur. Pihak TPN harus memberi

maklumat secara rasmi tempat-tempat di mana borang permohonan boleh diperolehi dan harus boleh didapati di pejabat-pejabat pendidikan di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1999 sejumlah RM440 juta telah disediakan untuk bantuan buku teks dan bantuan makanan tambahan kepada pelajar-pelajar kurang mampu di seluruh negara di mana seramai lebih kurang 4 juta pelajar layak menerima bantuan ini. Saya merayu sekali lagi supaya satu sistem pengagihan peruntukan ini dikaji semula mengikut priority yang tepat di mana kawasan yang mundur diberi keutamaan.

Di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak dan beberapa negeri di semenanjung ini masih terlalu banyak sekolah yang memerlukan bantuan buku teks dan bekalan makanan di sekolah desa. Di kawasan bandar khasnya sekolah S.K. Malak Parak, S.K. Semareta masih menghadapi kekurangan makanan bagi pelajar-pelajar asrama dan jumlah pelajar asrama terpaksa dihadkan. Di S.K. Triban berdekatan dengan kawasan Parlimen Kinabalu pula tidak mempunyai asrama. Maka banyak pelajar tidak dapat menghadiri kelas harian kerana keadaan penduduk kampung yang bertaburan bahkan sekolah ini tidak mempunyai rumah guru yang lengkap dan betul dan guru-guru terpaksa tinggal di perumahan orang kampung. Saya memohon perhatian diberi dalam masalah ini kerana saya telah sentuh dua tahun yang lalu dalam ucapan belanjawan pada tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sekolah di S.K. Magandai, Tandek telah banyak saya sentuh barangkali pegawai-pegawai di sini sudah bosan mendengar ucapan saya tetapi saya mahu sentuh sekali lagi di Dewan yang mulia ini secara pendek sahaja. Saya berharap perhatian sedang diambil ke atas masalah kekurangan bangunan sekolah-sekolah di S. K. Magandai itu dalam kawasan Tandek, baru sahaja dua bulan lalu diambil alih oleh Jabatan Pendidikan. Saya katakan bahawa masalah kekurangan bangunan di sekolah, rumah guru, asrama serta keperluan-keperluan asas dan saya berharap keperluan ini akan dimasukkan dalam pelaksanaan projek bagi peruntukan dalam tahun belanjawan kali ini tahun 1999.

Awal tadi Yang Berhormat dari Parit Sulong menyatakan 20-30 tahun lalu kanak-kanak pelajar pergi ke sekolah dan kasut dimasukkan ke dalam bakul. Saya katakan di sini selama 35 tahun sudah merdeka dalam Malaysia pun di S.K. Magandai, budak pergi sekolah tanpa selipar, tanpa sepatu, tanpa kasut, tidak ada plastik untuk dimasukkan kasut mereka kalau hujan. Uniform pun tidak ada, apa lagi soal buku teks. Jadi saya sekali lagi menekankan di sini bahawa peruntukan permulaan sebanyak 200,000 mencukupi untuk keperluan membina bangunan yang saya sentuh tadi sebagai permulaan.

Sebagai wakil rakyat kawasan tersebut amat sukar bagi saya menjawab soalan masyarakat Sonsogon yang berjumlah kira-kira 5,000 orang sahaja di dalam kawasan Tandek. Kenapa setelah merdeka 35 tahun dalam Malaysia masih belum ada sekolah bagi anak-anak mereka. Walhal penduduk desa seperti saya dan ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berpeluang ke universiti sampai mendapat ijazah. Saya juga belum sanggup menyatakan bahawa pihak kerajaan tidak mempedulikan mereka ataupun menindas mereka kerana saya masih yakin Kementerian Pendidikan adalah prihatin dan berniat baik untuk membina sebuah sekolah yang lengkap bagi kanak-kanak Sonsogon. Saya cukup yakin tindakan yang wajar akan diambil dan atas usaha itu saya dahului ucapan terima kasih kepada kementerian.

Dalam ucapan Belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan beliau telah menekankan bahawa negara Malaysia adalah negara demokratik dan mengamalkan pemerintahan mengikut undang-undang. Jelas beliau, jika kita berpendapat pemimpin negara perlu ditukar kita boleh melakukannya melalui pilihan raya. Saya menyatakan syabas kepada beliau atas perkara ini. Maka dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam proses pilihan raya negara satu aspek penting ialah daftar pemilih. Walaupun kita mengamalkan konsep demokrasi, proses pilihan raya tidak

demokratik jika daftar pengundi adalah tercemar dan tidak memberi pelaksanaan pilihan raya yang bebas dan adil. Dalam perkara ini parti kami, Parti Bersatu Sabah tidak berhenti untuk membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini bahkan saya percaya tidak ada parti di negeri Sabah yang dalam lima tahun ini berjuang sungguh-sungguh untuk membantu SPR membersihkan daftar pemilih negeri Sabah. Kami telah mendapat kunjungan kehormat dua kali dengan lembaga SPR dan memberi dua memorandum kepada SPR dengan cadangan-cadangan yang lengkap untuk mengutarakan apa masalah-masalah yang dihadapi dan apa yang harus dilakukan oleh SPR dalam perkara ini, namun demikian keadaan masih lagi tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, pada saat ini daftar pemilih yang terkini khusus bagi negeri Sabah telah pun siap untuk dibantah dan sedang dibuka untuk didengar oleh pihak SPR dan sekali lagi pihak Parti Bersatu Sabah telah membuat bantahan jumlah bagi senarai A 18,000 dan bagi senarai orang-orang yang telah mati tetapi masih di sana, tahun demi tahun kami telah membantah ini masih juga ada di sana. Keseluruhan negeri dalam perkiraan sekarang pun 2,500. Dalam senarai B, pengundi baru ataupun pengundi yang pindah, pihak kami telah mengenal pasti 2,500 jumlah pengundi yang perlu dibantah ataupun yang perlu di bawa kepada hearing, pendengaran SPR kerana kami melihat bahawa tindakan-tindakan tidak bertanggungjawab telah dilakukan oleh mereka yang terlibat di dalam perkara ini.

Misalnya di kawasan Tandek, kawasan saya sendiri, satu daripada kawasan Dewan Undangan Negeri dalam kawasan Bandau, Tuan Yang di-Pertua, pihak saya telah membantah 102 orang yang mana satu, diragui, tetapi kebanyakan mereka dipindah tanpa pengetahuan mereka. Misalnya 42 orang dipindah ke Kampung Damai, Tandek, daripada kawasan Kudat tanpa pengetahuan mereka yang dipindahkan ini. Di masa yang sama juga di kawasan Kudat kira-kira 400 orang dipindah tanpa pengetahuan mereka. Mereka ini dimasukkan dalam senarai C ataupun yang harus dibatalkan tanpa pengetahuan mereka.

Pada tahun yang lalu, 1997 dalam kawasan yang sama, kawasan Kudat, 500 orang juga dipindah tanpa pengetahuan para pengundi. Tiga laporan polis telah dilaporkan, sampai sekarang belum ada apa-apa tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sangat penting sekali di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan dalam ucapannya mahu tukar kerajaan gunakan pilihan raya. Betul, saya rasa itu yang sangat padat dan tepat sekali tetapi pada masa yang sama kerajaan hendak memastikan supaya pilihan raya ini bukan sahaja bersih, tetapi adil dan demokratik. Dan kalau kita mempunyai daftar pemilih yang tidak adil, yang kotor, yang tidak bersih, saya percaya maka hak-hak demokrasi rakyat negara kita akan terjejas. Saya merayu kepada pihak SPR kerana pihak kami telah membuat rayuan bukan kerana kepentingan kami sendiri tetapi kepentingan negara dan membantu SPR kerana SPR menyatakan, they are public friendly, mereka memerlukan pihak awam untuk membantu tetapi apabila kita bantu dan bila kita beri cadangan-cadangan, sampai sekarang pun belum ada tindakan-tindakan yang khusus susulan dari apa yang kami bawa.

Pendaftaran pemilih masih berada di tahap yang mengecewakan dan rakyat semakin hilang kepercayaan terhadap ketulusan dan keadilan dalam proses pendaftaran. Saya akan terangkan. Kakitangan SPR yang dijadualkan mendaftar di pusat-pusat pendaftaran, misalnya Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali di kampung-kampung yang terpencil tidak datang dan jika datang sekalipun tidak mematuhi jadual. Mereka datang beberapa jam sahaja sambil memberi alasan borang pendaftaran Borang A tidak mencukupi. Biasanya mereka akan membawa di antara 20-30 borang sahaja. Kakitangan SPR yang ditugaskan menjalankan kerja-kerja pendaftaran tidak dikawal selia oleh para pegawai kanan. Sering kali didapati pejabat parti-parti pemerintah boleh memperolehi borang-borang yang banyak untuk memindahkan tanpa undi, tanpa pengetahuan mereka yang dipindahkan.

Kini kita pada awal tahun ini dihadapkan satu situasi di mana parti-parti politik di Sabah dibenarkan untuk mendaftar pemohon-pemohon baru pada kadar 150 borang setiap parti. Kalau sebelum ini setiap parti atau individu tidak berhak memperoleh borang kecuali kakitangan yang diwartakan masih banyak penipuan yang berlaku apatah lagi kalaulah parti-parti politik dibenarkan untuk mendaftarkan dan kita berpendapat ini seolah-olah satu lesen untuk membuat penipuan.

Pegawai pendaftaran SPR enggan mengambil masa yang cukup untuk menyiasat setiap permohonan itu. SPR hanya berniat untuk mendaftar sebanyak mana pemilih tanpa mengambil kira kelayakan mereka. Keselamatan negara hak warganegara dan semangat demokrasi yang sebenar. Apabila ditegur dalam perkara ini SPR hanya menyatakan ini bukan tanggungjawab mereka. Mereka punya tanggungjawab mendaftar sahaja. Betul atau tidak, itu soal pejabat pendaftaran. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dia rasa loophole di mana we throwing the bucket to each other, dengan izin, ini tidak membantu kita untuk mengemaskinikan, untuk mengemukakan, mengeluarkan satu daftar pemilih yang bersih yang keyakinan rakyat kepadanya dan kepada SPR dan kepada demokrasi negara kita tidak tersoal-soal lagi.

SPR lupa bahawa setiap pembantah, ini satu lagi Tuan Yang di-Pertua, SPR masih tetap dengan sikap negatif terhadap para pembantah mereka menyatakan they are public friendly, we are your friend, dengan izin, tetapi para pembantah dianggap sebagai pembangkang dan bukan rakan untuk bekerjasama dalam memastikan undang-undang negara yang dipatuhi. Kami telah membawa perkara ini kepada Pengerusi SPR dan memang beliau menyatakan beliau prihatin akan perkara ini dan kami telah mengemukakan nama pegawai-pegawai yang terlibat yang menyatakan misalnya SPR tidak akan mengambil berat bantahan-bantahan yang dikemukakan kerana ini dibuat oleh PBS. Jadi apa punya pegawai kerajaan yang bercakap seperti ini, pegawai SPR sepatutnya bebas dari segi perjalanan tugas. SPR juga lupa bahawa setiap pembantah adalah individu yang berhak membuat bantahan sebagai warganegara Malaysia dan bukan mewakili mana-mana parti. Para pembantah membuat bantahan dengan diiringi oleh structure declaration yang membolehkan diri mereka didakwa sekiranya membuat bantahan yang tidak munasabah.

Jika SPR terus dengan sikapnya memandang secara negatif terhadap para pembantah, siapa lagi bagi yang akan mengawasi masalah yang dihadapi seperti yang saya tekankan tadi. Kami bercadang dalam kes negeri Sabah setiap pemohon menjadi pemilih hendaklah menandatangani permohonan borangnya sendiri, borang A, di hadapan pegawai pendaftar dan saksi hendaklah sama ada ketua daerah, ketua anak negeri, ketua kampung atau kapitan Cina yang akan menurunkan cop rasminya. Ini kerana kita tahu daftar pemilih negeri Sabah itu tercemar sepertimana termasuk pengundi-pengundi yang tidak dikenali dan seterusnya. Setiap saksi hendaklah membuat deklarasi bahawa dia faham dan tertakluk kepada seksyen Akta Kesalahan-kesalahan Pilihan Raya 1954.

SPR hendaklah membenarkan selagi dia tidak mengganggu secara tidak berpatutan mana-mana individu yang ingin memerhati dan mengawasi proses pendaftaran pemilih. SPR haruslah melalui pegawai pendaftar membekalkan kepada mana-mana individu atau organisasi yang memohon sedemikian pada bila-bila masa, maklumat-maklumat seperti berikut:

- (i) jumlah borang A yang diterima bagi seluruh kawasan pilihan raya di bawah jagaannya dengan angka siri borang A itu sekali;
- (ii) jumlah borang A yang telah dikeluarkan olehnya kepada setiap unit pendaftaran di bawah jagaannya dengan angka sirinya sekali;

- (iii) jumlah borang A yang telah digunakan dalam pecahan maklumat menurut Unit Pendaftaran dan angka siri borang A yang terpakai; dan
- (iv) pecahan permohonan mengikut locality dan kawasan pilihan raya.

Saya hairan kenapa ini tidak dapat diperolehi oleh umum supaya mengetahui dan membantu SPR kalau ada penyelewengan-penyelewengan terjadi yang cuba mencemarkan integrity daftar pemilih setiap daerah, setiap negeri atau pun negara keseluruhan. Bagi pemohon pendaftaran sebagai pengundi baru borang A hendaklah disiasat rapi untuk memastikan kesahihan kerakyatan dan kediaman pemohon. Penyiasatan ini amat perlu memandangkan terlalu banyak kad pengenalan palsu telah jatuh ke tangan pendatang asing di Sabah sepertimana yang kita baca, kita tahu melalui tindakan mahkamah kepada mereka dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi iaitu dari segi proses bantahan. Tempoh pemilihan senarai A, senarai B dan senarai C untuk bantahan umum adalah 14 hari. Ini baru selesai pada bulan yang lalu. Namun begitu hanya satu salinan daftar pemilih sahaja yang dipamerkan di pejabat-pejabat daerah. Ini menyukarkan para pemilih memeriksa lebih lagi dalam keadaan perhubungan negeri Sabah yang sukar dan luas, seperti di Sarawak pun begitu juga. Para pengundi diharapkan datang secara peribadi menyemak daftar pemilih di pejabat daerah sedangkan mereka tinggal berjauhan, tempat-tempat yang terpencil dalam daerah mengundi masing-masing.

Tempoh untuk memperolehi dokumen-dokumen yang perlu terlalu lama dan kerap kali apabila diperolehi, tempoh bantahan pun telah berlalu. Bagi pihak kami, kami terus menghantar pegawai ke SPR Kuala Lumpur untuk mendapatkan salinan bagi pihak kami kerana kalau tunggu pejabat daerah, esok buka bantahan baru dia beri salinan. Bagaimana kita boleh bantu SPR untuk membersihkan daftar pemilih dan memastikan setiap yang mendaftar itu betul-betul layak sebagai pengundi, supaya mereka dapat melakukan hak dan kewajipan mereka. Dengan ini kita meminta sekali lagi dan mengulangi kami punya cadangan, setiap pegawai pendaftaran hendaklah dibekal dengan salinan daftar pemilih, senarai A, senarai B, senarai C yang cukup.

Daftar pemilih tersebut boleh dijual kepada individu, kepada kami, kami sedia membayarnya atau organisasi yang berkehendakkannya. Tempoh memperolehi daftar pemilih tersebut hendaklah diasingkan daripada tempoh bantahan 14 hari yang ditetapkan dan yang tersangat penting daftar pemilih hendaklah juga dipamerkan di setiap daerah mengundi, bukan di pejabat daerah sahaja demi kemudahan orang ramai di daerah mengundi yang berkenaan. Ini akan membolehkan pengundi membuat bantahan yang lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, inilah antara cadangan-cadangan dan keluhan pihak kami kerana empat tahun setengah ini, hampir full time selepas pilihan raya 1994 apabila bukti ditimbulkan dalam mahkamah bahawa ada kes-kes tertentu yang tidak betul, kami pun berusaha untuk membantu dalam perkara ini.

Satu lagi perkara saya tekankan di sini pada masa bantahan dan semakan ke atas senarai A yang sentiasa tidak diterima oleh pihak SPR. Pihak kami telah menulis kepada SPR dalam perkara ini dan jawapannya ialah mengikut interpretasi pihak Peguam Negara, dengan izin, the date of qualifications itu sangat penting pada masa mendaftar diri pada beberapa tahun lalu dan tidak dibantah maka kekallah ia di sana. Mahu bantah sekarang tidak boleh tetapi saya minta jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri dalam perkara ini. Sebab di dalam perkara ini mengikut akta yang ada, ini adalah revision. Ini adalah semakan. Jadi semakan adalah bagi senarai A, B dan C, bukan sekadar pengundi baru.

Jadi kita minta ketetapan dalam perkara ini sebab kita percaya kalau dahulu, kadang-kadang mereka mengatakan Tuan Yang di-Pertua, ini serius sekali, mereka sudah mengundi dulu, jadi kenapa mahu mempersoalkan lagi? Ini salah. Ertinya kalau seorang pencuri itu telah mencuri dan tidak kena tangkap, dia masih sah boleh lagi terus mencuri. Saya rasa ini sangat serius sekali dan demi untuk menambahkan keyakinan kepada kepercayaan awam dalam proses undang-undang kita dan proses pilihan raya kita, pihak SPR hendaklah mengambil perkara ini dengan serius.

Saya juga menekankan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa banyak pegawai SPR ini tidak fasih dengan tanggungjawab dan undang-undang pilihan raya. Saya terus terang di sini misalnya dalam kawasan Bandau baru-baru ini di pejabat Kota Marudu telah mengemukakan bantahan maka notis pendengaran telah dikeluarkan. Notis itu ditandatangani oleh pegawai SPR pada 10 haribulan dan dia punya hearing 16 haribulan, sekadar 6 hari. Mengikut undang-undang 10 hari hendaklah diberikan kepada pihak umum yang dibantah untuk mempertahankan diri ataupun mengenal pasti kelayakan mereka.

Apabila pihak saya menelefon Pembantu Kerani, Ah! Hendak apa itu, lagi bagus mereka tidak boleh datang. Saya kata, kami tidak mahu sebarangan, kalau kamu salah, mana kami hendak ikut salah. Kamu kena ikut undang-undang. Kalau 10 hari ditentukan dalam akta, hendaklah 10 hari. Jadi banyak kesulitan, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai SPR yang mengendalikan pendaftaran semua ini tidak terlatih, tidak mengetahui, kami dalam PBS sudah hampir hafal semua undang-undang Akta Pilihan Raya. Jadi saya minta Jabatan Perdana Menteri supaya perkara ini diambil kira, ini satu klasik kes terpaksa ditunda hearing pada 28 haribulan. Notisnya enam hari sahaja, saya beritahu, ini tidak betul dari segi undang-undang.

Jadi sistem kita, Tuan Yang di-Pertua, saya ragu-ragu apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sebagai menggunakan pilihan raya untuk menggantikan kepimpinan kalau tidak senang hati, nanti sekadar kata-kata sahaja dan jaminan yang tidak boleh dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya ini, saya juga menekankan di sini dan melihat dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat mengatakan sesuai dengan jaminan menggunakan pilihan raya untuk menukar kerajaan, saya katakan di sini maka saya dengan ini menggesa pihak Kerajaan Pusat supaya pilihan raya negeri akan datang adalah bersih, adil dan betul-betul demokratik. Pilihan raya negeri Sabah akan diadakan 150 hari lagi, bulan Mac kalau Tuan Yang Terutama sambung lagi, barangkali sambung 60 hari, jadi 150 hari.

Saya merayu kepada kerajaan sesuai dengan apa yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita mengguna undang-undang dan patuh kepada peraturan-peraturan supaya Kerajaan Pusat pada kali ini, pilihan raya negeri menentukan dan memastikan supaya satu pilihan raya yang bersih, menggunakan daftar pemilih yang bersih, mengendalikan pilihan raya dengan betul, adil dan saksama, supaya kerajaan mengelakkan menggunakan jenteranya ataupun mengelakkan jenteranya disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab termasuklah menakut-nakutkan pengundi, termasuklah digunakan oleh orang yang tidak bertanggungjawab mengangkut pengundi terjun, pengundi hantu, membeli ADUN-ADUN dan menutup istana.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ini sejarah lama yang harus ditinggalkan. Kita percaya negara Malaysia mahu melonjak ke hadapan walaupun masalah-masalah yang dihadapi sekarang ini dan kami di sini mencatatkan memang kita tidak setuju dengan apa yang terjadi seperti rusuhan-rusuhan, kita tidak condoned dalam perkara ini, namun kita

juga merayu kepada pihak kerajaan, pihak berkuasa dan pihak mereka yang terlibat supaya ada satu penyelesaian yang lebih baik, yang lebih harmonis dan supaya semuanya menggunakan kesabaran masing-masing demi menjamin nama baik negara kita dan pencapaian negara yang kita tidak boleh nafikan telah menjadi ketara. Tetapi pada masa yang sama, we have to be professional, dengan izin, kita harus jangan main-main, kita tidak harus sekadar mementingkan kepentingan politik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah sekarang ini, saya percaya rakyat menunggu untuk menentukan siapa kerajaan nanti. Saya harap kerajaan memberi jaminan, beri pilihan yang bersih, hormati siapa yang menang dan saya berpendapat Sabah akan bertambah maju, pentadbiran akan lebih baik, beri Ketua Menteri kepada siapa yang menang lima tahun, bukannya secara bergilir-gilir, kalau tidak saya rasa kemunduran akan terus dihadapi oleh negeri kita di sana dan negara am keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah komen-komen saya dalam Belanjawan yang telah diadakan dan kami berharap khususnya dari segi daftar pemilih, inilah ruang yang telah kami gunakan tetapi kalau ruang ini pun tidak ada apa-apa, kami tidak ada pilihan. Kami telah mendapat mandat sebenarnya dari ahli-ahli parti kongres kami untuk membawa perkara ini ke forum yang lebih luas. Kami telah cukup sabar dan kami percaya pihak SPR, pihak negara kita bersama-sama dengan kami boleh mengatasi masalah-masalah yang ada tetapi dalam memperjuangkan keadilan kalau peranan kami ini tidak diakui, tidak pun diberi perhatian, maka terpaksa kita melihat cara-cara yang lain, yang baik untuk membantu negara bertambah kuat dalam pentadbirannya. Jadi dengan kata-kata demikian, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Bayan Baru.**

**5.14 ptg.**

**Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membentangkan belanjawan tahun 1999 yang bertujuan untuk menarik pelaburan secara langsung dari luar negara untuk memulihkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit sebanyak tentang isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi negara kita kini. Sejak kemerosotan ekonomi negara kita ekoran serangan spekulator ke atas mata wang kita, perhatian kerajaan kita telah tertumpu kepada pemulihan ekonomi negara kita. Banyak penekanan telah diberikan kepada pemulihan sektor kewangan dan menyelamatkan korporat dan syarikat besar. Dalam keghairahan kita untuk berbuat demikian kita seolah-olah telah mengabaikan kesulitan dan penderitaan rakyat jelata biasa. Mereka juga menderita teruk akibat kemerosotan ekonomi dan peningkatan kos hidup yang disebabkan oleh kejatuhan nilai mata wang kita.

Apabila ekonomi negara kita lemah rakyat jelata biasalah dalam masyarakat kita yang paling teruk terjejas dari segi jiwa. Mereka sering terancam oleh rasa tidak selamat terhadap kewangan. Yang 'makan gaji' takut akan kehilangan pekerjaannya dan untuk peniaga kecil, penjaja, petani, pekebun, penternak dan nelayan bermacam terhadap pendapatan yang susut makin terasa, maka kedua-dua golongan ini akan semakin sukar untuk memenuhi keperluan kebendaan untuk keluarga mereka.

Oleh yang demikian langkah-langkah perlu diambil untuk meredakan penderitaan rakyat jelata biasa seperti ini dalam masyarakat kita. Semasa krisis ekonomi yang sedang kita alami pelbagai agensi kerajaan, majlis kerajaan tempatan, kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat harus memainkan peranan yang lebih proaktif dan menghulurkan bantuan yang diperlukan. Sebagai permulaan Majlis Kerajaan Tempatan patut mengamalkan dasar fiskal yang lebih liberal. Pihak berkuasa ini patut memberikan potongan atas cukai pintu

kepada pemilik rumah kos rendah dan kos sederhana dan juga rumah-rumah kampung. Sewa untuk penjaja dan peniaga kecil di gerai pasar, kompleks penjaja dan tempat lain yang dimiliki Majlis Kerajaan Tempatan hendaklah dikurangkan. Begitu juga cukai dan bayaran lesen hendaklah dikurangkan untuk penjaja, peniaga kecil dan peniagaan kecil seperti pekedai gunting rambut, pekedai runcit, pekedai tukang jahit, pekedai mekanik kereta, kontraktor kecil dan lain-lain. Layanan yang serupa ini perlu dipanjangkan kepada petani kecil, pemilik dusun, nelayan dan penternak.

Kerumitan atau red tape permohonan lesen dan pembaharuan tahunannya perlu dikurangkan atau ditingkatkan. Ini akan mengurangkan kekecohan kepada kedua-dua pihak dan seterusnya menjimatkan kos dan masa untuk memulakan sesuatu perniagaan kecil, misalnya untuk memulakan kedai tukang jahit, kedai runcit atau kedai gunting rambut, seseorang memerlukan lima atau enam lesen tertakluk kepada jenis perniagaannya.

Kerajaan Negeri juga dapat membantu golongan itu dengan mengurangkan cukai tanah untuk tanah di mana perniagaan atau aktiviti itu dijalankan dan juga bayaran lesen yang berkenaan. Dengan kerjasama majlis kerajaan tempatan, kerajaan negeri dapat mengenal pasti tanah kosong kepunyaan majlis kerajaan tempatan atau kerajaan negeri untuk dijadikan tapak perniagaan sementara untuk penjaja, peniaga kecil, pemilik dusun, nelayan dan lain-lain demi mewujudkan peluang bagi mereka meringankan kesukaran yang dihadapi semasa krisis ekonomi.

Perbadanan yang diswastakan atau syarikat kemudahan seperti Tenaga Nasional Berhad, pihak berkuasa air, Telekom dan lain-lain harus memainkan peranan masing-masing untuk membantu kerajaan. Syarikat-syarikat ini perlu memanjangkan tempoh kredit untuk pelanggan-pelanggan menjelaskan bil mereka. Syarikat-syarikat itu perlu menimbangkan untuk memberi potongan atau diskaun kepada pemilik rumah kos rendah dan kos sederhana serta rumah kampung. Layanan sedemikian hendaklah juga diberikan kepada peniaga kecil, penjaja atau peniaga runcit.

Salah satu kesukaran yang dialami oleh peniaga kecil dan peniaga runcit adalah untuk mendapatkan pinjaman daripada bank atau institusi kewangan untuk membiayai perniagaan mereka. Semenjak bermulanya kegawatan ekonomi tahun lepas permohonan pinjaman mereka antara RM20,000 hingga RM50,000 hampir-hampir tiada sama sekali.

Bagaimanakah mereka mengembangkan perniagaan mereka atau melaksanakan projek mereka kalau mereka tidak mendapatkan pinjaman bank. Setengah-setengah bank atau institusi kewangan menolak mentah-mentah permohonan pinjaman mereka. Setengah-setengah bank yang menimbangkan permohonan mereka mengenakan pelbagai syarat yang sukar untuk dipenuhi mereka. Halangan yang utama untuk mendapatkan pinjaman ialah cagaran dengan izin, collateral yang mencukupi. Cagaran biasa seperti hartanah atau rumah dinilai jauh lebih rendah daripada nilai pasaran manakala saham dari BSKL ditolak sebagai cagaran dan jika diterima juga hanya dengan nilai yang amat rendah, semua ini tidak membantu peniaga kecil sama sekali. Bank atau institusi kewangan seharusnya bersikap lebih liberal dan inovatif. Mereka harus menimbangkan potensi perniagaan tersebut dan kredibiliti peminjam dan bukan semata-mata berdasarkan cagaran yang tinggi nilai itu sebagai asas untuk memberikan pinjaman. Sekiranya peniaga kecil itu dan peniaga runcit memiliki cagaran yang begitu tinggi nilainya mereka tidak akan berada dalam keadaan sedemikian sehingga terpaksa memerlukan pinjaman bank.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa bonus tidak akan diberikan kepada pegawai kerajaan. Saya faham bahawa negara kita kini di bawah tekanan kegawatan kewangan. Namun keadaan ini beransur pulih, oleh yang demikian saya merayu kepada kerajaan supaya menimbangkan keputusan ini semula memandangkan sumbangan dan pengorbanan kakitangan kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara. Sekiranya kerana kesempitan kewangan dan bonus

sebulan tidak dapat diberikan kerajaan harus menimbangkan untuk memberikan “angpau” dengan izinnya atau saguhati kepada pegawai kerajaan dan menghargai mereka dengan bonus apabila ekonomi negara pulih kelak. Untuk pekerja dalam kumpulan IMG atau pegawai yang menerima gaji bulanan di bawah RM1,000.00 kerajaan harus menimbangkan untuk memberikan bonus sebulan. Ini kerana kumpulan ini sukar untuk menyesuaikan diri untuk menghadapi kemerosotan ekonomi, kebanyakan pendapatan mereka digunakan untuk membiayai keperluan hidup harian dan pendidikan untuk anak-anak. Mereka ini tiada wang tabungan untuk membantu mereka dalam masa kesusahan ini.

Saya berharap sektor swasta tidak akan mengambil kesempatan dalam pengumuman Yang Amat Berhormat ini dengan tidak membayar bonus sama sekali kepada pekerja mereka. Sebagaimana kita sedia maklum, sesetengah perniagaan masih memperolehi keuntungan dan bukan semua perniagaan mengalami kerugian. Kita ketahui bahawa sektor eksport dan sektor industri minyak kelapa sawit sedang menikmati keuntungan yang lebih banyak daripada dahulu. Oleh yang demikian mereka patut memberikan penghargaan kepada pekerja-pekerja mereka dengan meneruskan pembayaran bonus.

Saya juga merayu kepada sektor swasta supaya membayar bonus kepada pekerja-pekerja yang gaji di bawah RM1,000.00 atas pertimbangan peri kemanusiaan tanpa mengira sama ada syarikatnya untung atau tidak. Tambahan pula saya hendak mencadangkan supaya caruman KWSP bagi pekerja yang pendapatan di bawah RM1,000.00 sebulan ditanggung oleh majikan. Ini akan memastikan pekerja itu menerima pendapatan yang lebih dengan izin, “disposable income” banyak untuk menanggung perbelanjaan hidupnya. Langkah sementara ini boleh ditarik balik sekiranya ekonomi negara kita pulih. Untuk majikan yang mengambil langkah ini untuk membantu pekerja-pekerjanya yang berpendapatan rendah kerajaan patut memberikan pertimbangan untuk potongan dua kali ganda bagi caruman ini dalam cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh penyewa yang sedang tinggal di rumah yang dahulunya dikawal sewa. Dengan penangguhan kenaikan sewa yang berakhir pada tahun 2000, penyewa bimbang bahawa pemilik premis akan menaikkan sewa sewenang-wenangnya untuk mengambil balik harta itu. Sebarang kenaikan sewa yang tidak munasabah akan memaksa kebanyakan perniagaan tradisional yang kecil menggulung tikar sehingga mengakibatkan kegawatan kewangan khususnya di Pulau Pinang yang terkenal dengan bilangan premis yang terbanyak di bawah Akta Kawalan Sewa dahulu.

Saya merayu kepada pemilik premis supaya bersikap adil kepada penyewanya untuk membantu kerajaan mengatasi masa kesusahan ini. Kebimbangan penyewa yang lain ialah perniagaan mereka akan dipindahkan ke tempat lain apabila pembangunan secara besar-besaran atas tapak di bawah kawalan sewa berlaku. Pemintaan mereka ialah apabila Majlis Kerajaan Tempatan meluluskan pelan pembangunan semula keperluan mereka perlu diambil kira dan mewajibkan pembangunan semula itu memberikan tapak alternatif kepada perniagaan tradisional yang kecil dalam pelan keseluruhannya. Dengan harga yang berpatutan, ini akan memastikan gangguan yang kurangnya terhadap mereka yang terlibat dan juga memastikan perniagaan tradisional mereka dapat diteruskan. Penyewa-penyewa lain yang tinggal dalam premis di bawah kawalan sewa berharap kerajaan akan membina rumah kos rendah dan kos sederhana yang mencukupi untuk disewa atau untuk dijual kepada mereka. Mereka juga berharap agar rumah kediaman baru mereka itu di dalam lingkungan bandar atau berhampiran dengan bandar. Ini kerana mereka makan gaji di bandar atau melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi di bandar. Setengah-setengah mereka yang dipindahkan ke luar bandar mendapati sukar untuk mereka memiliki kemudahan pengangkutan ke bandar untuk meneruskan pekerjaan atau kegiatan ekonomi mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah.**

**5.28 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 1999. Terlebih dahulu saya bagi pihak penduduk kawasan Gelang Patah ingin menyampaikan sokongan penuh kami terhadap dasar-dasar kerajaan yang digubal untuk memulihkan keadaan ekonomi negara. Kami juga menyokong penuh Belanjawan 1999 yang menggariskan strategi-strategi untuk mencergaskan semula ekonomi, walaupun belanjawan ini merupakan belanjawan pertama dalam masa lebih 10 tahun yang melibatkan defisit sebanyak RM16.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemerintah dalam sebuah negara yang merdeka tanggungjawab paling utama Kerajaan Barisan Nasional adalah menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat Malaysia dan bukannya memenuhi tuntutan kumpulan spekulator antarabangsa. Ketika merumuskan dasar-dasar ekonomi negara soalan pertama dan yang utama yang perlu ditanya ialah sama ada dasar-dasar ini akan membawa kesan positif kepada masyarakat tempatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta sambung besok.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi besok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*